




MAIWP

LAPORAN TAHUNAN 2024



Memacu Kegemilangan Ummah



ISI KANDUNGAN

Latar Belakang	2
Carta Organisasi	5
50 Tahun MAIWP	6
Laporan Pengerusi MAIWP	8
Laporan Setiausaha MAIWP	13
Laporan Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP	28
Laporan Penyata Kewangan	85

LATAR BELAKANG

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) telah ditubuhkan pada 1 Februari 1974 serentak dengan penubuhan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Penubuhannya adalah bagi menjaga hal ehwal Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang sebelum itu diletakkan di bawah Kerajaan Negeri Selangor. Selaras dengan pengumuman Wilayah Persekutuan Labuan pada 16 April 1984 dan Wilayah Persekutuan Putrajaya 1 Februari 2001, urusan hal ehwal agama di Wilayah-Wilayah Persekutuan ini diletakkan di bawah MAIWP.

Penubuhan MAIWP dinyatakan melalui peruntukan di dalam Perlembagaan Persekutuan dan Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505].

Perkara 3(5) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa:

“Walau apa pun apa-apa jua dalam Perlembagaan ini, Yang di-Pertuan Agong hendaklah menjadi Ketua Agama Islam di Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya; dan bagi maksud ini Parlimen boleh melalui undang-undang membuat peruntukan-peruntukan bagi mengawal selia hal ehwal agama Islam dan bagi menubuhkan suatu Majlis untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan agama Islam.”

Seksyen 4(1), Akta 505 pula menyatakan:

“Maka hendaklah ada suatu badan yang dikenali sebagai “Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan”, untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong dalam perkara-perkara yang berhubungan dengan agama Islam.”

Bidang kuasa MAIWP pula dijelaskan melalui Seksyen 31, Akta 505 yang menyatakan:

“Majlis hendaklah membantu dan menasihati Yang di-Pertuan Agong berkenaan dengan semua perkara yang berhubungan dengan agama Islam di dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan, kecuali perkara-perkara Hukum Syarak dan yang berhubungan dengan pentadbiran keadilan, dan dalam semua perkara sedemikian hendaklah menjadi pihak berkuasa utama di dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan selepas Yang di-Pertuan Agong, kecuali jika diperuntukkan selainnya dalam Akta ini.”

VISI

Peneraju kesejahteraan ummah secara holistik melalui pendekatan lestari

MISI

Mengupayakan pembangunan ekosistem islamik dan sosioekonomi ummah yang strategik

SLOGAN

Memacu Kegemilangan Ummah

OBJEKTIF

- Membentuk dan mewujudkan sebuah masyarakat Islam yang dinamis dan progresif yang sentiasa mencari keredaan Allah.
- Memupuk keimanan dan mengukuhkan ukhuwah Islamiah dalam kalangan orang-orang Islam di Wilayah Persekutuan khususnya dan Malaysia amnya bagi mencapai perpaduan ummah.
- Memperbanyakkan usaha-usaha kebajikan dan mencegah kemungkaran dalam masyarakat Islam.
- Melaksanakan usaha-usaha menambah harta MAIWP melalui pelaburan dan usaha-usaha halal yang lain bagi faedah umat.

STRATEGI

1. Menyediakan kemudahan pendidikan agama yang secukupnya bagi keperluan umat Islam.
2. Menyediakan kemudahan tempat-tempat beribadat secukupnya bagi keperluan umat Islam.
3. Meluas, meninggikan mutu perkhidmatan dan kebajikan agama.
4. Memperluaskan kegiatan dakwah termasuk membantu dan memandu kegiatan badan-badan dakwah.
5. Memperbanyak dan memajukan tanah-tanah wakaf.
6. Mempertingkatkan kegiatan kutipan zakat.
7. Menguatkuasakan segala aspek undang-undang pentadbiran agama Islam.
8. Mempertingkatkan kegiatan ekonomi dalam bidang perniagaan, pembangunan dan pelaburan.

NILAI KEBERSAMAAN

MAHABBAH

Budaya kasih sayang sebagai sebuah keluarga,

mesra pelanggan dan sikap penuh empati akan menjadi iklim di MAIWP selari dengan teras perkhidmatan utama untuk menyampaikan perkhidmatan terbaik kepada ummah.

AMANAH

Kami menjunjung tinggi **tanggungjawab ummah** dan menunaikannya dengan penuh rasa keinsafan.

INTEGRITI

Berkhidmat dengan penuh berintegriti menjadi **etika dan tunjang kesungguhan** keluarga MAIWP.

WAWASAN

MAIWP berwawasan untuk menjayakan **agenda pembangunan negara** sekali gus berpandangan jauh bagi mencapai matlamat penting kerajaan dan organisasi.

PRIHATIN

Kami prihatin dan peka dengan **persekitaran dan masalah ummah**.

AKTIVITI UTAMA



Pengurusan
zakat



Pengurusan
wakaf



Pembangunan
modal insan



Pembangunan
hartanah



Terimaan sumber-sumber lain seperti fidyah, kaffarah, luqatah, wang tidak patuh syariah dan pusaka yang terhak kepada MAIWP

CARTA ORGANISASI



50 TAHUN MAIWP

Memacu Kegemilangan Ummah

Sejak ditubuhkan pada tahun 1974, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) terus memegang amanah sebagai institusi utama dalam mengurus, memperkasa, dan memartabatkan hal ehwal Islam di Wilayah Persekutuan. Sepanjang lima dekad, MAIWP bukan sahaja berperanan sebagai pemegang amanah dana zakat, baitulmal dan wakaf, malah turut menjadi rakan strategik ummah dalam membangunkan masyarakat seimbang dari aspek rohani, ekonomi dan sosial.

AWAL PENUBUHAN (1974–1980-AN)

MAIWP ditubuhkan dengan mandat mengurus hal ehwal Islam seiring dengan perwujudan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Pada era awal, fokus diberikan kepada penstrukturan organisasi, pewartaan enakmen, serta pengukuhan sistem pentadbiran agama. Zakat, wakaf, pendidikan Islam, dan hal ehwal syaria mula distrukturkan agar lebih tersusun, menepati kehendak syarak serta undang-undang negara.

ERA PERKEMBANGAN (1990-AN–2000-AN)

Memasuki dekad 1990-an, MAIWP memperkukuh jaringan perkhidmatan sosial dan pendidikan. Penubuhan sekolah-sekolah seperti Sekolah Menengah Agama MAIWP, asrama anak yatim, pusat tahfiz, serta institusi latihan kemahiran menjadi bukti iltizam majlis dalam melahirkan generasi Muslim berilmu dan berakhlak.

Di samping itu, program pembangunan ekonomi asnaf semakin giat dijalankan melalui bantuan modal, latihan, dan bimbingan perniagaan. Kejayaan melahirkan ramai usahawan asnaf menjadi bukti transformasi zakat sebagai pemangkin perubahan hidup.

ERA PEMODENAN DAN DIGITALISASI (2010-AN–KINI)

Dengan perkembangan teknologi, MAIWP melangkah ke hadapan melalui digitalisasi sistem pengurusan zakat, wakaf dan baitulmal. Platform pembayaran zakat secara atas talian, aplikasi mudah alih, serta inovasi saluran kutipan memudahkan masyarakat menunaikan kewajipan dengan lebih cepat dan telus.

Dalam masa sama, pelbagai institusi kebajikan diwujudkan — termasuk pusat transit gelandangan, rumah perlindungan wanita, pusat perubatan dialisis, dan skim bantuan pendidikan — yang menjadi bukti kesungguhan MAIWP membantu golongan memerlukan tanpa mengira latar belakang.





Menjana Kesatuan Ummah Selama 50 tahun, MAIWP menjadi jambatan penyatuan masyarakat Islam di Wilayah Persekutuan. Melalui program dakwah, pendidikan, dan kebajikan, MAIWP bukan sahaja mendekatkan masyarakat kepada ajaran Islam, malah menghidupkan nilai kasih sayang, tolong-menolong dan persaudaraan.

Sokongan padu umat Islam terhadap zakat, wakaf, dan sedekah telah membolehkan MAIWP menyalurkan semula dana kepada ratusan ribu penerima manfaat setiap tahun. Inilah roh sebenar kebersamaan — apabila rezeki yang dikongsi mampu mengangkat martabat mereka yang memerlukan.

Melangkah ke Hadapan dengan Malaysia MADANI Memasuki era baharu, hala tuju MAIWP selari dengan gagasan Malaysia MADANI, iaitu satu inisiatif negara yang berteraskan enam nilai utama: kemampunan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan, dan ihsan.

Dalam kerangka MADANI, MAIWP memperkukuh agenda kemampunan melalui pengurusan zakat dan wakaf yang lestari; memastikan kesejahteraan melalui



pelbagai skim bantuan dan perlindungan sosial; menggalakkan daya cipta melalui inovasi digital; memupuk budaya hormat dalam masyarakat majmuk; memperteguh keyakinan ummah terhadap institusi Islam; serta mengangkat ihsan sebagai asas dalam setiap program kebajikan.

PENUTUP

Lima puluh tahun adalah saksi perjalanan penuh liku, cabaran dan pencapaian. MAIWP bukan sekadar institusi, tetapi sebuah wadah kebersamaan yang menghubungkan umat dengan Allah melalui pengurusan harta Islam yang amanah dan penuh integriti.

Dengan semangat “Memacu Kegemilangan Ummah” dan berlandaskan nilai-nilai Malaysia MADANI, MAIWP terus melangkah gagah ke hadapan, memastikan setiap generasi akan merasai nikmat kebajikan, pendidikan, dan pembangunan yang diwarisi daripada perjuangan setengah abad ini.



LAPORAN PENGURUSI MAIWP

YBHG. TUAN SYED
KAMARULZAMAN BIN SYED
KABEER

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, dan Salam Sejahtera.

Segala puji bagi Allah SWT, Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga baginda, para sahabat, serta umat Islam seluruhnya.

Dengan penuh kesyukuran ke hadrat Allah SWT, saya mewakili Lembaga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kerana diberi kesempatan untuk membentangkan Laporan Tahunan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) Tahun 2024, yang juga bertepatan dengan ulang tahun ke-50 penubuhan MAIWP.

50 Tahun Terus Menyantuni


Sejak penubuhannya pada tahun 1974, MAIWP telah melalui perjalanan panjang selama setengah abad dalam menyantuni, memperkasa, dan membangunkan ummah di Wilayah-Wilayah Persekutuan. Tempoh 50 tahun ini merupakan satu pencapaian yang amat bermakna, bukan sahaja kerana kejayaan dalam menguruskan dana zakat, wakaf, fidyah dan sumber am dengan penuh amanah, tetapi juga kerana kejayaan MAIWP membina keyakinan masyarakat terhadap institusi agama sebagai peneraju pembangunan Islam yang progresif dan inklusif.

Sebagai sebuah institusi yang dipertanggungjawabkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, MAIWP terus komited melaksanakan amanah pengurusan hal ehwal Islam di Wilayah-Wilayah Persekutuan. Seiring gagasan Malaysia Madani, MAIWP berusaha memperkukuh kesejahteraan ummah melalui agihan zakat, pembangunan sosioekonomi, pendidikan, kesihatan, perlindungan dan dakwah dengan penuh integriti dan ketelusan.

Sempena ulang tahun ke-50 penubuhan MAIWP, kita melihat kembali detik-detik permulaan yang sederhana, dan kini MAIWP muncul antara institusi agama paling diyakini dan tersusun di negara ini. Perjalanan ini penuh dengan cabaran, pembaharuan dan pembelajaran.

Kita juga melangkah ke hadapan dengan iltizam baharu – untuk menjadi pemacu transformasi sosial berlandaskan syariah dalam masyarakat moden. MAIWP akan terus memperkukuh sistem wakaf, memperluas rangkaian bantuan, dan menambah baik teknologi dalam pengurusan serta pemantauan agihan zakat.

Keyakinan Pembayar Komitmen Berterusan MAIWP



Alhamdulillah, pada tahun 2024, MAIWP telah berjaya mencapai satu lagi tahap kecemerlangan apabila kutipan zakat melepasi RM1.13 bilion, manakala agihan kepada asnaf sebanyak RM1,219,649,987. Agihan ini telah dimanfaatkan oleh keluarga asnaf di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan, termasuk golongan fakir, miskin, muafak, pelajar, serta mereka yang memerlukan bantuan dalam sektor pendidikan, kesihatan, perumahan dan ekonomi.

Kejayaan ini hasil daripada keyakinan para pembayar zakat, sistem pengurusan yang berintegriti, serta komitmen warga MAIWP dalam memastikan setiap sen yang disumbangkan memberi manfaat maksimum kepada penerima.

PRESTASI KEWANGAN

Secara keseluruhannya, MAIWP pada tahun 2024 telah mencatatkan pendapatan kumpulan sebanyak RM1,587,390,967

PERATUSAN JENIS PENDAPATAN MAIWP & KUMPULAN

	2023		2024	
	JUMLAH (RM)		JUMLAH (RM)	
Kutipan Zakat	1,030,448,182	69.51%	1,131,566,833	71.28%
Hasil zakat amil	157,243,526	10.61%	154,477,142	9.73%
Wakaf am	997,430	0.07%	1,255,945	0.08%
Geran	44,954,537	3.03%	43,585,755	2.75%
Sewa	8,842,166	0.60%	9,235,387	0.58%
Pelaburan	25,899,875	1.75%	31,398,959	1.98%
Yuran Pengajian	17,778,579	1.20%	35,461,139	2.23%
Syarikat	164,119,943	11.07%	157,268,100	9.91%
Lain-lain	31,959,045	2.16%	23,141,707	1.46%
JUMLAH	1,482,243,283	100%	1,587,390,967	100%

Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM1,573,597,311 telah dibelanjakan meliputi pengagihan zakat, pengurusan dan lain-lain lagi.

PERATUSAN JENIS PERBELANJAAN MAIWP & KUMPULAN

	2023		2024	
	JUMLAH (RM)		JUMLAH (RM)	
Pengagihan zakat	954,956,250	68.46%	1,132,892,739	71.99%
Penyelenggaraan Bangunan	7,600,711	0.54%	8,749,588	0.56%
Inventori	83,899,386	6.01%	89,505,933	5.69%
Kos Tenaga Pengajar & Perunding Perubatan	45,064,144	3.23%	42,874,735	2.72%
Kakitangan dan Pengurusan	261,875,049	18.77%	267,453,427	17.00%
Lain-lain	41,770,583	2.99%	32,120,889	2.04%
JUMLAH	1,395,166,123	100%	1,573,597,311	100%

PERATUSAN KUTIPAN DAN AGIHAN ZAKAT

	2023	2024	2024 vs 2023
	JUMLAH (RM)	JUMLAH (RM)	PENINGKATAN
Kutipan Zakat	1,031,293,790	1,133,684,126	9.93%
Agihan Zakat	1,018,715,070	1,219,649,987	19.72%

Pengurusan Kewangan Yang Cekap

Memasuki tahun 2024, MAIWP telah berjaya mengekalkan prestasi pengurusan kewangan yang cekap dan telus dan ini dibuktikan dengan pencapaian menerima sijil audit bersih bagi Penyata Kewangan sejak tahun 2006 sehingga kini.

Syarikat Milik MAIWP

Sehingga tahun 2024, MAIWP telah melabur sebanyak RM86.8 juta dalam bentuk ekuiti iaitu modal berbayar bagi 5 syarikat milik penuh MAIWP.

**PELABURAN DALAM SYARIKAT MILIK MAIWP**

MAIWP sehingga kini mempunyai 5 buah syarikat dan 1 yayasan iaitu :

1. Hartasuci Sdn. Bhd. (Hartasuci)
2. Kolej Sains Perubatan Antarabangsa PUSRAWI Sdn. Bhd. (UCMI)
3. Institut Profesional Baitulmal Sdn. Bhd. (KPBKL)
4. MAIWP Dagang Sdn. Bhd. (MDSB)
5. PUSRAWI Heritage Sdn. Bhd. (Pusrawi Heritage)
6. Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan (Yayasan Taqwa)



PENGHARGAAN DAN HARAPAN

Sebagai sebuah agensi yang bernaung Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, MAIWP akan terus menjunjung amanah dalam merencanakan agenda pembangunan ummah khususnya di Wilayah Persekutuan ini.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada seluruh warga MAIWP yang telah memperlihatkan komitmen, dedikasi dan kesungguhan dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan. Penghargaan ini juga ditujukan kepada para pembayar zakat yang sentiasa yakin dan percaya kepada sistem agihan zakat MAIWP, serta kepada agensi-agensi kerajaan, badan-badan bukan kerajaan (NGO), institusi masjid, dan semua pihak rakan strategik yang sentiasa memberikan kerjasama serta sokongan padu terhadap pelaksanaan pelbagai inisiatif dan program pembangunan ummah.

Kejayaan yang dicapai oleh MAIWP hari ini adalah hasil usaha kolektif dan semangat sinergi semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung. Anda semua merupakan tulang belakang kepada kekuatan institusi ini dalam memacu agenda kebajikan, pembangunan sosioekonomi, dan pemeraksanaan umat Islam secara menyeluruh. Tanpa dukungan padu ini, mustahil MAIWP mampu berdiri teguh seperti mana yang kita saksikan hari ini.

Saya mendoakan agar MAIWP terus dikurniakan kekuatan dan keberkatan oleh Allah SWT untuk terus melaksanakan amanah dengan penuh integriti, keikhlasan dan profesionalisme. Semoga institusi ini terus unggul sebagai peneraju tadbir urus Islam yang telus, progresif dan berimpak tinggi, sesuai dengan

kehendak maqasid syariah serta aspirasi negara dalam membina masyarakat madani yang seimbang dari segi rohani, intelek dan ekonomi.

Marilah kita terus berganding bahu dalam menjayakan misi besar ini — membina masa depan ummah yang lebih cerah, berdaya tahan, dan berdaya saing dalam mendepani cabaran dunia moden. Semoga segala usaha dan sumbangan kita diterima sebagai amal jariyah yang berpanjangan di sisi Allah SWT.

Penghargaan juga dirakamkan kepada barisan Ahli MAIWP yang sentiasa komited memberikan pandangan dan sumbangan dalam penetapan hala tuju dan dasar MAIWP demi membangunkan sosio ekonomi umat Islam di Wilayah Persekutuan ini.

Penghargaan kepada rakan-rakan strategik MAIWP seperti individu, non-governmental organization (NGO), syarikat-syarikat korporat yang turut membantu menjadi mata dan telinga MAIWP dalam bersama-sama menyantuni asnaf di Wilayah Persekutuan.

Ucapan penghargaan juga seharusnya diberikan kepada penggerak sebenar aktiviti dan program iaitu warga MAIWP itu sendiri yang sentiasa komited menunaikan tanggungjawab dan amanah melaksanakan tugas demi umat Islam di Wilayah Persekutuan ini.

Akhir kata, semoga Allah S.W.T. merahmati segala usaha yang telah diberikan dalam memastikan MAIWP sebuah Institusi Islam yang unggul di Wilayah Persekutuan. Sekian, terima kasih. Wassalam.



LAPORAN SETIAUSAHA MAIWP

YBHG. KOLONEL DATUK
HAJI MOHD AJIB BIN ISMAIL


Seksyen 10. Keanggotaan Majlis.

Majlis hendaklah terdiri daripada anggota-anggota berikut:

- a. seorang Pengerusi;
- b. seorang Timbalan Pengerusi;
- c. Ketua Setiausaha Negara atau wakilnya;
- d. Peguam Negara atau wakilnya;
- e. Ketua Polis Negara atau wakilnya;
- f. Mufti;
- g. Dato Bandar Kuala Lumpur; dan
- h. lima belas orang anggota lain, sekurang-kurangnya lima daripada mereka hendaklah yang arif dalam pengajian Islam.

1.

YBHG. TUAN SYED KAMARULZAMAN BIN SYED KABEER
Pengerusi



YBHG. DATUK AWANG ALIK BIN JEMAN
Timbalan Ketua Setiausaha Kanan (TKSUK)
(Tamat lantikan pada 22 September 2024)



YBHG. DATUK ABD SHUKOR BIN MAHMOOD
Timbalan Ketua Setiausaha Kanan (TKSUK)
(Mulai 23 September 2024)



YBHG. DATO' ANAS BIN AHMAD ZAKIE
Ketua Bahagian Syariah Dan Pengharmonian Undang-Undang
Jabatan Peguam Negara



YDH. CP DATO' SRI AZRI BIN AHMAD
Pengaruh Jabatan Integriti dan Pemuatan Standard Polis Diraja Malaysia (PDRM)



YBHG. DATUK LT. KOL. (K) HAJI ANWARI BIN SURI
Mantan Timbalan Ketua Audit Negara



YBHG. DATUK PROF. CHM. TS. DR. TAUFIQ YAP YUN HIN
Ketua Pusat Penyelidikan Sains dan Teknologi Pemangkin Fakulti Sains, Universiti Putra Malaysia



YBHG. DATO' SRI AMRIN BIN AWALUDDIN
Mantan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Tabung Haji



YBHG. DATUK SERI DR. YUSOF BIN ISMAIL
Mantan Ketua Pengarah Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)



YBHG. DATO' DR. HAJI NOOH BIN GADOT
Penasihat Agama Kepada DYMM Sultan Johor (Meletak jawatan pada 23 Mei 2025)



YBHG. DATUK HAJI MUNIR BIN HAJI MD. SALLEH
Pegawai Agama Istana Negara
(Mulai pada 24 Mei 2024)



YBHG. DATUK DYG SADIAH BINTI ABG BOHAN
Mantan Ketua Pengarah Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS)
Jabatan Perdana Menteri



YBHG. PROF. DATIN DR. RUSNI BINTI HASSAN
Dekan IIUM Institute of Islamic Banking and Finance Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

YBHG. DATO' DR. SIRAJUDDIN BIN SUHAIMEE
Ketua Pengarah
Jabatan Kemajuan Islam
Malaysia (JAKIM)
(Mulai 3 Disember 2024)



YBHG. DATUK HAJAH HAKIMAH BINTI MOHD YUSOFF
Ketua Pengarah
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
(Meletak jawatan pada 30 Oktober 2024)



SAHIBUS SAMAAH DATUK PROF. MADYA DR. LUQMAN BIN HAJI ABDULLAH
Mufti Wilayah Persekutuan



YBHG. DATUK SERI SR HJ. KAMARULZAMAN BIN MAT SALLEH
Datuk Bandar Kuala Lumpur
(Tamat lantikan pada 14 Ogos 2024)



YBHG. TAN SRI DATO' SERI MOHD KHAIRUL ADIB BIN ABD RAHMAN
Mantan Ketua Pengarah
Perkhidmatan Awam



YBHG. TAN SRI DATO' SRI SYED ZAINAL ABIDIN BIN SYED MOHAMED TAHIR
Pengerusi Eksekutif
Dagang NeXchange Berhad (DneX)



YBHG. DATO' HUSSAMUDDIN BIN HAJI YAACUB
Penasihat Kumpulan Media
Karangkraf Sdn. Bhd.



YBHG. DATO' MOHAMAD BIN S. AHMAD
Pengarah Urusan DF
Properties Sdn. Bhd.



YBHG. PROF. MADYA DATO' DR. HAJI MOHD IZHAR ARIFF BIN MOHD KASHIM
Timbalan Dekan (Hal Ehwal Jaringan Industri & Masyarakat)
Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia



YBRS. PROF. DR. ABDUL RAHIM BIN ABDUL RAHMAN
Mantan Timbalan Naib
Canselor (Akademik dan
Antarabangsa)
Universiti Sains Islam Malaysia



YBRS. TUAN HAJI ZURI ZABUDDIN BIN BUDIMAN
Peguam Al-Sabri & Co.



YBRS. USTAZ AHMAD FAUWAZ BIN ALI @ FADZIL
Syariah Advisor
Telaga Biru Sdn. Bhd.



YBHG. KOLONEL DATUK HAJI MOHD AJIB BIN ISMAIL
Pengarah JAWI
(Tamat lantikan pada 29 Oktober 2024)

PELAKSANAAN MESYUARAT

Seksyen 22 (4) , Akta 505 menyebut:

“Mesyuarat-mesyuarat Majlis hendaklah diadakan dengan tetap sehingga tidak lebih daripada tiga bulan kalendar boleh berlalu antara satu mesyuarat dengan yang berikutnya.”



Pada tahun 2024, Mesyuarat MAIWP telah bersidang sebanyak 8 kali seperti berikut:

BIL	PERKARA	TARIKH
1.	Mesyuarat MAIWP Khas Bil.1/2024	15.1.2024
2.	Mesyuarat MAIWP Khas Bil.2/2024	14.3.2024
3.	Mesyuarat MAIWP Khas Bil.3/2024	29.4.2024
4.	Mesyuarat MAIWP Khas Bil.4/2024	19.5.2024
5.	Mesyuarat MAIWP Kali Ke 165 Bil.1/2024	26.6.2024
6.	Mesyuarat MAIWP Kali Ke 166 Bil. 2/2024	15.8.2024
7.	Mesyuarat MAIWP Khas Bil.5/2024	25.9.2024
8.	Mesyuarat MAIWP Kali Ke 167 Bil.3/2024	20.11.2024

Pelantikan Ahli MAIWP Baharu

Tahun 2024 menyaksikan pelantikan baharu Ahli MAIWP sesi 2024-2026 setelah barisan Ahli MAIWP sesi 2021-2024 tamat pada 9 Februari 2024.

YBhg. Tuan Syed Kamarulzaman bin Syed Kabeer telah dilantik sebagai Pengerusi MAIWP berkuat kuasa pada 15 Februari 2024 menggantikan YBhg. Tan Sri Dr. Mohd Daud bin Bakar.

JAWATANKUASA DIURUSETIAKAN OLEH MAIWP

BIL	SENARAI JAWATANKUASA
1.	Jawatankuasa Baitulmal
2.	Jawatankuasa Pembangunan dan Pengurusan Hartanah
3.	Jawatankuasa Audit Dalam dan Governans
4.	Jawatankuasa Undang-Undang
5.	Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan
9.	Jawatankuasa Transformasi Digital
11.	Jawatankuasa Wakaf
12.	Jawatankuasa Tabung Wakaf Tunai

JAWATANKUASA DIURUSETIAKAN OLEH AGENSI LUAR

BIL	AGENSI	SENARAI JAWATANKUASA
1.	Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI)	Jawatankuasa Hal Ehwal Mualaf Wilayah Persekutuan Jawatankuasa Tadbir Urus Masjid Dan Surau Wilayah Persekutuan
2.	Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (PMWP)	Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan Jawatankuasa Falak Syarie Wilayah Persekutuan Jawatankuasa Pengawasan Pengajaran Agama Wilayah Persekutuan
3.	Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan	Jawatankuasa Hakam



JAWATANKUASA BAITULMAL

Fungsi:

Berperanan meluluskan permohonan bantuan agihan zakat termasuk pemantauan setiap aliran perbelanjaan kumpulan wang di MAIWP.

Memastikan mekanisme pengagihan zakat lebih berkesan dan telus serta menepati golongan sasaran.

Membuat keputusan perkara yang berkaitan dengan harta pusaka yang terhak kepada baitulmal seperti pengurangan nilai tebusan, persetujuan penjualan, pembelian bahagian waris dan sebagainya.

Membuat keputusan perkara yang berkaitan dengan lain-lain terimaan sumber am seperti nazar, hibah dan sebagainya.

Meluluskan permohonan bernilai RM25,000.00 dan ke atas.

Keanggotaan JKB



Pengerusi

YBhg. Tuan Syed Kamarulzaman Syed Kabeer



Ahli

1. YBhg. S.S. Datuk Prof. Madya Dr. Luqman bin Haji Abdullah
2. YBr. Puan Rashinah binti Abdul Hamid
3. YBhg. Prof. Dato' Dr. Nor Inayah binti Yaakub
4. YBhg. Tuan Haji Mohd Khairul Annuar Bin Osman
5. YBr. Encik Fakhrunrozi bin Jamaludin
6. YBr. Tuan Haji Suhaili bin Mohd Yusoff



Setiausaha

Encik Ahmad Talmizi Bin Yahaya
Pengurus Bahagian Baitulmal MAIWP

Sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun atau lebih bagi memenuhi tanggungjawab Jawatankuasa ini

Bagi tahun 2024 Mesyuarat telah bersidang seperti berikut:

BIL	PERKARA	TARIKH	KEHADIRAN
1.	Mesyuarat Bilangan 1	23 Januari 2024	5 Ahli
2.	Mesyuarat Bilangan 2	26 Februari 2024	5 Ahli
3.	Mesyuarat Bilangan 3	27 Mac 2024	7 Ahli
4.	Mesyuarat Bilangan 4	26 April 2024	5 Ahli
5.	Mesyuarat Bilangan 5	27 Mei 2024	5 Ahli
6.	Mesyuarat Bilangan 6	25 Jun 2024	6 Ahli
7.	Mesyuarat Bilangan 7	5 Ogos 2024	5 Ahli
8.	Mesyuarat Bilangan 8	30 Ogos 2024	5 Ahli
9.	Mesyuarat Bilangan 9	30 September 2024	6 Ahli
10.	Mesyuarat Bilangan 10	28 Oktober 2024	8 Ahli
11.	Mesyuarat Bilangan 11	27 November 2024	8 Ahli
12.	Mesyuarat Bilangan 12	23 Disember 2024	7 Ahli



JAWATANKUASA PENCALONAN DAN IMBUHAN MAIWP

Fungsi:

Menjalankan penilaian dan mengesyorkan calon yang berkecualan untuk mengisi perjawatan Ketua Pegawai Eksekutif dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP, Keanggotaan Jawatankuasa-jawatankuasa Utama MAIWP, Lembaga Pengarah Syarikat MAIWP, Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat MAIWP serta peminjaman Pegawai Kanan MAIWP ke agensi luar secara tukar silang mahupun sehalu.

Menjalankan penilaian prestasi ke atas Lembaga Pengarah Syarikat MAIWP secara berkala.

Menerima dan mengambil maklum pelaporan penilaian prestasi yang dilaksanakan oleh Lembaga Pengarah Syarikat MAIWP serta membuat pengesyoran kepada MAIWP.

Membuat semakan dan mengesyorkan dasar serta prosedur imbuhan yang digunakan untuk menentukan pakej imbuhan Lembaga Pengarah Syarikat MAIWP termasuk Ketua Pegawai Eksekutif serta Pengurusan Kanan dalam Syarikat MAIWP.

Keanggotaan:



Pengerusi

YBhg. Tan Sri Dato' Sri Syed Zainal Abidin Bin Syed Mohamed Tahir



Ahli

1. YBhg. Datuk Seri Mohd Sallehuddin bin Hassan
2. YBhg. Datuk Rameli Bin Musa
3. YBrs. Prof. Dr. Mohd Roslan Bin Mohd Nor
4. YBhg. Prof Dr. Engku Rabiah Adawiah Binti Engku Ali



Setiausaha

YBrs. Puan Wan Azira binti Wan Salleh

Bagi tahun 2024 Mesyuarat telah bersidang seperti berikut:

BIL	PERKARA	TARIKH	KEHADIRAN
1.	Mesyuarat Pencalonan dan Imbuhan (NRC-MAIWP) Khas Bil 1/2024	14 Januari 2024	4 daripada 5 Ahli
2.	Mesyuarat Pencalonan dan Imbuhan (NRC-MAIWP) Khas Bil 2/2024	27 April 2024	5 Ahli
3.	Mesyuarat Pencalonan dan Imbuhan (NRC-MAIWP) Khas Bil 3/2024	14 Ogos 2024	5 Ahli
4.	Mesyuarat Pencalonan dan Imbuhan (NRC-MAIWP) Bil 1/2024	23 September 2024	5 Ahli
5.	Mesyuarat Pencalonan dan Imbuhan NRC Bil 2/2024	18 November 2024	4 daripada 5 Ahli



JAWATANKUASA TRANSFORMASI DIGITAL MAIWP

Fungsi:

Bertanggungjawab menentukan dasar-dasar dan hala tuju yang perlu dilaksanakan bagi merealisasikan kewujudan Digital MAIWP.

Menjadi rujukan dan memberi nasihat kepada MAIWP dalam hal-hal yang berkaitan dengan teknologi digital.

Berusaha menyumbang buah fikiran dan idea dalam memantapkan lagi usaha pembangunan Digital MAIWP seiring dengan visi, misi dan dasar MAIWP.

Membincang, menimbang dan memberi nasihat serta menjadi tempat rujukan kepada gerak kerja penubuhan Digital MAIWP.

Memastikan tindakan yang dijalankan bertepatan dengan peraturan yang berkuatkuasa serta seiring dengan pelaksanaan kerajaan digital.

Mengemukakan cadangan penambahbaikan dan laporan JK TDM untuk kelulusan dan makluman mesyuarat MAIWP.

Bagi tahun 2024 Mesyuarat telah bersidang seperti berikut:

BIL	PERKARA	TARIKH	KEHADIRAN
1.	Sesi Dialog dan Kerjasama: memperkukuh Sinergi Organisasi dalam Pelaksanaan Pendigitalan di MAIWP	10 Oktober 2024	6 ahli

Keanggotaan:



Pengerusi

YBhg. Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail



Ahli

1. Dato' Prof. Dr. Norbik Bashah bin Idris
2. Tuan Syed Osman Alhadad bin Syed Mohamed
3. En. Mohamed Redzuan bin Abdullah
4. Datuk Mohd Nizam bin Haji Yahya
5. En. Mohd Fauzi bin Abidin



Setiausaha

Puan Nor Azlina binti Mohamad Salleh



JAWATANKUASA PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN HARTANAH

Fungsi:

Mengawal selia pelaksanaan dasar-dasar berkaitan dengan pembangunan dan pengurusan hartanah MAIWP.

JKPPH bergantung dengan nilai integriti dan ketekunan wajar pengurusan kanan serta nasihat juruaudit untuk menyelia objektif prestasi keseluruhan dan inisiatif utama pembangunan dan pengurusan hartanah MAIWP serta perolehan aset.

Bertanggungjawab mengenal pasti bidang berisiko dan mengambil langkah-langkah yang bersesuaian untuk mengurus tadbir perkara-perkara spesifik berkaitan pembangunan dan pengurusan hartanah MAIWP.

Bertanggungjawab membincangkan hala tuju strategik mengenai isu-isu pembangunan dan pengurusan hartanah MAIWP serta merancang aktiviti selaras dengan garis panduan, polisi risiko dan lokasi aset MAIWP.

Kuasa Jawatankuasa

JKPPH bertindak sebagai pihak berkuasa yang menjalankan tugas dan tanggungjawab seperti berikut:-

- Memantau** pembangunan dan pengurusan hartanah MAIWP melaksanakan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan.
- Meluluskan** permohonan pajakan hartanah bagi tempoh maksimum 20 tahun dengan nilai pajakan maksima RM2 juta setahun.
- Meneliti dan **memperakukan** cadangan-cadangan pembangunan dan pengurusan hartanah milik MAIWP untuk dibentang ke Mesyuarat MAIWP.
- Meluluskan** permohonan pembelian hartanah bernilai RM2 juta ke bawah.
- Meneliti dan **memperakukan** permohonan dasar baharu dan penambahbaikan dasar-dasar sedia ada bagi perkara-perkara berkaitan pembangunan dan pengurusan hartanah MAIWP untuk dibentang ke Mesyuarat MAIWP.

Bagi tahun 2024 Mesyuarat telah bersidang seperti berikut:

BIL	PERKARA	TARIKH
1.	Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan dan Pengurusan Hartanah (JKPPH) MAIWP Kali Ke-123 Bil. 1	5 Februari 2024
2.	Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan dan Pengurusan Hartanah (JKPPH) MAIWP Kali Ke-124 Bil. 2	5 Ogos 2024
3.	Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan dan Pengurusan Hartanah (JKPPH) MAIWP Kali Ke-125 Bil. 3	23 Oktober 2024

Keanggotaan:



Pengerusi

YBhg. Datuk Mohamad bin S. Ahmad



Ahli

- YBhg. Dato' Sri Amrin bin Awaluddin
- YBhg. Datuk Dyg Sadiah binti Abg Bohan
- YBhg. Dato' Seri TPr. (Dr.) Maimunah binti Mohd Sharif
- YBhg. Datin Paduka Rahilah binti Rahmat
- YBrs. Haji Mohd Nazri bin Ahmad Zahari
- YBhg. Datuk Mohd Nizam bin Haji Yahya



Setiausaha

YBrs. Tuan Haji Ir. Abd Karim bin Mohamed @ Ismail
Pengurus
Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Hartanah,
MAIWP




JAWATANKUASA AUDIT DALAM DAN GOVERNANS

MAIWP turut mempunyai Jawatankuasa Audit Dalam (JKAD). Penubuhan JKAD adalah mengikut Surat Pekeliling AM Bil. 3 Tahun 1998 iaitu Garis Panduan Mengenai Peranan dan Tanggungjawab Kementerian, Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif dalam pengurusan Badan-Badan Berkanun Persekutuan. Walau bagaimanapun, Surat Pekeliling ini telah terbatal dengan adanya Surat Pekeliling Am Bil. 5 Tahun 2024 Garis Panduan Mengenai Pengurusan Dan Tatakelola Badan Berkanun Persekutuan (BBP) yang berkuatkuasa mulai 30 April 2024.

Fungsi Utama Jawatankuasa Audit seperti yang diluluskan oleh Mesyuarat MAIWP ialah:

- a. Mengkaji dan membantu perancangan strategik UAD untuk menjalankan pengauditan yang telah dirancang dengan baik berdasarkan garis panduan pengauditan, Standard pengauditan Antarabangsa, Garis Panduan Syariah MAIWP dan peraturan-peraturan lain yang berkuat kuasa.
- b. Mengkaji dan meluluskan Piagam UAD dan UI dengan mengambil kira keperluan Syariah sekurang-kurangnya dua tahun sekali.
- c. Mengkaji dan memberi nasihat mengenai keberkesanan dan kemampuan sistem tadbir urus organisasi, pengurusan risiko dan amalan kawalan dalaman berdasarkan Kerangka Governans MAIWP berlandaskan Syariah.
- d. Mengkaji dan meluluskan perancangan aktiviti audit oleh UAD yang meliputi objektif Audit, skop Audit, metodologi Audit, program Audit, jadual, keanggotaan dan kos untuk menjamin kualiti kerja Audit yang tinggi serta aktiviti penyelarasan di antara Juruaudit Dalam dan Juruaudit Luar. Juga mengkaji dan meluluskan Rancangan Tahunan UI.
- e. Memberi input-input terhadap MRA dan kajian Audit yang dijalankan oleh UAD dan siasatan oleh UI.
- f. Mengkaji laporan daripada Juruaudit Dalam dan laporan UI serta Juruaudit Luar. Memberikan rumusan dan syor-syor serta memperakukan tindakan susulan yang perlu kepada Ahli Mesyuarat Majlis, MAIWP (Lembaga Pengarah).
- g. Mengkaji dan menasihat Lembaga Pengarah berhubung dengan penyata kewangan MAIWP dan Syarikat milik MAIWP, prospektus serta laporan-laporan kewangan lain yang dikeluarkan mengikut standard perakaunan yang diterima umum dan standard perakaunan Islam.
- h. Mengkaji dan menasihat Lembaga Pengarah berhubung dengan maklumat prestasi secara kuantitatif di atas aktiviti yang tertakluk kepada pengauditan dan perkara lain yang melibatkan tanggungjawab sebagaimana yang diputuskan oleh Lembaga Pengarah.





- i. Mengesan pematuan kepada peraturan yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah MAIWP serta mengesan tatakelakuan pegawai/kakitangan dan mengambil daya usaha menyiasat sebarang pertelingkahan yang berlaku dalam Badan Berkanun ini (MAIWP).
- j. Memastikan bahawa Badan Berkanun (MAIWP) sentiasa mengubahsuai pelaksanaan kerja selaras dengan Kerangka Governans MAIWP berlandaskan Syariah dan perubahan ikhtisas yang berlaku dalam bidang perakaunan seperti pengisytiharan oleh Institut Akauntan Malaysia dan Jawatankuasa Piawaian Perakaunan Antarabangsa.
- k. Melaksanakan fungsi-fungsi yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa.
- l. Melaporkan kepada pihak pengurusan mengenai kakitangan yang didapati telah melakukan penyelewengan, pembaziran dan pemborosan untuk diambil tindakan undang-undang yang sesuai.
- m. Memberi nasihat kepada Lembaga Pengarah mengenai kelayakan, pengambilan, pelantikan dan penamatan Ketua Eksekutif/Pengurus Audit dan Ketua Unit Integriti.
- n. Mengkaji keberkesanan fungsi Audit Dalam, termasuk pematuan kepada Kod Etika Juruaudit, *International Standards for Professional Practice of Internal Auditing* (IPPF) dan Kerangka Governans MAIWP berlandaskan Syariah.
- o. Membantu Lembaga Pengarah melaksanakan tanggungjawabnya terhadap kebebasan rasuah, Integriti organisasi, mengurus aduan berdasarkan *Whistleblower Protection Act 2010* (Whistleblowing Policy MAIWP) dan Governans yang baik serta mengawasi prestasi *Key Performance Indicators* (KPI) pegawai-pegawai Integriti bagi mencapai

objektifnya selaras dengan pekeliling berkuat kuasa, Arahan YAB Perdana Menteri, Garis Panduan Pengurusan Unit Integriti Agensi Awam dan Garis Panduan Pengurusan Unit Integriti dan Governans yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) (Spt. Seksyen 17A, Akta SPRM) serta Garis Panduan Syariah MAIWP.

- p. Mengkaji keberkesanan sistem pemantauan terhadap pematuan kepada garis panduan, standard perakaunan islam dan peraturan-peraturan lain yang berkuat kuasa. Mengkaji hasil penyiasatan yang dibuat oleh pihak pengurusan dan susulan (termasuk tindakan disiplin) untuk tindakan pembetulan dan punitif.
- q. Mengadakan perbincangan dari semasa ke semasa dengan UAD & UI MAIWP dan UAD & UI Syarikat milik MAIWP mengenai isu- isu Akauntabiliti, Integriti dan Governans serta memberikan cadangan penyelesaian masalah yang dihadapi dalam bidang perakaunan, pengauditan, Governans dan *Information and Communication Technology* (ICT).
- r. Memberi cadangan kepada pihak MAIWP dari segi kursus, latihan, melanjutkan pelajaran, bina insan dan keperluan sumber manusia yang diperlukan pada masa kini dan masa hadapan kepada anggota-anggota UAD dan UI MAIWP.

JKADG telah bermesyuarat sebanyak 4 kali pada tahun 2024. Sebanyak 12 laporan audit telah dibentangkan dan dibincangkan dalam Mesyuarat JKADG sepanjang tahun 2024.

JKADG MAIWP dianggotai oleh:



Pengerusi

YBhg. Datuk Lt. Kol. (K) Haji Anwari bin Suri



Ahli

- i. YBhg. Dato' Hussamuddin bin Haji
- ii. YBhg. Datuk Dyg Sadiah binti Abg Bohan
- iii. YBrs. Prof. Dr. Abdul Rahim bin Abdul Rahman

PENCAPAIAN

Unit Audit Dalam (UAD) MAIWP terus komited dalam meningkatkan keberkesanan fungsi audit dan tadbir urus organisasi. Salah satu pencapaian utama UAD ialah pembangunan Audit Universe bagi semua bahagian di MAIWP. Inisiatif ini menjadi asas kepada penyediaan Rancangan Tahunan Audit Berasaskan Risiko, memastikan audit tertumpu kepada bidang berkepentingan tinggi dan sejajar dengan risiko strategik serta operasi organisasi. Pembangunan Audit Universe ini turut melibatkan tiga bengkel yang diadakan sepanjang 2022 hingga 2023, yang berjaya meningkatkan kesedaran pihak berkepentingan mengenai prinsip pengurusan risiko.

Dalam penilaian terhadap keberkesanan fungsi audit, laporan akhir menyimpulkan bahawa UAD secara keseluruhannya “*Generally Conforms*” kepada piawaian *International Professional Practices Framework* (IPPF). Penilaian yang menggunakan *Internal Audit Capability Model* (IA-CM) mendapati bahawa UAD berada pada Tahap 3 – *Integrated* dalam lima bidang utama. Walau bagaimanapun, terdapat keperluan untuk meningkatkan pengurusan sumber manusia (*People Management*) ke tahap yang lebih tinggi bagi memperkukuh kapasiti audit dalaman.

Selain itu, UAD turut diiktiraf atas amalan terbaiknya melalui penerbitan “*The White Paper: Towards Sustainability of Governance*”. Dokumen ini dibentangkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Audit Dalam dan Governans (JKADG) kepada pengurusan MAIWP serta Syarikat MAIWP pada 16 Oktober 2024. Ia menggariskan isu-isu audit yang dikenal pasti dalam tempoh lapan tahun serta pengajaran yang diperoleh, sekali gus menjadi rujukan penting dalam memperkukuh sistem kawalan dalaman dan tadbir urus organisasi.

Dalam usaha meningkatkan kesedaran staf MAIWP mengenai fungsi audit, UAD memperkenalkan inisiatif “Segmen Kenali Audit”. Sesi dalam talian ini berlangsung setiap dua minggu dengan tempoh 15 minit, dipimpin secara bergilir oleh kakitangan UAD. Ia bertujuan

memberikan pendedahan lebih mendalam kepada staf MAIWP mengenai peranan dan kepentingan audit dalam organisasi.

Selain itu, UAD turut berjaya membangunkan dua dokumen penting, iaitu “Garis Panduan Pengauditan ICT” dan “Garis Panduan Pengauditan Pengurusan Tadbir Urus Syarikat”. Kedua-dua garis panduan ini telah mendapat kelulusan JKADG pada September 2024, memperkukuh lagi pendekatan audit yang lebih sistematik dan menyeluruh.

Sebagai pengiktirafan terhadap komitmen dan pencapaiannya, UAD MAIWP telah dianugerahkan Anugerah Jubli Kristal (Tahap 1, Kategori 2 – Anugerah Jubli Kristal Ahli Korporat) daripada *The Institute of Internal Auditors Malaysia* (IIAM). Anugerah ini mengiktiraf UAD MAIWP sebagai Ahli Korporat Setia dengan 15 tahun rekod keahlian yang baik. Penghargaan ini membuktikan kecekapan dan ketelusan MAIWP dalam mengekalkan kedudukan sebagai organisasi yang berdaya saing dan berintegriti.

Melalui pencapaian ini, UAD terus memperkukuh keberkesanan dan profesionalisme dalam fungsi audit, selaras dengan matlamat MAIWP untuk memastikan ketelusan, akauntabiliti, dan kecekapan pengurusan dalam organisasi.





JAWATANKUASA UNDANG-UNDANG

Fungsi:

Berperanan sebagai platform dan wadah bagi membincangkan perkara-perkara perundangan yang melibatkan kepentingan MAIWP;

Mengkaji segala aktiviti dan perjalanan MAIWP dari segi aspek perundangan dan implikasinya;

Memberikan cadangan-cadangan yang dapat membantu melicinkan pentadbiran MAIWP selaras dengan kehendak undang-undang yang sedang berkuat kuasa;

Memantau dan memperkemaskan pelaksanaan undang-undang bertulis yang diwujudkan;

Memudahkan proses penggubalan dan pelaksanaan kaedah-kaedah dan prosedur MAIWP;

Menasihati MAIWP dalam kes-kes litigasi syariah dan sivil yang melibatkan fungsi dan kepentingan MAIWP;

Mengkaji isu-isu mengenai hal ehwal agama Islam yang sering ditimbulkan pada masa kini;

Meneliti dan membincangkan isu-isu perlanggaran undnag-undang yang dilihat memberi ancaman terhadap undang-undang berkaitan agama Islam; dan

Memberi perakuan kepada Jawatankuasa Pemilihan dan Pelantikan Peguam MAIWP berhubung dengan permohonan untuk menjadi panel Peguam MAIWP.

Bagi tahun 2024 Mesyuarat telah bersidang seperti berikut:

BIL	PERKARA	TARIKH	KEHADIRAN
1.	Mesyuarat Khas Jawatankuasa Undang-Undang Bil. 1/2023	11 Jan 2023	9 ahli
2.	Mesyuarat Khas Jawatankuasa Undang-Undang Bil. 2/2023	15 Feb 2023	9 ahli
3.	Mesyuarat Jawatankuasa Undang-Undang MAIWP Kali Ke-26 Bil. 1/2023	30 Mac 2023	7 ahli
4.	Mesyuarat Jawatankuasa Undang-Undang MAIWP Kali Ke-27 Bil. 2/2023	6 Julai 2023	9 ahli

Keanggotaan:



Pengerusi

YBhg. Dato' Anas bin Ahmad Zakie (AGC)



Ahli

- i. Puan Roslina binti Shafawi
- ii. Tuan Abd Razak bin Mat Nayan
- iii. Tuan Rozimi bin Zamri
- iv. Tuan Ahmad Basyir bin Haji Yaakub
- v. YBr. Prof. Farid Sufian Bin Shuaib
- vi. YBr. Prof Dr Najibah Binti Mohd Zin
- vii. YBr. Puan Fahda Nur Ahmad Kamar
- viii. YBr. Puan Majdah Muda
- ix. YBr. Tuan Zuri Zabuddin bin Budiman



JAWATANKUASA PENCALONAN DAN IMBUHAN MAIWP

Fungsi:

Menjalankan penilaian dan mengesyorkan calon yang berkeelayakan untuk mengisi perjawatan Ketua Pegawai Eksekutif dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP, Keanggotaan Jawatankuasa-jawatankuasa Utama MAIWP, Lembaga Pengarah Syarikat MAIWP, Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat MAIWP serta peminjaman Pegawai Kanan MAIWP ke agensi luar secara tukar silang mahupun sehalu;

Menjalankan penilaian prestasi ke atas Lembaga Pengarah Syarikat MAIWP secara berkala;

Menerima dan mengambil maklum pelaporan penilaian prestasi yang dilaksanakan oleh Lembaga Pengarah Syarikat MAIWP serta membuat pengesyoran kepada MAIWP; dan

Membuat semakan dan mengesyorkan dasar serta prosedur imbuhan yang digunakan untuk menentukan pakej imbuhan Lembaga Pengarah Syarikat MAIWP termasuk Ketua Pegawai Eksekutif serta Pengurusan Kanan dalam Syarikat MAIWP.

Keanggotaan:



Ahli

- i. YBhg. Tan Sri Dato' Sri Syed Zainal Abidin Bin Syed Mohamed Tahir
- ii. YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Khairul Adib bin Abd Rahman
- iii. YBhg. Dato' Mohamad bin S. Ahmad
YBhg. Datuk Awang Alik bin Jeman
Ahli MAIWP
(Tamat lantikan ahli MAIWP pada 23 September 2024)

Diganti oleh:

YBhg. Datuk Abd Shukor bin Mahmood

Tarikh Lantikan:

Mendapat perkenan oleh Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong pada 2 Disember 2024 hingga tamat lantikan sebagai Ahli MAIWP

Kekerapan Mesyuarat:

BIL	PERKARA	TARIKH	KEHADIRAN
1.	Mesyuarat Pencalonan dan Imbuhan (NRC-MAIWP) Khas Bil 1/2024	14 Januari 2024	4 daripada 5 ahli
2.	Mesyuarat Pencalonan dan Imbuhan (NRC-MAIWP) Khas Bil 2/2024	27 April 2024	5 ahli
3.	Mesyuarat Pencalonan dan Imbuhan (NRC-MAIWP) Khas Bil 3/2024	14 Ogos 2024	5 ahli
4.	Mesyuarat Pencalonan dan Imbuhan (NRC-MAIWP) Bil 1/2024	23 September 2024	5 ahli
5.	Mesyuarat Pencalonan dan Imbuhan NRC Bil 2/2024	18 November 2024	4 daripada 5 ahli



JAWATANKUASA WAKAF MAIWP

Beberapa jawatankuasa berhubung pengurusan wakaf di Wilayah Persekutuan ditubuhkan bagi memastikan pengurusan pelaksanaan wakaf di tadbir urus dengan sistematik. Jawatankuasa Wakaf MAIWP (JKW) bertanggungjawab untuk memastikan pelaksanaan wakaf mengikut Hukum Syarak, undang-undang, dasar dan polisi MAIWP, mempertimbangkan serta meluluskan permohonan, konsep, kutipan, perbelanjaan, pembangunan, pelaburan, dan agihan manfaat wakaf, meluluskan penyaluran dana, melaporkan aktiviti wakaf kepada Mesyuarat MAIWP sekurang-kurangnya dua kali setahun, serta memantau operasi perniagaan Syarikat Pusat Wakaf MAIWP Sdn. Bhd.

Bagi tahun 2024 Mesyuarat telah bersidang seperti berikut:

BIL	PERKARA	TARIKH
1.	Mesyuarat Jawatankuasa Wakaf MAIWP (JKW) Kali Ke-9 Bil. 1/2024	30 Januari 2024
2.	Mesyuarat Jawatankuasa Wakaf MAIWP (JKW) Kali Ke-10 Bil. 2	2 Ogos 2024
3.	Mesyuarat Jawatankuasa Wakaf MAIWP (JKW) Kali Ke-11 Bil. 3	8 Oktober 2024

Keanggotaan JKW MAIWP:



Pengerusi

YBhg. Datuk Hajah Hakimah binti Mohd Yussof



Ahli

- YBhg. S.S. Prof. Madya Datuk Dr. Luqman bin Haji Abdullah
- YBhg. Kolonel Datuk Haji Mohd Ajib bin Ismail
- YBhg. Dato' Selamat bin Paigo
- YBrs. Encik Mohd Fauzi bin Abidin
- YBrs. Puan Sharifatul Hanizah binti Said Ali
- YBrs. Encik Ahmad Fuad bin Mustaffa
- YBhg. Prof. Dr. Mohd Fairuz bin Md Salleh
- YBhg. Prof. Dr. Sharifah Zubaidah binti Syed Abdul Kader
- YBhg. Dr. Haji Razali bin Othman



Setiausaha

YBrs. Tuan Haji Ir. Abd Karim bin Mohamed @ Ismail





JAWATANKUASA TABUNG WAKAF TUNAI MAIWP

Jawatankuasa Tabung Wakaf Tunai MAIWP (JK TWTM) ditubuhkan bagi memastikan pengurusan Tabung Wakaf Tunai MAIWP dilaksanakan secara sistematik, telus, dan mengikut prinsip syarak. Jawatankuasa ini terdiri daripada wakil MAIWP, individu luar, serta pihak berkepentingan yang bertanggungjawab dalam pemantauan, kawal selia, dan membuat keputusan strategik berkaitan dana wakaf tunai. Penubuhannya juga memenuhi syarat yang ditetapkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) bagi tujuan kelulusan pengecualian cukai di bawah Seksyen 44(11D) Akta Cukai Pendapatan 1967.

Bagi tahun 2024 Mesyuarat telah bersidang seperti berikut:

BIL	PERKARA	TARIKH
1.	Mesyuarat Jawatankuasa Tabung Wakaf Tunai MAIWP (JK TWTM) Kali Pertama Bil. 1	4 September 2024
2.	Mesyuarat Jawatankuasa Tabung Wakaf Tunai MAIWP (JK TWTM) Kali Ke-2 Bil. 2	20 Disember 2024

Keanggotaan:



Pengerusi

YBhg. Prof. Datin Dr. Rusni binti Hassan



Ahli

- i. YBhg. Datuk Mohd Nizam bin Haji Yahya
- ii. Sahibus Samahah Tuan Haji Jamali bin Mohd Adnan
- iii. YBrs. Tuan Mohd Nazri bin Chik
- iv. YBrs. Prof. Dr. Amir bin Shahrudin
- v. YBrs. Prof. Madya Dr. Siti Mashitoh binti Mahamood



Bendahari

YBrs. Puan Noor Fadzilah binti Shafie



Setiausaha

YBrs. Tuan Haji Ir. Abd Karim bin Mohamed @ Ismail



A portrait of a middle-aged man with a friendly expression, wearing a dark blue suit, a white shirt, a red patterned tie, and a black songkok. He is standing with his hands clasped in front of him. The background is a dark, abstract, flowing pattern.

LAPORAN PEMANGKU KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF MAIWP

DATUK MOHD NIZAM
HAJI YAHYA



AGIHAN ZAKAT

Sepanjang tahun 2024, MAIWP telah mengagihkan zakat berjumlah RM1,219,649,987 bagi membantu dan menyantuni golongan asnaf di Wilayah-Wilayah Persekutuan. Agihan zakat ini dilaksanakan secara langsung melalui enam (6) kluster utama yang merangkumi 38 skim bantuan. Bagi memastikan keberkesanan penyampaian, MAIWP turut melaksanakan pelbagai program dan aktiviti di peringkat lapangan, antaranya:

1. Jejak Asnaf
2. Ziarah Asnaf
3. Kaunter Bergerak
4. Jejak Gelandangan
5. Program kerjasama strategik bersama agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) di bawah enam (6) kluster utama

Selain itu, MAIWP juga menguruskan permohonan Agihan Zakat Semula (Al-Wakalah) serta terimaan dan agihan daripada sumber am. Melalui mekanisme Al-Wakalah, MAIWP mewakili sebahagian agihan zakat kepada pembayar zakat yang terdiri daripada syarikat korporat, individu dan institusi pengajian tinggi. Inisiatif ini bertujuan memperluaskan liputan agihan zakat serta meningkatkan keberkesanan penyampaian kepada asnaf, sama ada di dalam mahupun di luar Wilayah-Wilayah Persekutuan.



Agihan Zakat Keseluruhan Tahun 2024 RM1,219,649,987



RM363,760,968
Kluster
Bantuan – Kebajikan



RM1,252,311
Kluster
Bantuan – Ekonomi



RM30,046,248
Kluster
Bantuan – Perlindungan



RM47,786,476
Kluster
Bantuan – Perubatan

BIL	KLUSTER BANTUAN	SKIM BANTUAN	JUMLAH (RM)	BILANGAN PENERIMA
1	 KEBAJIKAN	Bantuan Sara Hidup	198,832,300	33,001
2		Bantuan Persediaan Ramadan Dan Aidilfitri	30,979,014	30,826
3		Bantuan Pembekalan Barangan Keperluan Asasi	85,139,772	29,779
4		Bantuan Khairat Asnaf	1,412,000	713
5		Bantuan Sekuriti Sosial	7,575,000	1,915
6		Bantuan Perkahwinan	631,500	213
7		Bantuan Guaman Syarie	150,000	9
8		Bantuan Menyelesaikan Hutang	5,581,790	2,716
9		Bantuan Tambang Dan Keperluan Diri	968,735	748
10		Bantuan Kecemasan	537,517	3,683
11		Bantuan Musibah	372,540	377
12		Bantuan Insentif Khas	31,580,800	57,892
JUMLAH (RM)			363,760,968	159,957
13	 PERLINDUNGAN	Bantuan Deposit Sewa Rumah Dan Sewa Rumah Bulanan / Pusat Perlindungan	25,231,657	7097
14		Bantuan Membina Dan Membaiki Rumah	4,814,591	253
15		Bantuan Deposit Pembelian Rumah	-	
JUMLAH (RM)			30,046,248	7,350
16	 EKONOMI	Bantuan Perniagaan	1,116,300	514
17		Bantuan Pertanian / Perikanan / Penternakan	118,350	15
18		Bantuan Motosikal Orang Kelainan Upaya (OKU)	11,800	1
19		Bantuan Pembelian Kenderaan Perniagaan Dan Perkhidmatan	5,861	1
20		Bantuan Latihan Kemahiran Industri	1,471,278.50	241
JUMLAH (RM)			1,252,311	530
21	 PERUBATAN	Bantuan Perubatan Am	20,263,878	3,282
22		Bantuan Peralatan Kesihatan	1,852,582	1,053
23		Bantuan Dialisis	20,863,554	963
24		Bantuan Orang Kelainan Upaya (OKU)	4,806,462	1,100
JUMLAH (RM)			47,786,476	6,398



RM106,751,166
Kluster
Bantuan – Pendidikan



RM17,093,515
Pembangunan
Asnaf



RM39,139,303
Institusi Pendidikan
dan Kebajikan



RM38,778,498
Prasarana
Umat Islam



RM159,540,318
Kluster Bantuan –
Pembangunan Ummah



RM252,713,058
Wakalah



RM154,477,142
Agihan
Bahagian Amil



RM8,310,984
Belanja Penyelenggaraan
Prasarana

BIL	KLUSTER BANTUAN	SKIM BANTUAN	JUMLAH (RM)	BILANGAN PENERIMA
25	 PENDIDIKAN	Bantuan Am Persekolahan / Persediaan Sekolah Berasrama	25,935,575	37,162
26		Bantuan Pakaian Dan Peralatan Persekolahan	13,587,257	29,257
27		Bantuan Biasiswa Sekolah	228,000	263
28		Bantuan Tuisyen	-	-
29		Bantuan Am Pelajaran IPT / Persediaan IPT	22,788,750	9,054
30		Bantuan Pelajaran Kolej Universiti Antarabangsa MAIWP (UCMI)	21,732,250	2,081
31		Bantuan Pelajaran Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur (KPBKL)	14,073,766	1,123
32		Bantuan Biasiswa Insentif Khas Pelajar Cemerlang	3,609,462	649
33		Bantuan Galakan Hafaz Al-Quran	1,454,125	869
34		Bantuan Pemantapan Agama Islam	-	-
35		Bantuan Komputer Riba Kepada Mahasiswa	3,166,712	1,074
36		Bantuan Penyelesaian Pembiayaan Pinjaman Pendidikan	175,269	12
JUMLAH (RM)			106,751,166	
37	 PEMBANGUNAN UMMAH	Bantuan Kepada Agensi / Badan Bukan Kerajaan (NGO)	158,676,099	
38		Bantuan Kepada Institut Tahfiz Dan Rumah Perlindungan	827,000	9
JUMLAH (RM)			159,540,318	
JUMLAH KESELURUHAN (RM)			709,137,487	258,676

KLUSTER KEBAJIKAN

Usaha-usaha untuk mempermudah permohonan bantuan zakat dilaksanakan menerusi:

- Pembukaan Pusat Agihan Zakat (PAZA) di sekitar Wilayah Persekutuan. PAZA memudahkan pemohon bantuan zakat untuk berurusan dengan Baitulmal MAIWP di mana mereka hanya perlu hadir ke PAZA yang berhampiran tanpa perlu hadir ke ibu pejabat MAIWP. PAZA memberi impak dan manfaat yang besar dalam pengurangan kos, masa dan tenaga asnaf itu sendiri selain meluaskan lagi agihan zakat.
- Menubuhkan Skuad Jejak Asnaf MAIWP untuk menjejaki dan mencari mereka yang memerlukan yang tercicir daripada menerima bantuan zakat. Sehingga tahun 2023, seramai 332 asnaf disantuni menerusi aktiviti turun padang oleh Skuad Jejak Asnaf.
- Pembukaan Kaunter Bergerak MAIWP yang bergerak ke lokasi-lokasi tumpuan orang ramai seperti kawasan perumahan, masjid dan tapak-tapak ekspo bagi memudahkan orang ramai berurusan dengan MAIWP. Sepanjang tahun 2023 kaunter ini mendapat sambutan yang menggalakkan dan telah bergerak ke 51 lokasi.



Pemeriksaan Daya Saing Penerima Zakat

Selain memberikan bantuan zakat terus kepada asnaf, Bahagian Agihan Zakat MAIWP turut mengadakan aktiviti dan program untuk menambahkan daya saing penerima zakat.

Program-Program Bahagian Agihan Zakat

Pencapaian Program Sepanjang Tahun 2024:

BIL	PROGRAM	TARIKH & TEMPAT
1.	Program Ziarah Asnaf Bersama YB Menteri (Hal Ehwal Agama) Siri 1/2024 dan Penyerahan Sumbangan Ambulans Kepada Bulan Sabit Merah Malaysia (BSMM) Kuala Lumpur - Siri 1/2024	13 Januari 2024 (Sabtu) Flat Sri Selangor
2.	Program Taklimat Guru-Guru Baitulmal Bagi Skim Bantuan Persekolahan MAIWP	18 Januari 2024 (Khamis) Dewan Seminar, Menara MAIWP
3.	Misi Bantuan Kepada Mangsa Musibah Banjir	27 & 28 Januari 2024 (Sabtu & Ahad) Negeri Kelantan, Terengganu, Pahang

BIL	PROGRAM	TARIKH & TEMPAT
4.	MAIWP Run 2024	28 Januari 2024 Dataran Putrajaya
 		
5.	Program Karnival MAIWP Tahun 2024	18 Februari 2024 (Ahad) Taman Tasik Titiwangsa
 		
6.	Program Khatan Perdana MAIWP dan Program Ziarah Asnaf Bersama YB Menteri (Hal Ehwal Agama) – Siri 3/2024	28 Februari 2024 (Rabu) Masjid Al-Imam At-Tirmizi, Taman Sri Sentosa, Jalan Klang Lama, Kuala Lumpur
7.	Majlis Persidangan Pengurusan Masjid Dan Surau, Penyampaian Bantuan Ihya' Ramadan Dan Tauliah Amil Zakat Fitrah Wilayah Persekutuan Tahun 1445H/2024M	5 Mac 2024 (Selasa) Dewan Utama, Masjid Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur
8.	Rahmah Ramadan MAIWP: Majlis Sumbangan Aidilfitri Kepada Pesakit Hospital Dan Petugas Barisan Hadapan	21 Mac 2024/ 10 Ramadan 1445H (Khamis) Hospital Kuala Lumpur
9.	Rahmah Ramadan MAIWP: Ziarah Ke Pusat Kebajikan Dan Rumah Asnaf	24 Mac 2024 / 13 Ramadan 1445H (Ahad) Asrama Darul Falah PERKIM dan 3 rumah asnaf
10.	Rahmah Ramadan MAIWP: Jom Balik Raya Bersama Mahasiswa	29 Mac 2024/ 23 Ramadan 1445H (Jumaat) Gelanggang Futsal Universiti Poly-Tech Malaysia (UPTM)
11.	Rahmah Ramadan MAIWP: Sumbangan Pakaian Dan Keperluan Raya	30 Mac 2024 / 19 Ramadan 1445H (Sabtu) AEON Big Wangsa Maju dan Flat Seri Semarak
12.	Rahmah Ramadan MAIWP: Majlis Iftar Bersama Asnaf	2 April 2024/ 22 Ramadan 1445H (Selasa) Dewan Serbaguna, Masjid Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur
13.	Program Ziarah Puan Wan Rohani Binti Wan Ismail Bersama Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) – Siri 5/2024	26 April 2024 (Jumaat) PPR Seri Malaysia

BIL	PROGRAM	TARIKH & TEMPAT
14.	Rahmah Syawal MAIWP: Majlis Jalinan Aidilfitri Bersama Asnaf	30 April 2024/ 21 Syawal 1445H (Selasa) Dewan Perdana FELDA
15.	Temuduga Perujian Tasmi' Hafazan Al-Quran (Siri 1)	Kategori Terbuka Siri 1 : 16 Mei 2024 (Khamis) Siri 2 : 9 Oktober 2024 (Rabu) Kategori Juzuk Amma Siri 1 : 29 Mei 2024 (Rabu) Siri 2 : 6 November 2024 (Rabu) Dewan Utama, Masjid Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur
16.	Majlis Penyerahan Insentif Kepada Jemaah Haji B40 Wilayah Persekutuan	26 Mei 2024 (Ahad) Movenpick Resort & Convention Centre
17.	Majlis Penyerahan Agihan Geran Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) Kepada Angkatan Tentera Malaysia (ATM) Dan Penyampaian Sumbangan Asnaf Tahun 2024	05 Jun 2024 (Rabu) Dewan Salahuddin Al-Ayubi
18.	Program Ziarah Asnaf Cawangan Putrajaya Bersama YB Menteri (Hal Ehwal Agama) – Siri 6/2024	06 Julai 2024 (Sabtu) 3 Buah Rumah Asnaf MAIWP Cawangan Putrajaya
19.	Mini Karnival Majlis Peluncuran Program Santuni MADANI Kampung Angkat YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)	27 Julai 2024 (Sabtu) Sekitar Kawasan Kampung Bharu
20.	Mini Karnival dan Majlis Peluncuran Program Santuni Madani Kampung Angkat YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) – Siri 7/2024	27 Julai 2024 (Sabtu) Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru
21.	Program Ziarah Asnaf Bersama YB Menteri (Hal Ehwal Agama) – Siri 8/2024	24 Ogos 2024 (Sabtu) 3 Buah Rumah Asnaf (PPR Semarak & Setapak Jaya)
22.	Program Penyampaian Sumbangan Bantuan Musibah kepada Mangsa Tanah Runtuh Taman Bunga Raya, Setapak, Kuala Lumpur Bersama Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)	31 Ogos 2024 (Sabtu) Pusat Penempatan Sementara Dewan Serbaguna, Taman Bunga Raya
23.	Majlis Menandatangani MOU MAIWP dan AKPK	9 September 2024 (Isnin) Sasana Kijang, Bank Negara
24.	Majlis Anugerah Kecemerlangan Akademik Pelajar dan Penyampaian Insentif Galakan Hafazan Al-Quran Tahun 2024	23 September 2024 (Isnin) Dewan Utama, Masjid Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur
25.	Program Ziarah Asnaf Bersama YB Menteri (Hal Ehwal Agama) – Siri 9/2024	6 Oktober 2024 (Ahad) 3 Buah Rumah Asnaf (Taman Beringin) 1 buah rumah asnaf (PPR Air Panas)
26.	Majlis Pelancaran Skim Bantuan Komputer Riba MAIWP Tahun 2024	21 Oktober 2024 (Isnin) Masjid Wilayah Persekutuan
27.	Program Lelongan Harta Sumber Am Baitulmal MAIWP	6 - 7 November 2024 (Rabu - Khamis) Aras M, Bangunan Daruzzakah
28.	Program Pengisian Santuni Madani Kampung Angkat YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Santun dan Ziarah, Baik Pulih dan Kelengkapan Kediaman Asnaf – Siri 10/2024	10 November 2024 (Ahad) Kampung Baru, Kuala Lumpur
29.	Program Pengisian Santuni Madani Kampung Angkat YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Naiktaraf Kemudahan Awam dan Kemudahan Pendidikan – Siri 11/2024	28 November 2024 (Khamis) Masjid Jamek Kampung Baru

BIL	PROGRAM	TARIKH & TEMPAT
30.	Program Misi Bantuan Skuad Musaadah Al-Falah Madani Agensi Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (HEA) Ke PSS Tumpat & Rantau Panjang	4 - 6 Disember 2024 (Rabu - Ahad) PSS Tumpat & Rantau Panjang
31.	Program Misi Bantuan Skuad Musaadah Al-Falah Madani Agensi Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (HEA) Ke Negeri Kedah Darul Aman	14 - 16 Disember 2024 (Sabtu - Isnin) Jeniang Kedah

CAWANGAN PUTRAJAYA

Pada tahun 2024, MAIWP Cawangan Putrajaya terus memperkukuh usaha kebajikan dengan menyantuni seramai 6,429 orang asnaf menerusi pelaksanaan skim agihan zakat yang melibatkan jumlah kelulusan bantuan sebanyak RM7.5 juta. Pendekatan mesra rakyat turut diperkukuh melalui 25 aktiviti turun padang yang dilaksanakan bagi menziarahi golongan yang dalam kesusahan di sekitar Putrajaya, sekaligus memperlihatkan keprihatinan MAIWP dalam menyantuni asnaf secara langsung dan menyeluruh.

Dalam aspek pembangunan pendidikan, MAIWP Putrajaya menguruskan operasi tujuh buah Tadika Islam MAIWP yang menempatkan seramai 534 orang pelajar. Selain itu, pelbagai program sosial turut dianjurkan bagi mengeratkan hubungan antara MAIWP dan komuniti setempat, antaranya Majlis Semarak Syawal bersama asnaf yang diadakan pada 7 Mei 2024 dengan kehadiran 300 orang. Buat julung kalinya juga, Majlis Ramah Mesra Aidilfitri bersama asnaf telah diadakan, menghimpunkan 50 orang penerima, mencerminkan usaha berterusan MAIWP dalam membina jaringan kemasyarakatan yang inklusif dan berimpak tinggi.

CAWANGAN LABUAN

Pada tahun 2024, MAIWP Cawangan Labuan telah memperkukuh peranannya dalam menyantuni golongan asnaf melalui pelbagai inisiatif kebajikan. Sebanyak 42,867 orang asnaf telah menerima manfaat menerusi skim agihan zakat yang



melibatkan jumlah bantuan keseluruhan sebanyak RM77.5 juta. Inisiatif ini menggambarkan usaha berterusan MAIWP dalam memastikan bantuan zakat sampai kepada mereka yang benar-benar memerlukan, selaras dengan matlamat meningkatkan taraf hidup golongan asnaf di Wilayah Persekutuan Labuan.

Selain agihan zakat, pendekatan turun padang turut dilaksanakan secara aktif, dengan lawatan ke rumah seramai 1,165 orang asnaf yang menerima bantuan di bawah Skim Bantuan Sara Hidup, Skim Bantuan Sewa Rumah Bulanan, dan Skim Bantuan Perniagaan. Aktiviti ini bukan sahaja memperkukuh hubungan antara MAIWP dan penerima bantuan, tetapi juga membolehkan pemantauan langsung ke atas keberkesanan bantuan serta memahami cabaran sebenar yang dihadapi oleh golongan asnaf di peringkat akar umbi.

Dalam aspek pendidikan dan penjagaan, MAIWP Labuan telah menguruskan empat buah pusat Permata MAIWP yang menempatkan seramai 262 orang pelajar, dengan jumlah perbelanjaan pengurusan sebanyak RM661,936.86. Di samping itu, operasi Kompleks Darul Kifayah MAIWP yang menempatkan seramai 78 orang penghuni turut dilaksanakan dengan perbelanjaan sebanyak RM2,059,713.81. Usaha ini menzahirkan komitmen MAIWP dalam menyediakan kemudahan pendidikan awal dan perlindungan kebajikan secara bersepadu kepada komuniti yang memerlukan di Labuan.


Antara program untuk asnaf seperti:

Program Pembangunan Kerohanian & Sahsiah:

1. Program "Sampai Bila Nak Healing? Jom Bijak Urus Emosi dan Tekanan"
2. Program Mencari Cahaya: Mati Hidup Semula
3. Program Pembangunan Spiritual dan Majlis Rahmah Mesra Usahawan bersama Asnaf Muallaf dan Anak Yatim

Program Pembangunan Pendidikan Asnaf:

1. Bengkel Teknik Menjawab Soalan SPM 2024
2. Program Celik Ilmu bersama Asnaf 2024



Program Pembangunan Asnaf Train and Place:

1. Program Pengajian dan Kerjaya: Kursus Jangka Pendek Bidang Tower Crane dan Mobile Crane
2. Program Jangka Pendek Latihan Industri Bidang Scaffolding dengan kerjasama Exelscape Consulting plt. Terengganu Darul Iman

**Program Pengurusan Agro:**

1. Kursus Penanaman Taugeh dengan kerjasama Jabatan Pertanian Labuan
2. Kursus Penanaman Jagung dengan kerjasama Jabatan Pertanian Labuan
3. Kursus Pengukuhan Usahawan Agro Tani, Kundasang Sabah
4. Kursus Hasil Kerepek Asnaf MAIWP
5. Kursus Hasil Produk Pertanian Hasil Produk Nanas
6. Kursus Penghasilan Pes Asnaf MAIWP

Program Usahawan Asnaf:

1. Kursus Pemangkin Usahawan MAIWP Labuan 2024
2. Pameran produk halal usahawan asnaf MAIWP sempena Asean Halal Expo Pattani, Thailand

Program Turun Padang Menyantuni Asnaf:

1. Sahur Bersama Keluarga Asnaf sempena bulan Ramadan
2. Program Ziarah Ramadan Siri 1 & 2 santuni 24 keluarga asnaf Labuan sempena bulan Ramadan
3. Ziarah Cakna bersama YB Menteri di JPM (Hal Ehwal Agama)
4. Program “Apa Khabar Biskita?” bersama PKPE MAIWP

Program Serahan Bantuan Kepada Asnaf:

1. Agihan Makanan Berbungkus Usahawan Foodtruck MAIWP Labuan
2. Penyampaian Biasiswa Insentif Khas Pelajar Cemerlang Universiti Awam dalam Negara
3. Program Penyampaian Bantuan kepada Pesakit dan Hospital Labuan
4. Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang Tahun 2023 MAIWP Labuan
5. Majlis Walimatul Urus Perdana MAIWP sempena Karnival 50 Tahun MAIWP 2024
6. Program Kembara Kasih Madani 2024

Sepanjang tahun 2024, MAIWP Cawangan Labuan telah menganjurkan pelbagai program promosi sempena sambutan Karnival 50 Tahun MAIWP peringkat Wilayah Persekutuan Labuan. Antara acara utama yang mendapat sambutan hangat ialah Walimatul Urus Perdana, Malam Bersama MAIWP & PPZ, MAIWP Fun Walk sejauh 5 km, serta Pertandingan Bola Sepak Jemputan MAIWP & PPZ. Selain itu, penganjuran gerai jualan oleh Sahabat MAIWP dan cabaran MAIWP Explorace turut menyeronokkan suasana karnival sambil mendekatkan masyarakat dengan perkhidmatan MAIWP.



Karnival ini juga menampilkan elemen ilmiah dan interaktif yang menarik perhatian pelbagai lapisan masyarakat. Antara aktiviti tersebut termasuk Pameran Institusi Pendidikan & Agensi, Jualan Rahmah, permainan interaktif Kahoot Games, Kolokium Kajian Tindakan Junior peringkat negeri bertemakan zakat, serta Pertandingan Santai Talk yang turut membawa tema zakat. Keseluruhan program ini bukan sahaja memeriahkan sambutan ulang tahun MAIWP, malah memperkukuh hubungan strategik antara MAIWP, agensi rakan, dan komuniti setempat di Labuan.

1. Karnival Kesenian Islam #maiwpdihatiku
2. Pameran & Promosi MAIWP Labuan sempena program Kasih KPWK M Gempur Saringan HPVDNA sempena Bulan Kesedaran Kanser Serviks Kebangsaan
3. Pameran & Promosi MAIWP Labuan sempena Program Program Komuniti Desa W.P. Labuan 2024 Mobile anjuran Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
4. Pameran & Promosi MAIWP sempena Karnival Kita Madani peringkat W.P. Labuan anjuran Jabatan Penerangan W.P. Labuan
5. Pameran & Promosi MAIWP Labuan sempena Program Jom Bijak Internet anjuran MCMC
6. Pameran & Promosi Abang Li sempena Karnival Belia Bersama Komuniti anjuran Kelab Belia Labuan


Senarai program/aktiviti turun padang bersama agensi luar:

1. Lawatan Kunjung Mesra Santuni Asnaf Labuan Bersama Setiausaha Politik YAB Perdana Menteri
2. Lunar New Year Celebration anjuran Hidayah Center Foundation Sabah
3. Sambutan Hari Wanita Wilayah Persekutuan Labuan "Kepimpinan Wanita" anjuran Pejabat Pembangunan Wanita Labuan
4. Program Bengkel A.S.A.R.A PK – Kaedah Mudah Sampaikan Islam dengan anjuran Hidayah Centre Foundation Labuan kerjasama MAIWP, JAWI, MASJID JAMEK AN-NUR dan PERKIM Cawangan Labuan
5. Program Harapan Ramadan – Serahan Bakul Makanan kepada 100 orang asnaf melalui Program CSR CIMB Bank dengan kerjasama MAIWP Labuan dan Islamic Relief
6. Program Sungkai Santai bersama Pencetus Ummah Riz anjuran Persatuan Wanita Labuan (HAWA) dengan kerjasama MAIWP Labuan dan Perbadanan Labuan
7. Majlis Iftar Perdana "Journey to Jannah" anjuran Hidayah Centre Foundation
8. Program Rahmah Ramadan MAIWP "Sinar Aidilfitri" dengan kerjasama Pusat Pungutan Zakat MAIWP Cawangan Labuan, Jabatan Penyiaran Labuan serta Kelab Sukan dan Kebajikan RTM Labuan sempena Program Jelajah Ramadan RTM 2024

9. Program Nur Ramadan Wilayah Persekutuan Labuan anjuran bersama Jabatan Wilayah Persekutuan, Perbadanan Labuan dan MAIWP Labuan
10. Program Semarak Aidilfitri anjuran Perbadanan Labuan
11. Program Nadwah Kepimpinan Pelajar dengan kerjasama Ikatan Guru Muslim (I-GURU), Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS), Institut Pendidikan Guru (IPG) Sabah dan Pusat Ko Kurikulum Negeri Sabah.
12. Bengkel Kelompok: Tentang Kita anjuran Persatuan Wanita Labuan (HAWA) dengan kerjasama Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dan MAIWP Labuan.
13. Majlis Riang Ria Aidilfitri Belia Kitani anjuran Majlis Belia Labuan dengan kerjasama Perbadanan Labuan dan MAIWP Labuan
14. Majlis Tautan Kasih Aidilfitri Madani bersama YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) anjuran MAIWP Labuan dengan kerjasama agensi-agensi agama serta 33 buah masjid dan surau di bawah seliaan JAWI Labuan
15. Jelajah Ilmu bersama Ustazah Asma' Harun dengan kerjasama MAIWP Labuan, Sahabat Khidmat Labuan, Lembaga Kebajikan Perempuan Islam Malaysia, SRITI Labuan dan Masjid Jamek Layang-Layangan
16. Program Ramah Mesra Madani Bersama Anak-Anak Yatim dan Asnaf peringkat Wilayah Persekutuan Labuan anjuran MAIWP Labuan, Jabatan Pendidikan Labuan dan Perbadanan Labuan
17. Karnival Pendidikan dan Kerjaya 2024 #asnafhebat siri 1 dengan kerjasama agensi-agensi dan sekolah-sekolah menengah W.P. Labuan
18. Program Dakwah Kawasan Operasi (PRODAKSI) anjuran Angkatan Tentera Malaysia dengan kerjasama MAIWP Labuan dan pelbagai agensi
19. Bengkel Selangkah ke Menara Gading dengan kerjasama I-Guru Sabah dan Universiti Malaysia Sabah
20. Majlis pelancaran Projek Intelek Asnaf Bank Rakyat 2024 anjuran PPZ-MAIWP dengan kerjasama Bank Kerjasama Rakyat (Bank Rakyat)
21. Majlis Pelancaran Projek Asnafpreneur Bank Rakyat WP Labuan anjuran PPZ-MAIWP dengan kerjasama Bank Rakyat
22. Bengkel Asnafpreneur Bank Rakyat 2.0 dengan kerjasama PPZ-MAIWP
23. Program Serambi Tinta anjuran Persatuan Penulis WP Labuan (PERWILA)
24. Temuduga Perujian Tasmi' Skim Bantuan Galakan Hafaz Al-Quran dengan kerjasama Imam Masjid dan Sekolah Menengah Kebangsaan Pantai.
25. Pameran Abang Li sempena Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2024 anjuran Jabatan Penerangan WP Labuan
26. Majlis Pelancaran MyGrocer@Wilayah peringkat Labuan
27. Kunjungan Mesra Pengendali E-Hailing MAXIM Labuan ke Kompleks Darul Kifayah WP Labuan
28. Kursus Pembuatan Kek Tapak Kaki Kuda dengan kerjasama Pejabat Pembangunan Wanita WP Labuan
29. Lawatan High Impact Agropreneur MAIWP di MAEPS Serdang
30. Kursus Pengurusan Sijil Halal 2024 dengan kerjasama dengan kerjasama Jabatan Agama Islam WP Labuan
31. Kursus Asas Keusahawanan (KAK) 2024 dengan kerjasama INSKEN
32. Majlis Pengurniaan Sumbangan Bersama Komuniti Wilayah Persekutuan Labuan dengan kerjasama JWP dan Perbadanan Labuan
33. Pameran MAIWP Labuan sempena Karnival Langkah ke Sekolah, Serlah Potensi anjuran Jabatan Pendidikan WP Labuan
34. Kursus Asas Pembangunan Produk dan Servis (KAPPS) dengan kerjasama INSKEN
35. Majlis Perasmian Pusat Hemodialisis MAIWP-PICOMS



BILANGAN PENGUNJUNG PAZA MAIWP SEPANJANG TAHUN 2024



Bagi penambahbaikan teknologi di MAIWP pada tahun 2024, MAIWP telah melaksanakan :

Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) MAIWP memainkan peranan strategik dalam memastikan kelangsungan infrastruktur digital, kecemerlangan sistem maklumat, serta kelestarian teknologi bagi memperkukuh tadbir urus dan perkhidmatan kepada asnaf di Wilayah Persekutuan.

1. *Cashless* Agihan



MAIWP melaksanakan sistem pengagihan bantuan tanpa tunai (*cashless*) bagi meningkatkan kecekapan, ketelusan, dan keselamatan penyampaian bantuan kepada asnaf. Inisiatif ini berjaya mendigitalkan lebih 90% daripada 60,000 asnaf di Wilayah Persekutuan melalui eWallet. Selain mengurangkan transaksi tunai, sistem ini menyokong ekonomi digital, mempercepatkan penggunaan fintech, dan membolehkan pemantauan transaksi secara masa nyata untuk memastikan ketelusan agihan dana zakat.

2. *Profiling* Asnaf



Profiling Asnaf menggantikan kaedah survey manual dengan teknologi AI dan big data analytics untuk memastikan pengagihan zakat lebih tepat dan efisien. Pada tahun 2024, data 15,600 asnaf telah dikumpul dan dianalisis secara automatik, mengurangkan kesilapan manusia serta mempercepatkan proses mengenal pasti keperluan mereka. Inisiatif digital oleh MAIWP ini membantu mengenal pasti potensi asnaf, memastikan bantuan sampai kepada yang benar-benar memerlukan

serta membuka peluang untuk asnaf membina kehidupan yang lebih baik.

3. *Cashless* Terimaan

PERMATA MAIWP kini beralih ke sistem pembayaran tanpa tunai (*cashless*) untuk meningkatkan ketelusan, kecekapan, dan keselamatan dalam pengurusan kewangan. Dengan sokongan perbankan dalam talian, transaksi menjadi lebih pantas dan teratur tanpa risiko tunai. Inisiatif ini bukan sekadar memodenkan sistem pembayaran, tetapi juga memastikan tadbir urus kewangan yang lebih telus dengan pemantauan transaksi secara real-time serta mengurangkan kesilapan manusia. Langkah ini mengukuhkan PERMATA MAIWP dalam ekosistem kewangan digital yang semakin berkembang.

4. Sistem Pengurusan Penyelenggaraan Fasiliti Berkomputer (FIXIT)

MAIWP memperkenalkan Sistem Pengurusan Penyelenggaraan Fasiliti Berkomputer (FIXIT) bagi meningkatkan kecekapan dan ketelusan dalam pengurusan fasiliti. Sistem ini menggantikan kaedah manual yang sering menghadapi kelewatan dan kesukaran menjejak aduan. Dengan FIXIT, setiap aduan direkod dan dipantau secara masa nyata (*real-time*), membolehkan penyelenggaraan dilakukan dengan lebih cepat dan sistematik.

5. Dashboard MAIWPNOW



Dashboard MAIWPNOW adalah penambahbaikan daripada dashboard sedia ada, menjadikan pengurusan kutipan dan agihan zakat lebih pantas dan efisien. Jika sebelum ini proses paparan data mengambil masa satu hari, kini ia dapat diselesaikan dalam hanya 30 minit. Dashboard ini membolehkan pemantauan transaksi secara langsung (*real-time*), analisis data yang lebih tepat, memastikan wang zakat diurus dengan lebih telus, cepat, dan sekaligus membina keyakinan orang ramai terhadap MAIWP.

6. Portal Rasmi MAIWP

Portal Rasmi MAIWP ialah gerbang digital yang memudahkan akses orang ramai kepada perkhidmatan MAIWP secara cepat, sistematik, dan interaktif. Ia mencerminkan komitmen MAIWP terhadap transformasi digital, memastikan perkhidmatan lebih mesra pengguna, cekap, dan selari dengan perkembangan teknologi. Dengan pelaksanaannya, MAIWP terus menerajui ekosistem digital berimpak tinggi, menyokong aspirasi Malaysia Digital untuk masa depan yang dinamik dan progresif.

7. Google Workspace For Education (GWSFE) & Portal Pendidikan e-Qalam



MAIWP memperkenalkan Google Workspace for Education (GWSFE) dan Portal Pendidikan e-Qalam bagi memodenkan pembelajaran digital serta memudahkan pengurusan akademik. GWSFE menyediakan alat seperti Google Classroom, Google Drive, dan Google Meet, membolehkan pelajar dan guru berinteraksi dengan lebih mudah serta menyokong pembelajaran dalam talian dan bersemuka. Ia dijangka memberi manfaat kepada ramai pelajar dan pendidik dengan akses bahan pembelajaran pada bila-bila masa sekaligus menyokong model pembelajaran hibrid dan akses pendidikan yang lebih inklusif. Portal e-Qalam pula membantu pengurusan akademik dengan pemantauan prestasi pelajar secara real-time, analisis data, dan akses kepada sumber pendidikan. Selain itu, ia memudahkan komunikasi antara guru, ibu bapa, dan pelajar untuk memastikan perkembangan akademik lebih teratur. Pelaksanaan GWSFE & e-Qalam bukan sahaja menjadikan sistem pendidikan MAIWP lebih moden dan cekap, malah membantu melahirkan generasi celik teknologi yang bersedia menghadapi cabaran dunia digital.

8. Asnaf Care

Asnaf Care dibangunkan untuk mendigitalisasikan operasi pengurusan bantuan perubatan bagi meningkatkan efisiensi dan kemudahan akses.

Selain itu, ia mempercepatkan proses penghantaran serta penerimaan maklumat secara atas talian, sekali gus mengurangkan potensi kesilapan manusia (human error) dan penipuan (fraud). Dalam usaha menuju pengurusan yang lebih lestari, penggunaan kertas dikurangkan dengan beralih kepada konsep tanpa kertas (paperless), sementara simpanan data diperkukuhkan melalui teknologi cloud storage yang lebih selamat dan terjamin. Di samping itu, inisiatif ini juga memacu penggunaan teknologi selaras dengan matlamat Revolusi Industri 4.0 (IR4.0), menjadikan sistem lebih moden, cekap, dan inovatif.

9. Reward Sosial MAIWP

Rewards Sosial MAIWP adalah sebuah inisiatif inovatif yang diperkenalkan bagi menyemarakkan aktiviti kebajikan dalam kalangan masyarakat. Program ini menggunakan konsep pemberian mata ganjaran kepada individu yang melakukan aktiviti kebajikan, seperti menyertai majlis keagamaan, gotong-royong, dan aktiviti derma serta wakaf. Melalui aplikasi yang disediakan, pengguna boleh memantau aktiviti mereka, melihat jumlah mata yang dikumpul, dan memilih ganjaran yang ingin ditebus.

Program ini bukan sahaja memberi penghargaan kepada individu yang aktif dalam kerja amal, tetapi juga menggalakkan lebih ramai orang untuk terlibat dalam aktiviti kebajikan secara konsisten. Dengan penggunaan teknologi digital, ia menjadi lebih mudah, pantas, dan sistematik dalam menguruskan penyertaan serta penebusan ganjaran. Ini secara tidak langsung dapat membentuk masyarakat yang lebih prihatin dan bersemangat untuk membantu mereka yang memerlukan.

AKTIVITI PROMOSI DAN PUBLISITI

Pada tahun 2024, MAIWP menggiatkan lagi aktiviti hebahan dan publisiti dalam usaha menyampaikan maklumat yang tepat dan seterusnya mengurangkan persepsi negatif masyarakat terhadap MAIWP.



210,000 pengikut



15,000 pengikut



2,100 pengikut



8,000 pengikut



7,000 pengikut



Selain itu, promosi melalui *billboard*:



Promosi melalui media buy:

1. TV ALHIJRAH
2. BERNAMA
3. MG
4. ASTRO
5. IKIM
6. SINAR
7. MEDIA MULIA
8. MEDIA PRIMA OMNIA
9. RTM

Siaran Video dokumentari Jubli Emas MAIWP di RTM


KLUSTER PENDIDIKAN

PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK

Aktiviti pembangunan modal insan MAIWP bermula daripada peringkat umur 2 tahun hingga 6 tahun di Institusi Pendidikan Awal Kanak-Kanak iaitu Permata Junior MAIWP, Permata MAIWP dan MAIWP Kids.

a. Taska Permata Junior MAIWP


- Melaksanakan program Pengasuhan & Pendidikan Awal Kanak-kanak atau dikenali sebagai Taman Asuhan Kanak-Kanak Darul Hannan (TASKA) bagi kanak-kanak yang berusia 2 hingga 4 tahun.
- Beroperasi di Masjid Wilayah Persekutuan dan Bangunan Daruzzakah dengan jumlah kanak-kanak seramai 45 orang.
- Menyediakan suasana pembelajaran yang berorientasikan 'Belajar Melalui Bermain' (*learning through play*) bagi merangsang setiap perkembangan personaliti dan minda kanak-kanak.
- Seramai 90 % kanak-kanak yang berumur 3 dan 4 tahun berjaya menguasai 10 Surah Lazim dan 10 Doa Harian serta kemahiran sendiri.



b. Tadika Permata MAIWP & MAIWP KIDS

- Melaksanakan program pendidikan prasekolah bagi kanak-kanak yang berumur 5 dan 6 tahun dengan menggunakan kurikulum kebangsaan iaitu Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK).
- Menyediakan suasana pembelajaran yang berorientasikan pendidikan Islam dan arus perdana dalam usaha mengembangkan kemahiran asas dan potensi kanak-kanak dalam segala aspek perkembangannya sebagai persediaan untuk memasuki alam persekolahan yang sebenar (formal).
- Terdapat seramai 4,812 pelajar terdapat yang terdiri daripada 71 buah Tadika Permata MAIWP dan 6 buah Tadika MAIWP Kids iaitu 66 di Kuala Lumpur, 7 Putrajaya dan 4 Labuan .

JUMLAH PELAJAR TADIKA PERMATA MAIWP TAHUN 2020-2024



PENDIDIKAN PERINGKAT MENENGAH


Pembangunan modal insan di peringkat menengah diteruskan oleh MAIWP menerusi 5 buah institusi di bawahnya.

a. Sekolah Menengah Agama MAIWP


- Beroperasi di Bandar Sri Permaisuri, Cheras dan merupakan Sekolah Kluster Kecemerlangan (SKK)

- Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) yang melaksanakan Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) bermula Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5. SMA MAIWP juga mempunyai pelajar Tingkatan Enam yang mengambil peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM).
- Jumlah murid di SMA-MAIWP adalah seramai 624 orang.
- Gred Purata Sekolah (GPS) bagi Sijil Pelajaran Malaysia tahun 2024 adalah 1.82 dengan murid mendapat kesemua A bagi 11 subjek adalah seramai 26 orang.
- GPS bagi Peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) tahun 2024 adalah 2.08 dengan pelajar mendapat Mumtaz adalah seramai 6 orang.


**PECAHAN PELAJAR SMA-MAIWP
TAHUN 2024**



**PENCAPAIAN PELAJAR SMA-MAIWP
SPM TAHUN 2024 BERDASARKAN BILANGAN "A"**




**PENCAPAIAN GRED PURATA SEKOLAH
SMA-MAIWP BAGI SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
TAHUN 2020-2024**




*Angka lebih kecil menggambarkan prestasi yang lebih baik

**PENCAPAIAN PELAJAR SMA-MAIWP
SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA TAHUN 2024**



**PENCAPAIAN GRED PURATA SEKOLAH
SMA-MAIWP BAGI SIJIL TINGGI AGAMA
MALAYSIA TAHUN 2020-2024**




*Angka lebih kecil menggambarkan prestasi yang lebih baik

b. Sekolah Menengah Agama MAIWP Labuan


- Beroperasi di Kampung Lubuk Temiang, Labuan
- Pada tahun 2024, jumlah pelajar di SMA-MAIWP Labuan adalah seramai 226 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar Wilayah Persekutuan Labuan, Sabah dan Sarawak.
- Gred Purata Sekolah (GPS) bagi Sijil Pelajaran Malaysia tahun 2024 adalah 3.46 bagi 15 matapelajaran kesemuanya. Pencapaian terbaik 3 orang mendapat 9A dan 1 orang mendapat 8A dan 3 orang mendapat 7A.

Pentaksiran Tingkatan 3 telah DIMANSUHKAN.


**PECAHAN PELAJAR SMA-MAIWP
LABUAN TAHUN 2024**



PENCAPAIAN PELAJAR SMA-MAIWP LABUAN SPM TAHUN 2024 BERDASARKAN BILANGAN "A"



PENCAPAIAN GRED PURATA SEKOLAH SMA-MAIWP LABUAN BAGI SIJIL PELAJARAN MALAYSIA TAHUN 2020-2024




*Angka lebih kecil menggambarkan prestasi yang lebih baik

PECAHAN PELAJAR SMISTA TAHUN 2024

Tingkatan 1	40	41
Tingkatan 2	41	45
Tingkatan 3	41	44
Tingkatan 4	45	30
Tingkatan 5	41	37

PENCAPAIAN GRED PURATA SEKOLAH SMISTA BAGI SIJIL PELAJARAN MALAYSIA TAHUN 2020-2024



*Angka lebih kecil menggambarkan prestasi yang lebih baik

- Pencapaian Kokurikulum tahun 2024:

Pencapaian Kebangsaan :

- Penyertaan Peratndingan Robotik


Pencapaian Negeri :

- Johan: Cabaran kadet bomba dan Penyelamat Tahun 2024
- Johan: Karnival KMR/PBL STEM Bersepadu
- Naib Johan: Pertandingan Malaysia Techlympics (Zon borneo)

c. Sekolah Menengah Integrasi Sains Tahfiz (SMISTA)

- Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) yang melaksanakan 2 kurikulum bersepadu iaitu Kurikulum Perdana KBSM/KSSM dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT)
- Beroperasi di Bandar Tun Razak, Cheras, Kuala Lumpur
- Pada tahun 2024, jumlah pelajar di SMISTA adalah seramai 376 orang
- Gred Purata Sekolah (GPS) bagi Sijil Pelajaran Malaysia tahun 2024 adalah 1.86 dengan pelajar mendapat kesemua A bagi 12 subjek adalah seramai 10 orang.


PENCAPAIAN PELAJAR SMISTA SPM TAHUN 2024 BERDASARKAN BILANGAN "A"




- SMISTA turut menjadi Johan Acara Hafazan Juzuk 1-10 (Lelaki), Tempat ketiga Hafazan Juzuk 1-10 (Lelaki) dan Acara Hafazan Al-Quran (Perempuan) Majlis Tilawah dan Hafazan Peringkat Wilayah Persekutuan Tahun 2024.
- #### d. Pondok Moden Al-'Abaqirah (PMA)
- Merupakan institusi pengajian bawah MAIWP yang melaksanakan kurikulum berteraskan kitab-kitab turath yang diintegrasikan dengan pembelajaran akademik arus perdana dan hafazan Al-Quran.
 - Mempunyai seramai 133 orang pelajar pada tahun 2024

- Gred Purata Sekolah (GPS) bagi Sijil Pelajaran Malaysia tahun 2024 adalah 2.90 dengan murid mendapat kesemua A bagi 8 subjek adalah seramai 5 orang.
- GPS bagi Peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) tahun 2024 adalah 1.78 dengan pelajar mendapat Mumtaz adalah seramai 8 orang.


PECAHAN PELAJAR PONDOK MODEN AL-'ABAQIRAH TAHUN 2024



STATISTIK KANAK-KANAK DI DARUL HANNAN TAHUN 2020-2024




PENCAPAIAN GRED PURATA SEKOLAH PMA SIJIL PELAJARAN MALAYSIA TAHUN 2020-2024




*Angka lebih kecil menggambarkan prestasi yang lebih baik


PENCAPAIAN PELAJAR PMA SIJIL PELAJARAN MALAYSIA TAHUN 2024 BERDASARKAN BILANGAN "A"



PENCAPAIAN PELAJAR PMA SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA (STAM) TAHUN 2024



PENCAPAIAN PELAJAR PMA SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA (STAM) TAHUN 2024



Pencapaian PMA tahun 2024:

Antarabangsa

1. Gold Medal World Summit International sciences Olympiad STEM
2. Silver Medal World Summit International sciences Olympiad STEM

Kebangsaan

- Tempat Kedua pencapaian Cemerlang Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) peringkat Kebangsaan

Negeri

- Pencapaian Terbaik Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) Wilayah Persekutuan

TVET: INSTITUT KEMAHIRAN BAITULMAL

MAIWP turut mempunyai sebuah institusi yang memberikan latihan kemahiran kepada anak-anak daripada keluarga yang kurang berkemampuan dikenali sebagai Institut Kemahiran Baitulmal (IKB).


Program kemahiran yang ditawarkan mendapat pentauliah daripada agensi seperti Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Lembaga Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Suruhanjaya Tenaga (ST).

Pada tahun 2024, terdapat seramai 204 orang pelajar di IKB.

PECAHAN PELAJAR IKB TAHUN 2024

BIL.	KURSUS	BILANGAN PELAJAR	
		TAHUN 1	TAHUN 2
1.	Diploma Teknologi Reka Bentuk Fesyen	13	
2.	Rekaan Fesyen & Pembuatan Pakaian Wanita	14	12
3.	Rekaan Fesyen & Pembuatan Pakaian Lelaki	11	9
4.	Perkhidmatan & Penyajian Makanan	18	16
5.	Kejuruteraan Elektrik	16	17
6.	Seni Reka Grafik Komputer	18	16
7.	Teknologi Binaan Bangunan	12	14
8.	Bengkel Pengeluaran Jahitan	-	11
JUMLAH		102	95

PERBANDINGAN LULUSAN IKB MENGIKUT KURSUS DARI TAHUN 2020-2024



Pengajian Warga Emas: Darul Ilmi

Menyedari keperluan pendidikan sepanjang hayat, MAIWP telah memanfaatkan kemampuan yang ada untuk menyediakan pengajian agama secara intensif kepada warga emas. Ia dilaksanakan menerusi institusi yang dinamakan Darul Ilmi di mana menerapkan kaedah pengajian pondok dengan pendekatan moden. Ia ditubuhkan selari dengan hasrat Ir. Haji Mohd Mazlan bin Hj. Md. Ismail Merican yang mewakafkan hartanah beliau untuk pusat pengajian warga emas.

Di Darul Ilmi, warga emas akan mengikuti kelas pengajian yang sistematik dengan menekankan kepada pengajian Al-Quran, Fardhu Ain dan Fardhu Kifayah bersumberkan rujukan daripada kitab-kitab muktabar. Ilmu-ilmu berkaitan Tauhid, Fikah, Tafsir, Hadis, Tasawuf, Akhlak, Al-Quran, Tajwid, Sirah dan Perubatan Islam diajar oleh tenaga pengajar bertauliah sepanjang tempoh 2 tahun.

Pada tahun 2024, terdapat seramai 16 orang penuntut di Darul Ilmi berusia antara 55-70 tahun.


KEBAJIKAN

Selain aktiviti pendidikan, MAIWP turut memberi perhatian terhadap beberapa kelompok umat Islam yang kurang bernasib baik menerusi beberapa institusi.

a. Darul Kifayah

- Memberi perlindungan berkonsepkan asrama kepada anak yatim, anak fakir miskin dan anak-anak golongan saudara baru (mualaf).
- Para pelajar dihantar mengikuti pendidikan secara formal di sekolah-sekolah kebangsaan.
- Pada tahun 2024, terdapat seramai 217 orang pelajar di Darul Kifayah.


STATISTIK PELAJAR DARUL KIFAYAH 2020-2024



- Pada tahun 2024, terdapat seramai 36 pelajar Darul Kifayah yang menduduki SPM telah berjaya melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

b. Dar Assaadah

- Menyediakan perlindungan sementara, bimbingan agama dan latihan vokasional kepada wanita dan gadis Islam yang terjebak dalam gejala sosial.
- Menempatkan seramai 17 orang pelatih pada tahun 2024.
- 91% pelatih boleh membaca Al-Quran dengan baik serta menguasai Asas Fardhu Ain berjaya dicapai.

STATISTIK PENGHUNI DAR ASSAADAH
2020-2024

SEJARAH & PERKEMBANGAN INSTITUSI DI BAWAH MAIWP

DARUL KIFAYAH



- Ditubuhkan berdasarkan keputusan Mesyuarat MAIWP yang bersidang pada 20 Ogos 1983 bagi menjaga kebajikan anak-anak yatim di Wilayah Persekutuan.
- Operasi bermula di Kampung Batu, Batu 5, Jalan Sultan Azlan Shah sebelum ianya dipindahkan buat sementara waktu ke Taman Bukit Anggerik, Cheras pada tahun 1992 bagi membolehkan pembinaan bangunan baharu Darul Kifayah dilaksanakan.
- Upacara perletakan batu asas bangunan baru telah disempurnakan oleh Dato' Dr. Mohd. Yusof bin Haji Mohammad Noor (sekarang Tan Sri) selaku Pengerusi MAIWP ketika itu.
- Pada Oktober 1993, Darul Kifayah telah beroperasi di premis baru yang telah siap dibina. Perasmian premis baru disempurnakan pada 5 Januari 1996 oleh Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad (sekarang Tun) Perdana Menteri Malaysia ketika itu.
- Pada 17 Disember 2007, Darul Kifayah telah berpindah ke premis baru di Lot 28188 Jalan 36/10, Taman Koperasi Polis Fasa 2, Kuala Lumpur yang mampu menampung seramai lebih kurang 500 orang pelajar serta memberi kemudahan dan tempat tinggal yang lebih sempurna dan selesa.

- Prasarana di Darul Kifayah telah dinaiktaraf dengan pembinaan beberapa blok baru termasuk surau Jumaat bernilai keseluruhan RM20.6 juta. Pembangunan dibuat bagi memberi lebih keselesaan dan mampu menampung sehingga 750 orang penghuni. Projek menaiktaraf ini telah siap sepenuhnya pada tahun 2015.

DAR ASSAADAH

- Ditubuhkan berdasarkan keputusan Mesyuarat MAIWP pada 2 Ogos 1985 yang bertujuan memberi perlindungan dan bimbingan kepada golongan remaja dan keluarga tersasar arah.
- Mula beroperasi pada November 1989 di sebuah blok bangunan rumah kedai di Taman Bukit Anggerik, Cheras Kuala Lumpur dengan kemasukan penghuni seramai 9 orang.
- Berpindah sebanyak 2 kali iaitu pada tahun 1996 ke sebuah lot rumah banglo milik MAIWP di No 149 Jalan Gurney 3, Datuk Keramat Kuala Lumpur dan pada 2 Februari 2000 ke sebuah kompleks milik MAIWP di Lot 28188 Jalan 26/10, Taman Koperasi Polis Fasa 2, 68100 Batu Caves, Kuala Lumpur.
- Diberi nama sebagai Dar Assaadah secara rasminya pada tahun 2001.
- Pada akhir tahun 2007, Dar Assaadah telah berpindah ke Kampung Batu, Batu 5, Jalan Sultan Azlan Shah yang sebelum itu menempatkan penghuni anak yatim Darul Kifayah. Perpindahan dibuat bagi memberi ruang yang lebih selesa kepada penghuni Darul Kifayah yang semakin bertambah dari tahun ke tahun.

INSTITUT KEMAHIRAN BAITULMAL



- Ditubuhkan pada tahun 1991 menerusi idea awal oleh YB Dato' Dr. Mohd. Yusof bin Haji Mohammad Noor, Pengerusi MAIWP pada ketika itu.
- Ditubuhkan bertujuan untuk membantu membasmi kemiskinan di kalangan keluarga Islam di Malaysia khususnya di Wilayah Persekutuan dengan memberikan latihan kemahiran kepada anak-anak keluarga fakir dan miskin
- Dikenali sebagai Pusat Latihan Fakir Miskin pada awal penubuhan, seterusnya Pusat Latihan Kemahiran Baitulmal (PLKB) dan tahun 1996 telah dinaik taraf sebagai Institut Kemahiran Baitulmal.
- IKB mula beroperasi pada 18 Mac 1991 dengan menawarkan tiga kursus iaitu Kursus Jahitan Pakaian Lelaki, Kursus Jahitan Pakaian Wanita dan Kursus Senilukis Kreatif dan Kemasan Semburan.
- Setelah terbinanya bangunan 4 tingkat, pada tahun 1995 IKB telah menambah 3 lagi kursus iaitu Kursus Kejuruteraan Elektrik, Kursus Masakan dan Katering dan Kursus Batik dan Cetakan Tekstil.
- Di awal penubuhan, IKB menawarkan latihan selama setahun yang kemudiannya dilanjutkan kepada 2 tahun pada tahun 2004. Disamping penambahbaikan kepada kurikulum sedia ada, IKB turut memperluaskan pelajar-pelajar dengan subjek Pengajian Umum iaitu Pengajian Agama Islam, Asas Keusahawanan dan Aplikasi Komputer. Ia turut melibatkan penjenamaan semula kursus yang ditawarkan bagi memberi nilai tambah kepada kursus-kursus tersebut.
- Pada tahun 2006, IKB mula menawarkan kursus Teknologi Binaan Bangunan.
- Bangunan IKB telah dinaiktaraf dengan pembinaan beberapa blok baharu pada tahun 2012.
- Sehingga kini, sebanyak 6 kursus ditawarkan iaitu:
 - Rekaan Fesyen & Pembuatan Pakaian Wanita
 - Rekaan Fesyen & Pembuatan Pakaian Lelaki
 - Perkhidmatan Dan Penyajian Makanan
 - Kejuruteraan Elektrik
 - Seni Lukis Dan Senireka
 - Teknologi Binaan Bangunan
- Persijilan kursus di IKB:
 - Sijil Institut Kemahiran Baitulmal (IKB) MAIWP
 - Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Jabatan Pembangunan kemahiran

- Perakuan Kekompetenan Pendawai Fasa Tiga dengan Endorsan Pengujian (PW4), Suruhanjaya Tenaga (ST) – Kursus Kejuruteraan Elektrik
- Sijil Kecekapan Kemahiran (SKK), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) – Kursus Teknologi Binaan Bangunan

TASKA PERMATA JUNIOR MAIWP



- Merupakan sebuah institusi penjagaan dan pendidikan harian bagi kanak-kanak yang berusia 2 hingga 4 tahun.
- Mula beroperasi pada 1 Disember 1996 di sebuah bangunan yang terletak di dalam kawasan IKB, Jalan Perkasa, Taman Maluri, Kuala Lumpur.
- Pada 22 November 2007, Mesyuarat MAIWP Kali Ke-102 telah bersetuju menubuhkan sebuah lagi Taska Darul Hannan bertempat di Dewan Nurseri, Masjid Wilayah Persekutuan, Jalan Duta, Kuala Lumpur yang telah dirasmikan pada 25 Februari 2010 oleh YB Senator Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri ketika itu.
- Pada tahun 2024, Taska Bangunan Daruzzakah mula beroperasi dengan pengambilan kanak-kanak yang terdiri daripada anak-anak staff MAIWP seramai 20 orang.

SEKOLAH MENENGAH AGAMA MAIWP

- Ditubuhkan hasil keputusan Mesyuarat MAIWP yang bersidang pada 28 Julai 2006 yang bersetuju agar MAIWP menubuhkan Sekolah Menengah Agama MAIWP (SMA-MAIWP) di Wilayah Persekutuan sebagai kesinambungan pendidikan agama di sekolah-sekolah rendah agama di Wilayah Persekutuan.
- Mula beroperasi pada 22 Januari 2007 di satu blok bangunan Sekolah Rendah Agama (SRA) Othmaniah, Bandar Tun Razak, Cheras, Kuala Lumpur dengan bilangan pelajar seramai 181 orang.
- Ia merupakan sebuah sekolah berasrama dan semua pelajar diwajibkan tinggal di asrama sepanjang sesi persekolahan.
- Pada tahun 2010, SMA-MAIWP telah diserap menjadi Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK).
- Pada Jun 2013, SMA-MAIWP telah berpindah ke premis tetap di Bandar Sri Permaisuri, Cheras, Kuala Lumpur apabila kompleks sekolah tersebut yang

bernilai RM104.49 juta siap dibina dan dilengkapi dengan blok pentadbiran dan akademik, bengkel, asrama, kuarters, surau dan pelbagai kemudahan lain.

- SMA-MAIWP telah diiktiraf sebagai Sekolah Kluster Kecemerlangan di atas pencapaian cemerlang sekolah pada tahun 2015.

TADIKA PERMATA MAIWP & MAIWP KIDS

- Tadika Islam telah mula wujud sejak tahun 1970-an dan operasi pelaksanaan ditadbir sepenuhnya oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI). Guru-guru yang dilantik adalah berstatus sementara dan hanya dibayar secara elaun melalui hasil yuran pelajar dan tambahan peruntukan kewangan MAIWP.
- Mesyuarat Penyusunan Semula Perjawatan JAWI bersama Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada 24 September 2007 di JAWI telah memutuskan bahawa pengurusan dan perjawatan guru-guru Tadika Islam diserahkan sepenuhnya kepada MAIWP.
- Pada 1 Januari 2009, operasi dan pentadbiran Tadika Islam diserahkan sepenuhnya kepada MAIWP dan majlis penyerahan tersebut secara rasminya telah disempurnakan pada 18 Mac 2009 oleh YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Menteri di Jabatan Perdana Menteri ketika itu.
- Sehingga kini, terdapat sebanyak 81 buah Tadika Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya.
- Sehingga tahun 2024, terdapat enam buah Tadika Permata MAIWP telah dinaik taraf kepada MAIWP Kids yang beroperasi sebagai sebuah tadika yang memberi penekanan kepada pendidikan digital dan interaktif melalui future classroom yang dilengkapi dengan pelbagai peralatan digital seperti Smart TV, Smart Board, rangkaian internet dan pelbagai kelengkapan terkini.

SEKOLAH MENENGAH INTEGRASI SAINS TAHFIZ (SMISTA)

- Mesyuarat MAIWP pada 27 Julai 2009 telah meluluskan penubuhan Sekolah Menengah Integrasi Sains Tahfiz (SMISTA) MAIWP sebagai sebuah sekolah menengah akademik dan tahfiz yang pertama di Wilayah Persekutuan.
- SMISTA mula beroperasi pada 3 Januari 2011 di bangunan sementara iaitu berkongsi bangunan dengan Sekolah Menengah Agama MAIWP di Bandar Tun Razak Cheras dengan pengambilan pelajar seramai 55 orang.
- Pada 23 Disember 2011, operasi SMISTA berpindah ke bangunan sendiri di Danau Lumayan, Bandar Permaisuri, Cheras yang dilengkapi dengan kelas dan kemudahan asrama.
- Pada Jun 2013, SMISTA berpindah pula ke bangunan SMA MAIWP di Bandar Tun Razak, Cheras.

Asrama pelajar pula ditempatkan di Kompleks SMA MAIWP, Bandar Permaisuri yang baru siap dibina untuk memberi lebih keselesaan kepada para pelajar.

DARUL ILMU

- Mesyuarat Jawatankuasa Wakaf, Pusaka, Wasiat dan Sumber Am Bilangan 2 / 2011 telah membincangkan dan bersetuju dengan kertas konsep Penubuhan Pusat Pengajian Warga Emas MAIWP yang berumur 55 tahun ke atas.
- Ia ditubuhkan di atas tanah wakaf yang diwakafkan oleh Ir. Haji Mohd. Mazlan bin Hj. Md. Ismail Merican di Kampung Sungai Penchala, Kuala Lumpur seluas 1.7 ekar.
- Objektif utama adalah untuk melaksanakan Fardhu Kifayah kepada masyarakat di Wilayah Persekutuan serta memberi peluang kepada golongan warga emas untuk menimba ilmu agama dengan lebih mendalam sebagai bekalan di dunia dan akhirat
- Penubuhannya menjadikan MAIWP sebagai perintis kepada Majlis Agama Islam Negeri mewujudkan Pusat Pengajian Islam Warga Emas (Pondok Moden) yang selama ini dipelopori oleh badan-badan bukan kerajaan.
- Mula beroperasi pada 12 Mac 2012 dengan nama Dar Assakinah sebelum ditukar nama kepada Darul Ilmi pada 23 Mac 2015.
- Menggunapakai konsep pusat pengajian Islam ala pondok yang menyediakan penginapan dan bukan berkonsepkan pusat jagaan warga emas.

PONDOK MODEN AL-'ABAQIRAH

- Mesyuarat MAIWP pada 23 Mac 2015 telah meluluskan penubuhan Pondok Moden Al-'Abaqirah.
- PMA mensasarkan pelajar-pelajar yang tamat PT3 atau yang setaraf dengannya serta minat yang mendalam dalam Ilmu Islam dan menghafaz sebahagian Al-Quran. Manakala tempoh pengajian adalah selama empat tahun (lapan semester). Pembelajaran menggabungkan akademik dan pengajian kitab thurath.
- Majlis Pelancaran Pondok Moden Al-'Abaqirah (PMA) telah dirasmikan pada 1 Julai 2015 oleh YB Mejar Jeneral Datuk Seri Jamil Khir bin Hj Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri merangkap Pengerusi MAIWP ketika itu.
- PMA telah mula beroperasi pada Ogos 2015 dengan pengambilan pelajar pertama seramai 44 orang di Bangunan Darul Hidayah MAIWP, Kampung Baru Kuala Lumpur.
- Pada tahun 2016, operasi telah dipindahkan ke bangunan yang lebih selesa iaitu di bangunan Darul Kifayah, Taman Batu Muda, Batu Caves.

KLUSTER EKONOMI

USAHAWAN BERJAYA

Berjaya melahirkan 226 usahawan asnaf yang mampu menjana pendapatan sebanyak RM10,000 sebulan.



RM10,000/bulan
226 usahawan

ASNAFPRENEUR

- Kerjasama strategik bersama agensi luar bagi melatih usahawan-usahawan MAIWP seperti:
 - i. Agensi Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) melalui Kursus Asas Keusahawanan dan Pembangunan Produk.
 - ii. Agensi Tenaga Nasional Berhad melalui Kursus Pembangunan Usahawan Digital.
 - iii. Agensi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) melalui Kursus Penjenamaan dan Pelabelan Produk.
 - iv. Agensi Jabatan Agama Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) melalui Projek Jana Ekonomi Digital Asnaf (JEDA) dan Seminar Kesedaran dan Bengkel Dokumentasi Pemilikan Sijil Halal.
 - v. Agensi Bank Islam melalui Program Geran Pembiayaan Bangkit (BBG) Usahawan.
 - vi. Agensi Coop Bank melalui Program Bantuan Usahawan Asnaf.
 - vii. Agensi Bank Rakyat melalui Rakyatpreneur 5.0.
 - viii. Agensi Program SME Bank melalui Program ISHRAF 3.0.
 - ix. Agensi Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) melalui Seminar Transformasi Bijaktani Asnaf MAIWP.
 - x. Agensi Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia melalui Kursus Produk Pertanian Hiliran Hasil Nanas.
- Membentuk asnaf menjadi usahawan berjaya menerusi latihan, bimbingan dan pemantauan.

- Seramai 3,970 usahawan MAIWP telah menghadiri program (latihan, bimbingan & pemantauan) keusahawanan

TAHUN	PERINGKAT PROGRAM	JUMLAH ASNAF
2022	Asas	952
	Pembangunan	286
	Perkembangan	115
2023	Asas	525
	Pembangunan	865
	Perkembangan	224
2024	Asas	442
	Pembangunan	304
	Perkembangan	257
JUMLAH KESELURUHAN		3,970

- Mampu meningkatkan taraf hidup dan keluar daripada garis kemiskinan tanpa bergantung kepada bantuan zakat.

Perkongsian Ilmu Keusahawanan

BIL.	PROGRAM	JUMLAH PESERTA
1.	Program Pembangunan Pemasaran Berimpak Tinggi (PERIMTI)	89
2.	Kursus Penjenamaan dan Pelabelan Produk Usahawan MAIWP	56
3.	Latihan Kemahiran Pemerkasaan Ekonomi Usahawan Kulinari Asnaf	24
4.	Usahawanjaya MAIWP 7.0	43
5.	Program Geran Pembiayaan Bangkit (BBG) Usahawan (Bank Islam)	46
6.	Jalinan Kasih Ramadan Usahawan MAIWP	128
7.	Lawatan Kerja ke Majlis Agama Islam Johor	40
8.	Seminar Kesedaran dan Bengkel Dokumentasi Pemilikan Sijil Halal Usahawan MAIWP	25

BIL.	PROGRAM	JUMLAH PESERTA
9.	Projek Jana Ekonomi Digital Asnaf (JEDA)	30
10.	Program Bantuan Usahawan Asnaf Coop Bank Pertama	10
11.	Rakyatpreneur 5.0	20
12.	Pembangunan Premis Digital	100
13.	Program Usahawan Maiwp Bagi Menyertai Asean Halal Expo 2024	2
14.	Kursus Pembangunan Usahawan Digital	79
15.	Kursus Asas Keusahawanan dan Pembangunan Produk	338
16.	Program Pembangunan Produk & Servis	93
17.	Kursus Empowering Digital Business Usahawan MAIWP	57
18.	Program ISHRAF 3.0	25
JUMLAH PESERTA		1,205

PEMBANGUNAN ASNAF 2024

1. Program Train & Place – Program terarah kepada Generasi Kedua (anak-anak asnaf) mendapat latihan TVET dengan jaminan pekerjaan dan gaji permulaan sebanyak RM1,800.00 sebulan.

BIL.	BIDANG	JUMLAH PESERTA
1.	Scaffolding	48
2.	Mobile Crane	14
3.	Tower Crane	24
4.	Pengendalian Dron	50
5.	Program Bidang Makanan	12
6.	Perkhidmatan Program Pengajian: Anak-Anak Asnaf	4
7.	Fiber optik	13
8.	Jentera Berat: Kapten Bas	15
9.	Dandan rambut	21
10.	Perkhidmatan Pembaikan – Kenderaan Ringan	20
11.	Bidang Makanan	20
JUMLAH PESERTA		241

2. Program Kepimpinan – Program peringkat sekolah hingga institusi pengajian tinggi kepada Generasi Kedua (anak-anak asnaf) mendapat pendedahan / pengalaman meningkatkan potensi diri mereka agar menjadi pengubah nasib keluarga.

BIL.	PERINGKAT PROGRAM	
	SEKOLAH	IPT
1.	Smart Ibadah Solat (536)	Motivasi Mahasiswa Cemerlang (189)
2.	Cetusan Inspirasi Pelajar (200)	Next Future Leader (238)
3.	Smart Leadership (491)	
4.	Grooming Y Gen (61)	
5.	Ready To Change (217)	
6.	Kecemerlangan SPM (369)	
JUMLAH PESERTA		1,874
		427

3. Program Kerohanian (Soul Journey) – Program melibatkan ketua keluarga dikalangan penerima bantuan zakat untuk menambah pengetahuan agama dari aspek fardhu ain, akhlak dan pergaulan.

BIL.	PROGRAM	JUMLAH PESERTA
1.	Lawatan Subur Iman	33
2.	Seminar Keluarga Bahagia	289
3.	Karnival Soul Journey Belia Asnaf MAIWP	2,000
4.	Bengkel Solat dan Terapi (BEST)	66
JUMLAH PESERTA		2,388

4. Projek Urban Farming (Fertigasi Terung) – Projek pertanian bandar yang menggunakan kaedah moden bagi mendapatkan hasil yang optimum dengan penyesuaian tapak tanah yang terhad di Bandaraya Kuala Lumpur.

BIL.	PROGRAM	JUMLAH PESERTA
1.	Projek Tanaman Terung Fertigasi	6

Hasil Kutipan Projek Urban Farming (Fertigasi Terung)

BIL.	PROGRAM	HASIL KUTIPAN (kg)	HASIL JUALAN (RM)
1.	Projek Tanaman Terung Fertigasi	24,106	65,517.30



HARTASUCI SDN. BHD. (PUSAT PUNGUTAN ZAKAT-MAIWP)

Hartasuci Sdn. Bhd. atau lebih dikenali dengan nama Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP) ditubuhkan pada tahun 1991 yang mana tugas dan tanggungjawabnya adalah sebagai institusi yang bertanggungjawab untuk mengutip zakat harta di seluruh Wilayah Persekutuan bagi pihak Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).

Bermula tahun 2022, PPZ-MAIWP telah diamanahkan untuk turut menjalankan kutipan wakaf tunai bagi pihak MAIWP. Pelantikan ini bertujuan untuk memperkasa dan memperluaskan lagi kempen kesedaran wakaf dalam kalangan masyarakat Islam di Wilayah Persekutuan, selain memastikan lebih banyak sumber wakaf dapat dikumpul dan dimanfaatkan untuk pelbagai projek kebajikan dan pembangunan ummah.

Pada 2023, PPZ-MAIWP juga turut diamanahkan oleh MAIWP bagi mengendalikan pengurusan zakat fitrah di seluruh Wilayah Persekutuan.

AHLI LEMBAGA PENGARAH HARTASUCI SDN. BHD.

BIL	NAMA
1.	YBhg. Dato' Sri Amrin Awaluddin
2.	YBhg. SS Datuk Prof Madya Dr Luqman Haji Abdullah
3.	YBhg. Datuk Haji Mohd Ajib bin Ismail (Okt 2024)
4.	YBhg. Datuk Mohd Nizam bin Yahya
5.	Dr. Abdul Rahim bin Abdul Rahman
6.	Ustaz Burhanuddin bin Lukman
7.	YBRs. Dr. Ridzwan bin Bakar

PRESTASI KUTIPAN ZAKAT

Pada tahun 2024, PPZ-MAIWP telah berjaya mengutip zakat sebanyak RM1,133,641,480.51 iaitu peningkatan sebanyak 10% berbanding kutipan pada tahun 2023 sebanyak RM1,031,301,080.55. Jumlah keseluruhan pembayar zakat turut meningkat sebanyak 2% iaitu daripada 1,835,902 orang pada tahun 2023 kepada 1,864,703 orang pada tahun 2024.



Sepanjang tahun 2024, kutipan zakat yang direkodkan menunjukkan prestasi yang memberangsangkan, hasil daripada peningkatan kesedaran masyarakat Islam terhadap kewajipan menunaikan zakat serta usaha berterusan PPZ-MAIWP dalam memperluas kemudahan bayaran dan memperkukuh jaringan kerjasama strategik.

Zakat Pendapatan kekal sebagai penyumbang tertinggi, dengan jumlah kutipan mencecah RM772 juta iaitu mewakili 68% daripada jumlah keseluruhan kutipan. Ini mencerminkan tahap pematuhan yang tinggi dalam kalangan individu berpendapatan tetap, terutamanya melalui mekanisme Potongan Zakat Bulanan (Skim PZB).

Zakat Perniagaan pula merupakan penyumbang kedua tertinggi dengan jumlah kutipan sebanyak RM183 juta atau 16% daripada jumlah keseluruhan kutipan. Angka ini mencerminkan peranan signifikan sektor korporat dan perniagaan dalam menyokong pembangunan ekonomi umat Islam melalui zakat.

Prestasi ini menunjukkan kejayaan pelaksanaan strategi pemerksaan kutipan yang dijalankan oleh PPZ-MAIWP serta keberkesanan pendekatan digital dan komunikasi yang diterapkan dalam mendekatkan zakat kepada masyarakat.

PRESTASI KUTIPAN WAKAF

Selain kutipan zakat, PPZ-MAIWP turut mencatat pencapaian cemerlang dalam kutipan Wakaf Tunai bagi tahun 2024. Jumlah kutipan keseluruhan yang berjaya direkodkan adalah sebanyak RM8,372,966.38, menunjukkan peningkatan sebanyak 26% berbanding jumlah kutipan tahun 2023 iaitu RM6,643,082.43.

Peningkatan kutipan ini turut disokong oleh pertambahan jumlah pewakaf, di mana seramai 19,845 orang pewakaf telah menyumbang pada tahun 2024, berbanding 15,405 orang pada tahun 2023, mencatatkan pertumbuhan sebanyak 29%. Daripada jumlah keseluruhan kutipan wakaf tersebut, RM6.19 juta disumbangkan melalui Wakaf Khas, manakala baki RM2.17 juta diperoleh melalui Wakaf Am.

Bermula tahun 2024, MAIWP juga memperluas manfaat kepada para pewakaf, di mana sumbangan wakaf kini layak untuk menikmati potongan cukai sehingga 10% daripada Pendapatan Agregat, seiring dengan insentif percukaian yang diperuntukkan oleh pihak kerajaan melalui Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

Peningkatan ketara ini mencerminkan keyakinan masyarakat terhadap pengurusan wakaf yang telus, serta kesedaran yang semakin tinggi terhadap kepentingan wakaf sebagai instrumen pembangunan ummah yang berterusan.

AKTIVITI DAKWAH DAN PROMOSI ZAKAT & WAKAF

Pencapaian tahun 2024 sebahagiannya adalah hasil daripada aktiviti promosi dan dakwah zakat dan wakaf yang berterusan oleh semua pihak serta kesedaran mengenai zakat dalam kalangan masyarakat. Antara aktiviti yang telah dijalankan oleh PPZ-MAIWP sepanjang tahun 2024 adalah seperti berikut:

Kempen Ramadan dengan Tema Jiwa Memberi

Kempen Ramadan Jiwa Memberi merupakan inisiatif PPZ-MAIWP yang dijalankan sepanjang bulan Ramadan pada tahun 2024. Kempen ini bertujuan untuk menyemarakkan semangat memberi dalam kalangan umat Islam, khususnya dalam menunaikan zakat dan berwakaf.

Kempen Skim Potongan Zakat Bulanan (Skim PZB)

Kempen dakwah dan pemasaran secara konsisten terhadap pembayaran zakat pendapatan melalui Skim PZB ternyata amat berkesan dalam usaha mengekalkan pembayar sedia ada dan dalam masa yang sama meningkatkan jumlah bilangan pembayar. Kempen ini berlangsung selama 6 bulan bermula 1 Julai hingga 31 Disember 2024.

Kempen 1 Bulan 1 Wakaf

Pelbagai kempen dan inisiatif dilaksanakan untuk menggalakkan umat Islam berwakaf antaranya Kempen 1 Bulan 1 Wakaf. Kempen ini bertujuan untuk mengumpul dana wakaf tunai bagi menampung kos pembangunan semula projek-projek yang didasarkan setiap bulan sepanjang tempoh kempen berlangsung. Kempen ini berlangsung selama 5 bulan bermula 1 Ogos hingga 31 Disember 2024.



Kempen YEZ (Year End Zakat)

Kempen YEZ diteruskan lagi pada tahun ini dalam usaha menggalakkan pembayar membayar zakat pada atau sebelum 31 Disember 2024. Terdapat pelbagai aktiviti telah dijalankan antaranya:

- Karnival YEZ x Pasar Saloma
- Cabutan bertuah kepada pembayar di saluran-saluran pembayaran zakat
- Hari Bersama Pelanggan di kaunter.
- Pemberian cenderahati khas kepada pembayar zakat
- Kaunter dibuka 7 hari seminggu.



INOVASI PPZ-MAIWP

Selari dengan kemajuan teknologi dan peredaran masa, PPZ-MAIWP sentiasa mencari ruang dan peluang untuk terus berinovasi dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik. Pelbagai inovasi telah dilaksanakan pada tahun 2024 dalam memperkasa saluran bayaran serta penjenamaan PPZ-MAIWP, antaranya seperti:

Pelancaran Kitab Fiqh Zakat

PPZ-MAIWP telah menghasilkan terjemahan Bahasa Melayu pertama bagi Kitab Fiqh Zakat karya Almarhum Dr. Syeikh Yusof Al-Qaradawi. Inisiatif ini merupakan kerjasama bersama Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah (iSWAJ), dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan telah dilancarkan pada 29 Mei 2024 oleh Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Sistem MyMajikan

PPZ-MAIWP turut memperkenalkan Sistem MyMajikan yang dibangunkan bagi menggantikan sistem yang digunakan sebelum ini iaitu e-FEM. Pihak majikan boleh membuat pembayaran secara dalam talian serta memperoleh resit bayaran dengan lebih mudah dan pantas. Selain itu, majikan juga berpeluang untuk memantau status bayaran zakat secara berkala bagi memastikan tiada kecaciran dalam potongan bulanan zakat.


Saluran Bayaran Zakat Aset Digital

PPZ-MAIWP merupakan institusi zakat pertama di Asia yang menyediakan perkhidmatan pembayaran zakat aset digital, sejajar dengan perkembangan pesat teknologi kewangan digital dan keperluan umat Islam kini. Zakat Aset Digital merangkumi zakat ke atas mata wang kripto seperti Bitcoin, Ethereum, serta token digital, dan pelaburan berasaskan teknologi blockchain yang mempunyai nilai dan memberi pulangan. Inisiatif ini mencerminkan komitmen PPZ-MAIWP dan memodenkan pengurusan zakat serta memudahkan umat Islam menunaikan tanggungjawab mereka dalam pelbagai bentuk kekayaan moden.


Kad Setia Premium PPZ-MAIWP x Hospital Pakar Pusrawi

Kad Setia Premium PPZ-MAIWP ini adalah satu keistimewaan tambahan yang diberikan kepada pembayar zakat. Melalui inisiatif ini pemegang kad layak menikmati kemudahan dan manfaat kesihatan eksklusif di Hospital Pakar Pusrawi seperti potongan harga rawatan. Kerjasama ini adalah sebahagian daripada usaha PPZ-MAIWP untuk menghargai sokongan pembayar zakat serta memperluas manfaat kad setia kepada aspek kesejahteraan dan kesihatan masyarakat.


ASET BERSIH HARTASUCI SDN BHD TAHUN 2020-2024



UNTUNG/ RUGI HARTASUCI SDN BHD TAHUN 2020-2024



DIVIDEN/LAIN-LAIN HARTASUCI SDN BHD TAHUN 2020-2024



KOLEJ PROFESIONAL BAITULMAL KUALA LUMPUR (KPBKL)



MAKLUMAT LEMBAGA PENGARAH KOLEJ PROFESIONAL BAITULMAL KUALA LUMPUR



Pengerusi

Tuan Haji Zuri Zabuddin Bin Budiman



Ahli

- i. Datuk Haji Mohd Ajib Bin Ismail
- ii. Puan Wan Azira Binti Wan Salleh
- iii. Tuan Haji Badlishah Sham Baharim
- iv. YBhg. Dr. Haji Azmi Bin Haji Harun
- v. YBhg. Datuk Dyg Sadiah Binti Abg Bohan
- vi. YBhg. Dr. Ruziah Binti Ghazali



Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur (KPBKL) menawarkan 16 program pengajian terdiri daripada peringkat Ijazah Sarjana Muda Profesional, Diploma dan Sijil. Terdapat 11 program Hasil Sendiri, dua (2) program profesional bertaraf antarabangsa iaitu Association of Chartered Certified Accountants (ACCA) Qualification dan ACCA Foundation in Accountancy (ACCA-FIA). Selain itu, KPBKL juga menawarkan dua (2) program Diploma dan satu (1) program Pra Perdagangan) dengan usahasama Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Jumlah pelajar tahun 2024 adalah 1,810 orang, manakala graduan yang tamat belajar pada tahun 2024 adalah seramai 645 orang.



BILANGAN PELAJAR DARI TAHUN 2020-2024

2020	2,453	bilangan pelajar
2021	2,068	bilangan pelajar
2022	1,544	bilangan pelajar
2023	1,816	bilangan pelajar
2024	1,810	bilangan pelajar



BILANGAN GRADUAN DARI TAHUN 2020-2024

2020	575	bilangan pelajar
2021	963	bilangan pelajar
2022	884	bilangan pelajar
2023	388	bilangan pelajar
2024	645	bilangan pelajar



PROGRAM	JUMLAH PELAJAR
Diploma Teknologi Maklumat (DITe)	21
Diploma Pentadbiran Perniagaan (DIBA)	224
Diploma Pengurusan Haji & Umrah (DPHU)	351
Diploma Pengurusan Zakat & Wakaf (DPZW)	28
Diploma Pengajian Muamalat (DPM)	21
Diploma Pengurusan Industri Halal (DPIH)	569
Diploma Matematik Kewangan (DMK)	4
Diploma Syariah Islamiah (DSI)	153
Diploma Perakaunan (DAcc)	20
Sijil Aplikasi Muamalat (SAM)	63
Profesional	
ACCA Qualification	32
ACCA-FIA	31
Program Usahasama UiTM	
Diploma Perakaunan (AC110)	46
Diploma Pengajian Perniagaan (BA111)	126
Pra Perdagangan (BA003)	38
JUMLAH KESELURUHAN	1,810

KEBERHASILAN UMUM

Pada tahun 2024, KPBKL telah mencapai pelbagai pengiktirafan dan kejayaan. Diantaranya adalah:

Jaringan Strategik Antarabangsa

KPBKL berjaya mengembangkan jaringan strategik antarabangsa dengan pihak-pihak berikut:

- **9-13 September 2024:** Lawatan Ketua Pegawai Eksekutif KPBKL ke Kemboja.
- **6-12 Oktober 2024:** Lawatan Pengerusi KPBKL ke Azerbaijan.
- KPBKL telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama DRH Travel & Tours Sdn. Bhd. untuk tempoh lima (5) tahun dari April 2024 hingga April 2029. Antara bidang kerjasama yang dipersetujui adalah peranan sebagai ejen promosi dan pertukaran pelajar, penganjuran bengkel dan program latihan bersama, kerjasama dalam projek penyelidikan, khidmat masyarakat dan pendidikan serta peluang pekerjaan.

Pencapaian Kolej

- **13 September 2024:** KPBKL telah mendapat pengiktirafan Akreditasi Penuh MQA bagi Program ACCA di KPBKL.



- **20 Januari 2024:** KPBKL mengadakan Majlis Konvokesyen ke-16 melibatkan seramai 1,448 graduan. Majlis konvokesyen ini telah dihadiri oleh Yang Berhormat Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Menteri Agama) buat julung-julung kalinya.



- **29 Februari 2024:** KPBKL telah menerima kunjungan daripada YBhg. Datuk Ts. Dr. Mohd Razali Muhamad, Timbalan Naib Canselor (Academik) Al-Bukhary International University (AIU) bagi perancangan hala tuju kerjasama dua hala antara kedua-dua insituti tersebut. Perbincangan berkitarkan kerjasama bagi pengambilan pelajar antarabangsa ke KPBKL serta kebolehpasaran KPBKL di peringkat antarabangsa.



- **4 April 2024:** KPBKL telah menerima kunjungan daripada 74 orang pelajar yang diiringi oleh 16 orang guru pengiring dari Mukhoyyam Qurani Muslimah (MQM) angkatan ke-11 dari Karanganyar, Jawa Tengah, Indonesia. Lawatan ke KPBKL merupakan salah satu peluang kepada pelajar-pelajar MQM jika mereka ingin menyanggung pengajian mereka di Malaysia. Turut berlangsung pada hari yang sama adalah Pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) di antara KPBKL bersama Dato' Rahman Harun - Pengerusi DRH Travel & Tours.



- **13 Mei 2024:** PPZ-MAIWP telah memperuntukan geran berjumlah RM25,000.00 dalam usaha mempertingkatkan amalan pengurusan risiko dalam kutipan zakat.



- **8 & 9 Jun 2024:** KPBKL telah mengadakan Hari 'Info' sebagai platform promosi dan konsultansi pendidikan untuk mendapatkan bakal para pelajar.



- **26 Julai 2024:** KPBKL telah menganjurkan Majlis Minum Petang Bersama Alumni KPBKL di Hotel Seri Pasific Kuala Lumpur dengan dihadiri oleh lebih daripada 30 orang alumni.



- **9 November 2024:** KPBKL telah mengadakan Majlis Konvokesyen Kali Ke-17 melibatkan seramai 765 orang graduan yang telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Menteri Agama).



- **1 Disember 2024:** KPBKL telah menjadi penganjur bersama dengan MAIWP bagi Karnival Soul Journey Belia Asnaf Sempena 50 Tahun MAIWP, kerjasama KPBKL dan MAIWP.



- **9 Disember 2024:** KPBKL telah menandatangani Surat Hasrat Kerjasama dengan Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) untuk program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) yang disalurkan kepada KPBKL untuk program naik taraf infrastruktur pembelajaran dan pembangunan pendidikan pelajar KPBKL.



Pencapaian/Aktiviti Melibatkan Pelajar

- **14 Februari 2024:** KPBKL telah menghantar seramai 80 orang atlet dan 8 orang pegawai pada temasya Sukan Institusi Pengajian Tinggi Islam Malaysia (SUPTIM) Kali ke-20 untuk acara sukan iaitu Bola Sepak, Futsal, Bola Jaring, Badminton Berpasukan, Pingpong Berpasukan dan Catur.



- **18 Februari 2024:** Pelajar-pelajar dari KPBKL telah mengadakan persembahan nasyid di pentas utama Karnival MAIWP 2024:50 Tahun Memacu Kegemilangan Ummah, bertempat di Taman Tasik Titiwangsa, Kuala Lumpur.



- **9 Mac 2024 :** KPBKL telah menganjurkan Bengkel Finishing School Siri 01/2024 disertai 118 pelajar tahun akhir pengajian, bagi program-program Hasil Sendiri. Slot-slot ceramah dan Latihan Dalam Kumpulan (LDK) yang bertemakan dunia industri dirangka khas bagi mempersiapkan bakal graduan untuk menempuh alam pekerjaan kelak.



- **19 Mac 2024:** Melalui subjek Khidmat Masyarakat, pelajar-pelajar Foundation in Accountancy (FIA) telah terlibat dalam program khidmat masyarakat

menyantuni anak-anak yatim di Pusat Jagaan Anak Yatim dan Saudara Baru An-Najjah, Kuala Lumpur. Para pelajar telah diberikan pendedahan aktiviti kemasyarakatan selari dengan aspirasi untuk melahirkan pelajar yang versatile mempunyai kecemerlangan sahsiah diri serta akademik, turut kembali menyumbang kepada masyarakat kelak.



- **21 Mac 2024:** Yayasan Prihatin Nasional (PRIHATIN) telah menyampaikan sumbangan baju raya kepada 200 orang pelajar KPBKL, manakala seramai 40 orang pelajar KPBKL telah dijemput bersama-sama berbuka puasa di Auditorium Hall, Menara Public Gold@TRX Kuala Lumpur. Pelajar-pelajar ini juga menerima sumbangan duit raya beserta sebuah hamper setiap seorang melalui Program Kembara Ramadan di Wilayah Persekutuan.



- **26 Mac 2024:** KPBKL telah menganjurkan Program Semarak Wakaf Ilmu: Penyucian Hati Melalui Sirah Nuzul Al-Quran. Program ini bertujuan untuk memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang sirah disebalik penurunan Al-Quran dan memberi inspirasi, motivasi serta panduan kepada para pelajar dan warga kerja KPBKL dalam menjalani kehidupan berlandaskan Al-Quran.



- **28 Mac 2024:** Melalui Program Rakan Muda Ramadan Peringkat Wilayah Persekutuan (WP) Kuala Lumpur 2024 anjuran Jabatan Belia dan Sukan, pelajar-pelajar KPBKL telah berjaya memenangi beberapa pertandingan iaitu tempat kedua Pertandingan Hafazan dimenangi oleh Megat Muhammad Shafiril Bin Shamsuri (DPHU), tempat pertama Pertandingan Bercerita Kisah Nabi dimenangi oleh Mohammad Al-Furqan Bin Awang Ali (DPHU). Manakala bagi Pertandingan Berkhutbah, tempat pertama dimenangi oleh Aiman Haqim Bin Jeffry (DSI), tempat kedua dimenangi oleh Muhammad Raziq Dhiyauddin Bin Khairul Anuar (DSI), dan tempat ketiga dimenangi oleh Muhammad Amir Hilmi Bin Ismail (DPHU). Pengisian utama program ini adalah Tadarus dan Khatam Al-Quran yang turut disertai oleh 22 orang pelajar KPBKL.



- **30 Mac 2024:** Seramai 794 Pelajar KPBKL telah menerima tajaan tiket pulang ke kampung sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri sumbangan daripada MAIWP melibatkan pelajar kurang berkemampuan dari lapan buah universiti awam dan swasta yang perjalanan mereka ditanggung sepenuhnya oleh MAIWP, bersempena program Jom Balik Raya Bersama Mahasiswa.



- **2 Mei 2024:** Majlis Penyerahan Tablet kepada Pelajar Program Usahasama UiTM yang mendaftar menyambung pengajian di KPBKL telah diadakan melibatkan seramai 95 orang pelajar menerima Tablet. Pemberian Tablet ini adalah inisiatif KPBKL dalam menghargai para pelajar Program Usahasama UiTM dalam memilih KPBKL sebagai tempat menyambung pengajian mereka.



- **13 Jun 2024:** Pelajar-pelajar Diploma Pentadbiran Perniagaan (DIBA) dan Diploma Pengajian Perniagaan (DBS) di bawah program usahasama UiTM telah terlibat dalam program perkongsian ilmu bersama Universiti Selangor (UNISEL) untuk memberi pendedahan kepada pelajar mengenai strategi pemasaran dan bidang pengajian yang boleh diceburi setelah menamatkan pengajian di peringkat diploma.



- **9 Julai 2024:** Seramai 120 pelajar dari program-program Hasil Sendiri KPBKL telah menyertai Program Motivasi Kendiri dan Peningkatan Skor bertujuan memenuhi keperluan kursus Penghayatan Etika & Peradaban (PEP) serta terlibat secara langsung sebagai jawatankuasa sukarelawan bagi subjek berkaitan kemasyarakatan.



- **24 Julai 2024:** Lawatan ilmiah pelajar semester 6 Diploma Pengurusan Industri Halal (DPIH) ke Zainol Chicken Industries di Semenyih telah memberi peluang kepada para pelajar untuk mempelajari amalan sembelihan bagi industri berskala besar dalam menepati keperluan Standard Halal Malaysia MS 1500:2009 serta keperluan Pensijilan Halal Malaysia.



- **3 & 4 Ogos 2024:** KPBKL bersama pihak PERKESO menganjurkan Bengkel Finishing School Siri 02/2024 disertai 248 pelajar tahun akhir pengajian, bagi program-program Homegrown. Bengkel ini menawarkan pelbagai modul yang komprehensif kepada peserta seperti penyediaan resume yang baik, kemahiran dalam sesi temuduga, Slot Teroka Kerjaya dengan pelbagai peluang dan laluan menuju kejayaan dan Slot Lakar Impian Anda dengan bimbingan PERKESO membentuk masa depan.



- **7 Ogos 2024:** KPBKL telah menganjurkan Halal Academic Tour dengan penyertaan pelajar-pelajar Diploma Pengurusan Industri Halal (DPIH) dengan mengadakan lawatan ke Mamee Double Decker (M) Bhd, Ayer Keroh, Melaka. Lawatan ini dianjurkan sebagai sebahagian daripada subjek Standard Halal Malaysia.



- **10 September 2024:** 147 Pelajar KPBKL menerima Skim Bantuan Komputer Riba daripada MAIWP. Majlis penyerahan berlangsung di Masjid Wilayah Persekutuan, dirasmikan oleh Tuan Syed Kamarulzaman, Pengerusi MAIWP.



- **10 Ogos 2024:** KPBKL telah menganjurkan program "Motivasi Jati Diri Siri 2/2024" yang melibatkan 166 pelajar terpilih dari program Hasil Sendiri.



- **6 Disember 2024:** EXIM Bank telah menyerahkan sumbangan Tabung Kebajikan Pelajar kepada 284 pelajar asnaf KPBKL pada Program Perkongsian Ilmu.



- **3 September 2024:** KPBKL menerima sumbangan sebanyak RM48,880.000 daripada EXIM Bank of Malaysia Berhad (EXIM Bank). Majlis serahan sumbangan telah berlangsung pada 3 September 2024 bertempat di Aras 3 EXIM Bank.



- **6 Disember 2024:** Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur (KPBKL) telah menganjurkan Program Penyerahan Bantuan Tabung Infaq kepada pelajar baharu sesi September 2024. Majlis penyerahan ini telah disempurnakan oleh Tuan Haji Zuri Zabuddin bin Budiman, Pengerusi KPBKL. Seramai 443 pelajar baru yang layak telah menerima bantuan sebanyak RM100 setiap seorang.



KURSUS PEMANTAPAN PENGENDALIAN UMRAH (UMRAH SPECIALIZED ENHANCEMENT COURSE - USEC)

KPBKL merupakan satu-satunya institusi yang telah dilantik secara rasmi oleh Kementerian Pelancongan Malaysia (MOTAC) bagi mengendalikan Kursus Umrah Specialized Enhancement Course (USEC) kepada syarikat pelancongan yang mengendalikan umrah. Kursus ini merupakan antara inisiatif kerajaan bagi memantapkan urus tadbir dan tata kelola pengurusan umrah. Kursus ini diwujudkan bagi mengatasi masalah penipuan dalam pengurusan umrah dan telah dijalankan sejak tahun 2016.

Pada tahun 2024, seramai 261 orang peserta dari 204 agensi telah terlibat dalam kursus ini.

PENGANJURAN KURSUS PROFESSIONAL HALAL EXECUTIVE TRAINING PROGRAM (PHETP)

KPBKL merupakan Penyedia Latihan Halal (PLH) yang berdaftar di bawah Halal Professional Board (HPB), JAKIM bagi menjalankan program latihan Kursus Professional Halal Executive Training Program (PHETP). Bilangan peserta yang menyertai program latihan halal bermodul HPB bagi tahun 2024 mengikut kumpulan adalah seperti berikut:

MAC	MEI	JULAI	NOVEMBER
5 peserta (1 alumni)	8 peserta	18 peserta (3 alumni)	6 peserta (1 alumni)


PUSAT LATIHAN & KONSULTANSI

Pusat Latihan & Konsultasi (T&C) merupakan milik penuh Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur (KPBKL), ditubuhkan bagi menjalankan latihan-latihan korporat kepada pelbagai sektor dan industri. Pada tahun 2024, sebanyak 40 kursus dijalankan dengan jumlah peserta keseluruhan seramai 883 orang.


Berikut merupakan kursus-kursus yang dijalankan bagi tahun 2024:

1. Transformasi Excellent S.T.A.F
2. Halal Awareness
3. Halal Competency
4. Microsoft Word (Beginner)
5. Selangkah ke IPT
6. English At Workplace
7. Pemantapan Pengurusan Masjid
8. Travel & Tours Enhancement Course
9. Grooming Y Generation (GYG) Program
10. Finance for Non-Finance Professionals
11. MUET
12. Microsoft Office
13. Graduate Employability Program


ASET BERSIH KPBKL TAHUN 2020-2024



UNTUNG/ RUGI KPBKL TAHUN 2020-2024



DIVIDEN/LAIN-LAIN KPBKL TAHUN 2020-2024



YAYASAN TAQWA WILAYAH PERSEKUTUAN



MAKLUMAT LEMBAGA PENGARAH YAYASAN TAQWA



Pengerusi

Dato' Mohammad Bin S. Ahmad



Ahli

- i. Datuk Seri Dr. Yusof Bin Ismail
- ii. Ahmad Fauwaz Bin Fadzil
- iii. Ahmad Talmizi Bin Yahaya
- iv. Hj. Abdul Aziz Bin Abd. Jalal
- v. Dr. Mohd Iqbal Bin Abdul Wahab
- vi. Suhaili Bin Md Jusoh
- vii. Abdullah Zuhdee Bin Ab Halim
- viii. Ibnu Thalib Syukurillah Bin Shamsuddin Shukor

Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan Berhad telah diperbadankan di bawah akta Syarikat 1965 oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) pada 20 November 1990 sebagai sebuah syarikat berhad menurut jaminan. Maksud syarikat berhad menurut jaminan ini adalah ia ditubuhkan dengan prinsip liabiliti ahli-ahli adalah terhad dengan amaun yang dinyatakan dalam memorandum yang mana ahli-ahli berkenaan akan menyumbang amaun tersebut kepada aset syarikat sekiranya syarikat dibubarkan kelak.



Tujuan Yayasan membuat permohonan ini adalah untuk mendapatkan pelepasan cukai kepada penderma penderma Yayasan samada ia organisasi atau individu. Perkataan "BERHAD" ini telah diluluskan untuk digugurkan pada akhir nama Yayasan Taqwa pada 12 Jun 2008 kemudian ini disebut sebagai YAYASAN TAQWA WILAYAH PERSEKUTUAN.

TERAS UTAMA

DAKWAH

- Penglibatan kerjasama dengan rakan strategik berfokuskan program berbentuk dakwah
- Program dakwah (Orang Asli /Bumiputera /Ziarah Ukhwah)
- Bantuan kepada NPO yang menjalankan program berbentuk dakwah

PENDIDIKAN

- Bantuan Persekolahan
- Bantuan Am Pelajaran kepada Pelajar IPTA & IPTS
- Bantuan kepada NPO yang menjalankan program berbentuk pendidikan

KEBAJIKAN

- Penglibatan kerjasama dengan rakan strategik berfokuskan program berbentuk kebajikan
- Bantuan perubatan
- Bantuan kepada NPO yang menjalankan program berbentuk kebajikan

PENCAPAIAN DAN PRESTASI SYARIKAT SEPANJANG TAHUN 2024

Sebagai sebuah yayasan yang tidak berorientasikan keuntungan, Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan atau lebih dikenali dengan nama Yayasan Taqwa (YT) telah membantu umat Islam di luar Wilayah Persekutuan menerusi tiga teras.

DAKWAH

RM7,517,351
juta diagihkan

312 NPO menerima sumbangan yang menjalankan pogram berbentuk dakwah.

63,581 orang yang menerima manfaat daripada sumbangan NPO yang menjalankan program berbentuk dakwah.

PENDIDIKAN

RM8,616,785
juta diagihkan

14,000 pelajar kurang berkemampuan dari seluruh negara terima set kelengkapan persekolahan.

400 mahasiswa IPT menerima manfaat daripada sumbangan komputer riba.

459 NPO menerima sumbangan yang menjalankan program berbentuk pendidikan.

57,643 orang yang menerima manfaat daripada sumbangan NPO yang menjalankan program berbentuk pendidikan.

KEBAJIKAN


RM11,135,552
juta diagihkan

610 NPO menerima sumbangan yang menjalankan pogram berbentuk dakwah.


110,000 orang yang menerima manfaat daripada sumbangan NPO yang menjalankan program berbentuk kebajikan.

315 individu menerima sumbangan di bawah skim bantuan perubatan.

ASET BERSIH YAYASAN TAQWA TAHUN 2020-2024



UNTUNG/ RUGI KPBKL TAHUN 2020-2024



*Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan sebuah syarikat berhad menurut jaminan dan merupakan syarikat bukan berorientasi keuntungan. Teras utama Yayasan Taqwa Sdn. Bhd adalah pendidikan, dakwah dan kebajikan.

Tiada dividen dicatatkan bagi Yayasan Taqwa.

KOLEJ UNIVERSITI ANTARABANGSA MAIWP



Pengerusi

YBhg. Datuk Prof. ChM Ts. Dr. Taufiq Yap Yun Hin, FASc



Ahli

- i. YBhg. Prof. Madya Dato' Dr. Haji Mohd Izhar Ariff bin Mohd Kashim
- ii. YBhg. Datuk Mohd Nizam Haji Yahya
- iii. YBhg. Prof. Dato' Dr. Mohamad Fauzan Noordin
- iv. YBhg. Datuk Dr. Abdul Halim Sidek
- v. YBrs. Puan Zahariah Abdul Rahman
- vi. YBrs. Puan Noor Fadzilah Shafie
- vii. YBrs. Prof. Madya Dr. Muhammad Hadrami

PROGRAM AKADEMIK KOLEJ UNIVERSITI ANTARABANGSA MAIWP

UCMI terus memperkasakan bidang akademik melalui penawaran 33 program akademik sehingga tahun 2024. Program akademik ini bermula di peringkat sijil profesional, asasi, diploma, ijazah sarjana muda sehingga ke peringkat sarjana dan doktor falsafah. Program-program akademik yang ditawarkan adalah seperti senarai berikut:

Senarai Program Akademik Sehingga Tahun 2024


PROGRAM	PERINGKAT
Certificate in Post Basic Renal Nursing	Sijil Profesional
Foundation in Business	Asasi
Foundation in Science	
Diploma in Nursing Science	
Diploma in Pharmacy	Diploma
Diploma in Medical Science	
Diploma in Environmental Health	
Diploma in Medical Assistant	
Diploma in Physiotherapy	
Diploma in Occupational Therapy	
Diploma in Occupational Safety and Health	
Diploma in Medical Laboratory Technology	
Diploma in Hotel Management	



PROGRAM	PERINGKAT
Diploma in Logistics Management	Diploma
Diploma in Human Resource Management	
Diploma in Business Management	
Diploma in Early Childhood Education	
Diploma in Psychology	
Diploma in Retail Management	Ijazah Sarjana Muda
Bachelor of Environmental, Occupational Safety & Health (Honours)	
Bachelor of International Supply Chain Management (Honours)	
Bachelor of Business Administration (Honours) (Human Resource Management)	
Bachelor of Science in Pharmaceutical Technology (Honours)	
Bachelor of Biomedical Science (Honours)	
Bachelor of Nursing Science (Honours)	
Bachelor of Pharmacy (Honours)	
Bachelor of Islamic Finance (Honours)	Sarjana
Master of Health Science	
Master in Business Administration	
Master in Nursing	Doktor Falsafah
Doctor of Philosophy in Science	
Doctor of Philosophy in Nursing	
Doctor of Philosophy in Education	

Jumlah pelajar yang berdaftar di UCMI bagi tahun 2024 adalah seramai 3,480 orang pelajar.

PENGAMBILAN PELAJAR BAGI TAHUN 2020-2024



LAPORAN KEWANGAN RINGKAS

1. Jumlah Pendapatan UCMI Tahun 2024
2. Jumlah Hasil Pendapatan UCMI Bagi Tahun 2020 hingga 2024




AKADEMIK
RM52,905,717.00


PUSAT PERNIAGAAN
RM10,716,424.00

LAIN-LAIN PENDAPATAN
RM807,903.00


PENDAPATAN UCMI BAGI TAHUN 2020-2024




ASET BERSIH UCMI TAHUN 2020-2024



UNTUNG/ RUGI UCMI TAHUN 2020-2024



DIVIDEN/LAIN-LAIN UCMI TAHUN 2020-2024



AKTIVITI

1. Geran Penyelidikan Yang Diterima Oleh Pensyarah UCMI

UCMI telah memperuntukkan dana geran penyelidikan sebanyak RM105,000.00 melalui geran TASREF bagi merancang dan membudayakan penyelidikan di UCMI. Hasil daripada geran ini sangat penting sebagai penanda aras status penilaian di peringkat Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) seperti Penilaian Penyelidikan Malaysia (MyRA) dan Sistem Penarafan Bersepadu Institusi Pendidikan Tinggi Malaysia (Setara).

2. UCMI Terima 20 Pelajar Antarabangsa Tajaan MAIWP Bagi Program Pengurusan

- a. MAIWP terus menunjukkan komitmen dalam mendukung inisiatif Malaysia bagi memperkasa pembangunan sosio-ekonomi komuniti Muslim

di Kemboja, selari dengan hasrat memperluas impak bantuan dan dakwah di peringkat serantau.


- b. Melalui inisiatif ini, MAIWP telah membiayai 50 orang pelajar Islam dari Kemboja untuk menyambung pengajian di Malaysia dan 20 daripadanya melanjutkan pengajian di peringkat diploma di UCMI dibawah Fakulti Pengurusan, Pendidikan dan Kemanusiaan.

3. Sasaran UCMI Ke Status Universiti Penuh

Kolej Universiti Antarabangsa MAIWP (UCMI) pada tahun 2023 telah mengemukakan kertas konsep bagi tujuan penaiktarafan kepada Universiti Antarabangsa MAIWP (UNIMAIWP). Usaha ini dilaksanakan seiring dengan Pelan Strategik MAIWP 2021–2025 yang mensasarkan UCMI menjadi sebuah universiti penuh menjelang tahun 2025. Seterusnya, UCMI secara rasmi telah menerima kelulusan bersyarat yang perlu dipatuhi dalam tempoh 3 tahun daripada Kementerian Pendidikan Tinggi untuk dinaik taraf sebagai Universiti Antarabangsa MAIWP (UNIMAIWP) pada 12 Julai 2024.

4. Kelestarian Sumber Dana Melalui Tabung Amanah, Wakaf, Endowment & Infaq (TAWFEQ)

Pusat Islam dan TAWFEQ Kolej Universiti Antarabangsa MAIWP merupakan sebuah pusat yang berperanan dalam memperkasa pembangunan rohani, keilmuan, dan kebajikan warga UCMI serta masyarakat sekitarnya. TAWFEQ memainkan peranan utama dalam pengurusan dana awam bagi menyokong keperluan warga UCMI yang memerlukan, termasuk menguruskan kutipan dana seperti zakat, wakaf, infaq, dan endowmen dan mengagihkan dana kebajikan kepada pelajar dan staf yang memerlukan bantuan. Sehingga berakhir tahun 2024, TAWFEQ telah berjaya mengutip sebanyak RM2,030,086.19 dan pecahannya adalah seperti berikut.



5. Mobilisasi, Program Dan Kolaborasi Di Peringkat Antarabangsa

a. *The Horizon Project 2024: International Outbound Mobility*

Pada tahun 2024, UCMI terus mengukuhkan jaringan kerjasama di peringkat global melalui pelbagai kolaborasi strategik dan penganjuran program bertaraf antarabangsa. Antaranya ialah penyertaan dalam *The Horizon Project 2024: International Outbound Mobility Programme* di Universitas Negeri Malang, Indonesia dari 29 Julai hingga 3 Ogos 2024. Seramai 70 pelajar UCMI dari Fakulti Pengurusan, Pendidikan dan Kemanusiaan (FPPK) telah terlibat dalam program ini.



b. Academia-Industry Global Presence Program 2024 - Finland

Ujoh pensyarah UCMI telah menganjurkan program Academia-Industry Global Presence Program 2024 - Finland yang mana antara objektifnya adalah bagi menyertai *Lapland International Forum for Education (LIFE)* di Rovaniemi, Finland. Simposium pendidikan yang melibatkan penyertaan lebih dari 29 negara ini memberi pendedahan penting kepada pensyarah dalam konteks pendidikan global. Selain menghadiri forum, para pensyarah turut mengikuti aktiviti *job shadowing* di institusi pendidikan Finland, dari peringkat tadika hingga sekolah menengah.

c. Pejabat Pengambilan Pelajar Antarabangsa UCMI di China

Sebagai langkah memperluas capaian antarabangsa dan menarik kemasukan pelajar luar negara, Kolej Universiti Antarabangsa MAIWP (UCMI) telah menjalin kerjasama strategik bersama C&L Education Group. Hasil kerjasama ini menyaksikan pembukaan rasmi Pejabat Pengambilan Pelajar UCMI di China, yang bakal berfungsi sebagai pusat promosi, maklumat dan pengurusan kemasukan pelajar antarabangsa ke UCMI.



d. **Jalinan Kerjasama Qilu University of Technology, Jinan, China**

UCMI telah menjalinkan kerjasama dengan Qilu University of Technology yang terletak di Jinan, China. Kerjasama ini bertujuan untuk membina platform kolaboratif yang dapat dimanfaatkan dalam pelbagai aspek seperti pertukaran pengetahuan, pelaksanaan aktiviti akademik bersama, pembangunan penyelidikan kolaboratif, serta inisiatif mobiliti melibatkan pelajar dan pensyarah.



e. **Lawatan Akademik & Kolaborasi Fakulti Kejururawatan - Kerta Cendekia Health Polytechnic, Indonesia**

Seramai 32 peserta dari Kerta Cendekia Health Polytechnic, Surabaya, Indonesia (25 pelajar dan 7 orang pensyarah pengiring) bersama 4 orang pensyarah dari University College of MAIWP International (UCMI) telah menyertai program Lawatan Akademik dan Kolaborasi dengan Kerta Cendekia Health Polytechnic yang berlangsung dari 1 hingga 2 Ogos 2024 yang lalu di Surabaya, Indonesia. Matlamat utama program ini adalah untuk menjalinkan kerjasama dalam bidang akademik, mobiliti pelajar, dan penawaran khusus jangka masa pendek dan Germany Nursing Career (GNC).



f. **Modul SUPERB UCMI: Transformasi Mahasiswa Unggul dan Berdaya Saing**

UCMI memperkenalkan Modul SUPERB, sebuah inisiatif di bawah Pelan Strategik UCMI 2022–2025 yang memberi fokus kepada pembentukan mahasiswa holistik dan profesional. SUPERB dirangka untuk menyepadukan pencapaian akademik dan kokurikulum, seterusnya melahirkan graduan yang berfikir kritis, berdaya saing dan memenuhi keperluan industri semasa serta pasaran global.



6. **Pemerkasaan Kolaborasi Menjana Kewangan**

- Profesional Centre of Consultancy & Lifelong Learning (PROCELL) merupakan entiti dinamik di bawah Kolej Universiti Antarabangsa MAIWP (UCMI) yang ditubuhkan pada April 2021. Sebagai pusat perundingan dan penyedia latihan berdaftar di bawah Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRDC), Kementerian Sumber Manusia Malaysia, PROCELL memainkan peranan menjana pendapatan institusi melalui penganjuran pelbagai program latihan dan pensijilan profesional.
- Sebagai pusat perundingan dan penyedia latihan yang berdaftar di bawah Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRDC) di bawah seliaan Kementerian Sumber Manusia Malaysia, PROCELL menawarkan program-program yang bukan sahaja memenuhi piawaian industri, malah turut selaras dengan aspirasi nasional dalam pembangunan modal insan. Melalui HRDC ini, PROCELL dapat menawarkan program yang layak untuk pembiayaan kerajaan dan dana pembangunan latihan, sekaligus membuka peluang kepada lebih ramai peserta dari

sektor swasta dan awam untuk meningkatkan kemahiran secara kos efektif.

- c. Antara program dan sijil yang ditawarkan di PROCELL pada tahun 2024 adalah seperti berikut:

- i. Professional Certificate of Pain Management
- ii. Professional Certificate of Restorative Medicine: Pillar of Health
- iii. Professional Healthcare Assistant Programme
- iv. Food Safety Summit
- v. Occupational Safety and Health Coordinator
- vi. Applied Ultrasound Technology for Nurses and Healthcare Workers in Private Hospitals
- vii. Enhancing Skills for Employment and Productivity
- viii. Applying Archaeological Sustainability Concept in the Workplace
- ix. German Nursing Career
- x. Finance For Non-Finance Professionals
- xi. Kursus Pembangunan Kapasiti (Perubatan Tradisional Melayu)
- xii. Kursus Intervensi Pendidikan Khas Siri 2): Saringan Isu Pembelajaran & Kecelaruhan Tingkah Laku



d. **Pembukaan Pusat Hemodialisis MAIWP-PICOMS Cawangan Putrajaya dan Labuan**

Pusat Hemodialisis MAIWP-PICOMS (PHMP) dibawah Kolej Universiti Antarabangsa MAIWP pada tahun 2024 telah membuka 2 buah lagi cawangan pusat hemodialisis iaitu di Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan. Pembukaan cawangan di Putrajaya dan Labuan ini melengkapkan lagi usaha MAIWP dan UCMI dalam memperluaskan capaian rawatan kesihatan kritikal, sejajar dengan matlamat memperkasa kesejahteraan ummah melalui sokongan perubatan yang komprehensif dan mampu milik.

Sehingga 2024, Pusat Hemodialisis MAIWP-PICOMS telah mempunyai cawangan seperti senarai berikut:

BIL.	CAWANGAN	KAPASITI
1	PHMP Batu Muda, Kuala Lumpur	19 Unit Mesin (110 Pesakit)
2	PHMP Jalan Pahang, Kuala Lumpur	11 Unit Mesin (66 Pesakit)
3	PHMP Bukit Anggerik, Cheras	12 Unit Mesin (53 Pesakit)
4	PHMP Putrajaya	6 Unit Mesin (12 Pesakit)
5	PHMP Labuan	36 Unit Mesin (72 Pesakit)



Perasmian pembukaan Pusat Hemodialisis MAIWP-PICOMS (PHMP) cawangan Wilayah Persekutuan Putrajaya oleh YB Senator Dato' Setia Dr. Hj. Mohd Na'im Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).



Perasmian pembukaan Pusat Hemodialisis MAIWP-PICOMS (PHMP) Cawangan Wilayah Persekutuan Labuan oleh Pengerusi MAIWP, YBhg. Datuk Syed Kamarulzaman Bin Syed Kabeer.

CABARAN

- a. Pada tahun 2024, Kolej Universiti Antarabangsa MAIWP (UCMI) berdepan dengan landskap pendidikan tinggi yang semakin mencabar, terutamanya dalam usaha menarik kemasukan pelajar baharu bagi program-program berkaitan sains kesihatan.
- b. Fenomena ini sebahagian besarnya dipengaruhi oleh pertumbuhan pesat ekonomi gig, yang menyediakan peluang pekerjaan segera tanpa keperluan kelayakan akademik yang tinggi. Seperti yang dinyatakan oleh Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, keadaan ini memperlihatkan

kecenderungan generasi muda untuk memilih laluan kerjaya yang menawarkan pulangan jangka pendek berbanding pelaburan dalam pendidikan formal yang bersifat jangka panjang

- c. Sehubungan itu, UCMI mengambil langkah proaktif dengan merangka pendekatan yang lebih holistik dan bersifat strategik untuk menarik minat pelajar. Antaranya ialah pengenalan kepada SUPERB dan Ini merangkumi penekanan terhadap nilai tambah yang ditawarkan oleh program-program yang ditawarkan di UCMI termasuk prospek kerjaya yang stabil, peningkatan tahap kebolehpasaran graduan, dan laluan profesional yang lebih mapan
- d. Selain itu, UCMI juga memperkukuh kredibiliti akademik melalui usaha intensif mendapatkan akreditasi penuh daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) bagi semua program yang ditawarkan, sebagai jaminan terhadap kualiti dan pengiktirafan profesional.
- e. Melalui kombinasi strategi pemasaran yang berimpak tinggi, peningkatan kualiti program, serta penyesuaian terhadap kehendak pasaran semasa, UCMI komited untuk terus relevan dan berdaya saing dalam persekitaran pendidikan tinggi yang dinamik. Institusi ini bukan sahaja berperanan sebagai pusat pengajian, tetapi juga sebagai pemacu mobiliti sosial dan pembangunan modal insan negara.

RANCANGAN MASA HADAPAN



a. Pelaksanaan Pelan Strategik UCMI 2022-2025

Tahun 2025 bakal menjadi penentu kepada kebolehpayaan UCMI untuk mencapai Pelan Strategik UCMI 2022-2025, justeru itu gerak kerja akan di perhebat bagi memastikan setiap teras yang digariskan dapat dicapai menjelang tahun 2025.

b. UCMI Ke Arah Universiti Penuh

UCMI akan meneruskan usaha dan gerak kerja bagi memenuhi syarat-syarat utama untuk memastikan proses naik taraf universiti penuh berjalan dengan lancar. Ini termasuk meningkatkan pengambilan pelajar antarabangsa, mencapai kursus pengajian matang yang mendapat akreditasi penuh serta pemerkasaan pengurusan sumber manusia bagi mencapai kriteria tenaga pengajar berkelayakan akademik dan menambah peruntukan bagi penyelidikan dan pembangunan.

c. Memperkasakan Program Baharu Yang Lebih Kompetitif dan Memenuhi Kehendak Pasaran

UCMI komited untuk mempelbagaikan lagi program akademik bagi tahun 2024 melalui penubuhan Pusat Learn and Earn Program (LEAP Centre). Fungsi dan skop utama Pusat LEAP ini adalah untuk menjadi pusat sehati bagi permohonan, penilaian dan dokumentasi program Accreditation of Prior Experiential Learning (APEL), Micro-Credentials dan Open and Distance Learning (ODL) serta bridging program di Kolej Universiti Antarabangsa MAIWP.

d. Pensijilan ISO 9001:2015 Quality Management System

UCMI berhasrat melaksanakan sistem pengurusan dan pentadbiran profesional, cekap, telus, berkesan dan bertanggungjawab ke atas perancangan, pelaksanaan program dan peningkatan kualiti secara berterusan. Sehubungan itu, Bahagian Tadbir Urus Korporat dan Jaminan Kualiti telah diberi peranan untuk merancang dan memantau kualiti proses teras akademik dan pentadbiran Universiti secara berterusan dengan membangunkan ISO 9001:2015 Quality Management System bagi semua Fakulti dan Jabatan/Unit/Bahagian dengan jangkaan memperoleh pensijilan pada tahun 2025.

e. Pemantapan Perkhidmatan Sayap Perniagaan - PROCELL dan Pusat Hemodialisis MAIWP-PICOMS

Perancangan perniagaan Pusat Perniagaan UCMI bagi tahun 2024 akan memberi fokus kepada pengembangan Pusat Hemodialisis, dengan perancangan pembukaan cawangan baharu di Labuan dan Putrajaya. Langkah ini bertujuan untuk memperluaskan akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan berkualiti, khususnya bagi pesakit yang memerlukan rawatan hemodialisis. Dalam masa yang sama, Pusat Latihan dan Konsultansi PROCELL akan memainkan peranan penting dalam memacu pertumbuhan melalui penawaran kursus jangka pendek dan perkhidmatan konsultansi, termasuk program Kerjaya Jerman dan Jepun serta kursus profesional untuk doktor dan pegawai kesihatan.

PUSRAWI HERITAGE SDN BHD

Pusrawi Heritage Sdn Bhd merupakan Syarikat Induk Pengurusan dan Pelaburan di bidang kesihatan yang dimiliki sepenuhnya oleh MAIWP. Pusrawi Heritage Sdn Bhd diletakkan sebagai syarikat induk kepada Hospital Pusrawi Sdn Bhd dan MAIWP Healthcare Sdn Bhd melalui penstrukturan syarikat-syarikat MAIWP.

Penstrukturan syarikat MAIWP dilaksanakan sebagai inisiatif kepada strategi meningkatkan daya tahan syarikat dan mengukuhkan dana kewangan syarikat bagi menjamin kesinambungan syarikat milik MAIWP.

Penstrukturan syarikat juga selari dengan pelan Strategik MAIWP 2021-2025 yang meletakkan strategi meningkatkan tahap kecekapan dan keberkesanan organisasi serta mengelakkan pertindihan skop tugas dalam bidang kesihatan.

MAKLUMAT LEMBAGA PENGARAH PUSRAWI



Pengerusi

YBhg Tan Sri Dato' Sri Syed Zainal Abidin Bin Syed Mohamed Tahir



Ahli

- i. YBhg Datuk Mohd Nizam Bin Haji Yahya
- ii. YBrs Dr. Ibtisam Binti Muhamad Nor
- iii. YBrs Prof Dr Muhammad Hadhrami Bin Mohd Hussain
- iv. YBhg Datuk Dyg Sadiyah Binti Abg Borhan
- v. YBrs Dr Suraya Binti Amir Husin
- vi. YBrs Tn Hj Zuri Zabuddin Bin Budiman
- vii. YBrs En Badrul Hisham Bin Dahalan
- viii. YBrs En Mohamad Fauzi Bin Che Rus

Pada November 2024, Hospital Pusrawi telah dijenamakan semula dengan penggunaan logo baharu dan kini dikenali sebagai Hospital Pakar Pusrawi Kuala Lumpur. Selaras dengan penjenamaan semula Hospital Pakar Pusrawi Kuala Lumpur, pihak pengurusan hospital memberi penumpuan kepada penambahbaik fasiliti hospital, menaiktaraf wad dan peningkatan kualiti perkhidmatan.

Hospital Pakar Pusrawi Kuala Lumpur menekankan nilai-nilai Islam, mesra ibadah dan mengintegrasikan moral dan etika ke dalam setiap aspek perkhidmatannya selaras dengan pencapaian hospital melalui pensijilan

MS 1900:2014 oleh SIRIM QAS International Sdn Bhd. Dengan pengiktirafan ini, HPPKL komited dalam menjanjikan penjagaan sistem penjagaan kesihatan yang holistik dan patuh syariah.



Newsweek, dengan kerjasama firma data global Statista, telah menerbitkan penarafan tahunan hospital terbaik dunia. Edisi 2025, menilai lebih 2,400 hospital di 30 buah negara, menonjolkan 250 hospital teratas di seluruh dunia. Proses penarafan termasuk:

- Tinjauan oleh Pakar Perubatan keatas doktor, pengurus hospital dan profesional penjagaan kesihatan.
- Data pengalaman pesakit dan maklumbalas
- Metrik dan piawaian kualiti hospital
- Tinjauan PROM (Hasil rawatan yang dilaporkan pesakit) untuk menilai kesejahteraan dan kualiti hidup pesakit

Hospital Pakar Pusrawi terletak pada kedudukan ke-37 di antara 50 hospital terbaik yang disebut dalam Malaysia bagi tahun 2025.



Hospital Pakar Pusrawi Kuala Lumpur juga berjaya memperolehi pembaharuan pengiktirafan Hospital Rakan Bayi pada tahun 2024, sekaligus mengukuhkan lagi penerapan syariah didalam perkhidmatan kesihatan terutama terhadap penjagaan ibu dan bayi. Pendapatan Hospital Pakar Pusrawi banyak bergantung kepada jumlah pesakit di Jabatan Pesakit Luar, Pesakit Dalam, Pesakit di Jabatan Kemalangan dan Kecemasan, pembedahan yang dijalankan di dewan bedah serta sumbangan daripada aktiviti perniagaan Hospital daripada Jabatan Farmasi, Jabatan Pengimejan, Jabatan Makmal, Jabatan Fisioterapi dan Jabatan Dialisis.

Perkhidmatan Hospital Pusrawi dibahagikan kepada Perkhidmatan Teras dan Perkhidmatan Sokongan yang di nyatakan di bawah:


Perkhidmatan Teras

- | | |
|---------------------------------|-----------------------------|
| • 24 Jam Kemalangan & Kecemasan | • Surgikal Am & Kanak-kanak |
| • Klinik Pakar | • Pembedahan Plastik |
| • Medikal | • Otolaringologi |
| • Respiratori | • Urologi |
| • Endokrinologi | • Onkologi |
| • Gastroenterologi | • Oftalmologi |
| • Hematologi | • Perbidanan & Sakit Puan |
| • Kardiologi | • Ortopedik |
| • Dermatologi | • Pediatrik |
| • Hemodialisis | • Anestesiologi |
| • Penjagaan Kritikal | • Dewan Bedah |


Perkhidmatan Sokongan

- | | |
|-------------------|----------------------------|
| • Farmasi | • Sajian |
| • Radiologi | • Bekalan Peralatan Steril |
| • Makmal Patologi | • Ambulan |
| • Rekod Medikal | • Mortuari |
| • Fisioterapi | • Dakwah & Bimbingan |
| • Dietetik | |

Secara purata, pada tahun 2024, Hospital Pakar Pusrawi menerima 15,648 kes kemalangan dan kecemasan (A & E), 51,838 pesakit luar 8,305 bagi pesakit dalam dan purata pesakit dialisis seramai 38 orang sebulan dengan jumlah rawatan dialisis 5,557 setahun. Hospital Pakar Pusrawi mencatatkan pendapatan sebanyak RM154.14 juta. Pecahan pendapatan utama Hospital adalah seperti di carta berikut:



JUMLAH HASIL PENDAPATAN HOSPITAL PUSRAWI TAHUN 2019 HINGGA 2024



CABARAN HOSPITAL PUSRAWI PADA TAHUN 2024

Cabaran yang dihadapi oleh Hospital Pusrawi pada tahun 2024 adalah seperti berikut:

1. Manambah panel insuran dan korporat yang baru.
2. Menambahbaik pengurusan stok ubat dan stok pakai buang yang terlalu tinggi sejak tahun 2017 hingga 2023.
3. Pengurusan aset hospital seperti seperti peralatan perubatan dan fasiliti untuk memastikan keselamatan pesakit.
4. Menarik pesakit bukan Melayu / Islam bagi mendapatkan perkhidmatan kesihatan yang disediakan di Hospital Pakar Pusrawi.
5. Mendapatkan doktor pakar bukan Melayu / Islam untuk berkhidmat di Pusrawi.

RANCANGAN UNTUK TAHUN 2025

Untuk rancangan hadapan, Pengurusan yang baru telah menyediakan Perancangan Perniagaan 3 tahun dari 2025 hingga 2027 untuk Hospital Pusrawi Sdn Bhd untuk melonjakan prestasi Kewangan dan Operasi seperti berikut:


1. Menambah bilangan klinik pakar dengan mengubah ruang pejabat di aras 9 kepada lebih kurang 25 unit klinik pakar dan Farmasi Setelit. Ini adalah bertujuan bagi menampung penambahan jumlah doktor

pakar sepertimana yang telah dirancang oleh pihak pengurusan.


2. Menempatkan semula keseluruhan pejabat pengurusan dan kakitangan di Aras 9 ke Wisma Sejarah bagi membolehkan kerja-kerja pengubahsuaian ruang pejabat kepada klinik pakar dijalankan.
3. Menambahbaik proses discaj pesakit dengan melaksanakan discaj di katil (bedside discharge) bagi semua pesakit dalam.
4. Mempromosikan pusat kanser yang baru dilesenkan pada tahun 2024, Yayasan Azman Hashim bagi menarik lebih ramai pesakit kanser mendapatkan rawatan di unit tersebut.
5. Menaiktaraf Wad Al-Aman yang terletak di Aras 7 dengan kapasiti 27 katil bagi menampung keperluan pesakit selaras dengan penambahan jumlah doktor pakar.
6. Mengekalkan Akreditasi MSQH dan mendapatkan pengiktirafan perkhidmatan kesihatan dari badan-badan persijilan yang bertauliah dan diiktiraf.
7. Mengukuhkan keberadaan Hospital Pakar Pusrawi di dalam industri ini. Bagi mencapai matlamat ini Hospital Pakar Pusrawi akan berusaha memperkenalkan servis / perkhidmatan kepada kelompok atau komuniti secara menyeluruh di mana pendekatan yang akan digunakan adalah seperti berikut:

- a. Melaksanakan aktiviti pemasaran secara digital melalui media elektronik dan media sosial – Aktiviti ini berkeupayaan untuk menyampaikan maklumat secara meluas dalam masa yang lebih singkat kepada sasaran dalam satu-satu masa bagi memasarkan perkhidmatan baru dan sedia ada – Pengaruh Media.
- b. Membina/mengukuhkan hubungan baik dengan syarikat insurans, pelanggan korporat / GLC bagi mengekalkan pelanggan yang bernaung di dibawah entiti berkenaan menggunakan perkhidmatan hospital serta menarik pelanggan baru.
- c. Menambahbaik pengalaman pesakit sewaktu mendapatkan perkhidmatan di hospital Pusrawi – “Patient Experience”.
- d. Meningkatkan jumlah pesakit Pelancongan Kesihatan (Health Tourism) dengan melantik agen “Health Tourism Agents” bagi membantu memudahkan perjalanan pesakit luar negara mendapatkan rawatan di Hospital Pakar Pusrawi.

ASET BERSIH PUSRAWI HERITAGE TAHUN 2020-2024



UNTUNG/ RUGI PUSRAWI HERITAGE TAHUN 2020-2024



Tiada dividen dicatatkan bagi PUSRAWI Heritage.



MAIWP DAGANG SDN BHD

LEMBAGA PENGARAH MDSB



Pengerusi

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Khairul Adib bin Abd Rahman




Ahli


- i. YBr. En. Mohd Fauzi bin Abidin
- ii. YBhg. Dato' Ibrahimuddin bin Mohd Yunus
- iii. YBhg. Datuk Akberdin bin Hj. Abdul Kader
- iv. YBr. Haji Mohd Zawawi bin Ahmad Mughni

MAIWP Dagang Sdn. Bhd. (MDSB) ditubuhkan pada 27 September 2011 sebagai syarikat milik penuh MAIWP yang berperanan melaksanakan aktiviti perniagaan berasaskan peruncitan dan perolehan. Penubuhannya bermula melalui Kedai Rakyat MAIWP (KRM) sebagai inisiatif menyokong Program Transformasi Kerajaan (GTP) dalam menawarkan barangan runcit pada harga lebih rendah serta menjadi platform pemasaran bagi produk usahawan asnaf. Seiring perkembangan semasa, KRM telah menjalani penjenamaan semula kepada MAIWP Mart, yang kini beroperasi di tiga cawangan iaitu di Presint 5 dan Presint 9, Putrajaya serta di Labuan. Selain menguruskan operasi MAIWP Mart, MDSB turut menyediakan perkhidmatan pembekalan pelbagai barangan bagi menyokong keperluan MAIWP dan entiti di bawahnya.


ASET BERSIH MDSB TAHUN 2020-2024



UNTUNG/ RUGI MDSB TAHUN 2020-2024




DIVIDEN/LAIN-LAIN UCMI TAHUN 2020-2024




ANALISIS PRESTASI KEWANGAN


HASIL DAN PERBELANJAAN MAIWP & KUMPULAN TAHUN 2020-2024
HASIL 2024: RM1,587,390,967 | PERBELANJAAN 2024: RM1,573,597,311




HASIL KUMPULAN WANG MAIWP TAHUN 2020-2024
2024: RM1,423,050,740




PERBELANJAAN KUMPULAN WANG MAIWP TAHUN 2020-2024
2024 : RM1,406,381,541




ASET MAIWP & KUMPULAN TAHUN 2020-2024 2024: RM3,601,316,691




ASET SEMASA KUMPULAN WANG MAIWP TAHUN 2020-2024 2024: RM1,134,061,292




ASET BUKAN SEMASA KUMPULAN WANG MAIWP TAHUN 2020-2024 2024: RM2,306,037,280




NISBAH PUSINGAN ASET MAIWP & KUMPULAN TAHUN 2020-2024 2024: 0.44




NISBAH PUSINGAN ASET KUMPULAN WANG MAIWP TAHUN 2020-2024 2024: 0.41




KEUNTUNGAN TERKUMPUL MAIWP & KUMPULAN TAHUN 2020-2024 2024: RM3,242,671,556




KEUNTUNGAN TERKUMPUL KUMPULAN WANG MAIWP TAHUN 2020-2024 2024: RM3,161,154,823




LIABILITI MAIWP & KUMPULAN TAHUN 2020-2024 2024: RM192,322,116




LIABILITI SEMASA KUMPULAN WANG MAIWP TAHUN 2020-2024
2024: RM111,220,606




LIABILITI SEMASA KUMPULAN WANG MAIWP TAHUN 2020-2024
2024: RM111,220,606




NISBAH KEWANGAN MAIWP & KUMPULAN TAHUN 2020-2024
2024: 8.30 & 6.69



NISBAH SEMASA KUMPULAN WANG MAIWP TAHUN 2020-2024
2024: 10.20





NISBAH SEMASA

Pada tahun 2024, nisbah semasa MAIWP dan Kumpulan adalah 8.30 kali ganda daripada liabiliti semasa. Ini bermakna MAIWP dan Kumpulan mempunyai kemampuan membayar balik liabiliti semasa/hutang jangka pendek. Nisbah semasa tahun 2024 menurun sebanyak 0.29 berbanding 8.59 bagi tahun 2023.


NISBAH TUNAI

Nisbah tunai sebanyak 6.69 menunjukkan di mana aset-aset cair dipegang oleh MAIWP dan Kumpulan berbanding dengan jumlah liabiliti semasa. Nisbah ini menunjukkan kecairan sebenar MAIWP dan Kumpulan di dalam liabiliti semasa tanpa mengambilkira aset semasa yang belum pasti dapat ditunaikan dalam masa yang singkat.

PENGURUSAN HARTANAH

Pengurusan Hartanah merupakan sebahagian tanggungjawab MAIWP bagi memastikan hartanah-hartanah di Wilayah Persekutuan dapat dimanfaatkan bagi tujuan pembangunan fizikal prasarana dan pembangunan sosio ekonomi umat Islam.

PECAHAN TANAH TAHUN 2024							
KATEGORI	NILAIAN TANAH (RM)	NILAI BANGUNAN (RM)	LOT	KELUASAN HEKTAR	PEGANGAN		
					KEKAL	PAJAK	WARTA / RIZAB
Ekonomi	827,200,979.00	769,534,799.00	243	185.17	43	200	-
Kebajikan	2,162,531,021.93	686,088,883.16	222	86.15	197	25	-
Wakaf	300,038,230.00	20,156,171.40	95	25.42	47	48	-
Pusaka	67,570,476.48	1,911,533.50	29	10.33	19	10	-
Warta/Rizab	-	40,527,699.81	129	130.15	-	-	129
JUMLAH KESELURUHAN	3,357,340,707.41	1,518,219,086.87	718	437.22	306	283	129
	4,875,559,794.28						



PROJEK SIAP

CADANGAN MEMBINA SATU BLOK BANGUNAN AKADEMIK 5 TINGKAT DI ATAS SEBAHAGIAN DI LOT 54110, KAWASAN MIEL, MUKIM BATU, FASA 4, NO. 3, JALAN 31/104, TAMAN PERINDUSTRIAN IKS, 68100 KUALA LUMPUR.

University College MAIWP International (UCMI) adalah sebuah institusi pengajian tinggi yang terletak di Kuala Lumpur, Malaysia. Ia dikendalikan oleh sebuah anak syarikat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan menawarkan pelbagai program pengajian dalam bidang akademik dan professional.



UCMI ditubuhkan dengan tujuan untuk menyediakan pendidikan berkualiti tinggi yang menggabungkan elemen akademik dan nilai-nilai Islam. Ia berusaha untuk melahirkan graduan yang bukan sahaja berpengetahuan luas tetapi juga berakhlak mulia dan berdaya saing di peringkat global.

Tujuan pembinaan blok tambahan ini adalah untuk menampung perkembangan bidang pengajian yang ditawarkan dan bagi menampung kapasiti pelajar yang kian bertambah serta menyediakan fasiliti yang lebih kondusif dan moden kepada pelajar dan tenaga pengajar.

Projek pembinaan blok tambahan ini telah berjaya disiapkan dan diserahkan untuk kegunaan UCMI pada 25 Julai 2024 dengan kos keseluruhan sebanyak RM16.8 juta. Komponen utama bangunan adalah seperti berikut:

- Dewan Serbaguna berkapasiti 500 orang
- 21 unit Bilik Kuliah
- Surau berkapasiti 150 orang
- 9 Bilik Perbincangan
- 3 unit Makmal
- Bilik Mesyuarat Utama berkapasiti 60 orang

12 Julai 2024 bersamaan 6 Muharram 1446H merupakan tarikh bersejarah kepada Kolej Universiti Antarabangsa MAIWP kerana telah mendapat kelulusan penubuhan naiktaraf ke Universiti daripada

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dengan nama Universiti Antarabangsa MAIWP (UniMAIWP).

PROJEK-PROJEK DALAM PEMBINAAN / PENGUBAHSUAIAN ADALAH

- Sekolah Menengah Agama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan Labuan (SMA-MAIWPL) Kg. Sg. Bedaun
- Masjid di Jalan Chan Chin Moi, Taman Tasik Titiwangsa, Kuala Lumpur
- Surau di Presint 11, Putrajaya secara reka dan bina
- Surau di Presint 10, Putrajaya secara reka dan bina
- Surau Ibnu Sina Hospital Putrajaya

PENGURUSAN WAKAF

Wakaf merupakan instrumen kewangan penting dalam pembangunan yang merangkumi pelbagai sektor seperti pendidikan, keagamaan, kesihatan, dan kebajikan. Sepanjang 2024, MAIWP memperkasa usaha promosi dan kutipan wakaf di Wilayah Persekutuan dengan melantik agen kutipan serta beberapa syarikat korporat sebagai mutawalli bagi mengurus dan mengembangkan dana wakaf. Selain itu, peningkatan kesedaran umat Islam terhadap kepentingan wakaf turut menyumbang kepada pertambahan aset wakaf MAIWP, sekali gus memperluaskan manfaatnya kepada masyarakat Islam di Wilayah Persekutuan.

MAKLUMAT KUTIPAN WAKAF TUNAI MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN SEHINGGA 31 DISEMBER 2024

TAHUN	TUNAI AM (RM)	TUNAI KHAS (RM)	JUMLAH (RM)
2011	1,000.00	-	1,000.00
2012	215,000.00	-	215,000.00
2013	9,590.00	-	9,590.00
2014	210,286.86	-	210,286.86
2015	115,895.77	3,003,998.16	3,119,893.93
2016	320,760.26	1,484,255.91	1,805,016.17
2017	444,181.25	33430	477,611.25
2018	781,497.89	332,279.36	1,113,777.25
2019	1,733,711.53	4,338,635.73	6,072,347.26
2020	619,097.78	873,670.00	1,492,767.78
2021	696,504.53	1,803,684.82	2,500,189.35
2022	1,940,809.84	1,916,141.29	3,856,951.13
2023	2,600,255.05	5,377,674.40	7,977,929.45
2024	2,548,795.92	6,196,993.09	8,745,789.01
JUMLAH (RM)	12,237,386.68	25,360,762.76	37,598,149.44

i. Pengagihan Dana Wakaf Tunai MAIWP Pada Tahun 2024:


AM	KHAS	KHAS	KHAS	KHAS
Simpanan Tetap Skim Perbankan Islam (SPI)	Pembelian van jenazah Surau Jumaat At-Taqwa	Pembangunan semula Surau Muhammad Al-Fatih, Kg. Batu Muda	Pembangunan semula Madrasah Gouthiyyah, Brickfields	Naik taraf Surau An-Najah, Presint 9, Putrajaya
▼ RM4.5j	▼ RM540.37	▼ RM873,357.16	▼ RM565,125.43	▼ RM102,668.72
KHAS	KHAS	KHAS	KHAS	
Naik taraf Masjid Saidina Ali, Kg. Padang Balang	Naik taraf Musoolah Al-Marjan, SMK Batu Muda, Kg. Batu Muada	Naik taraf Masjid Al-Najihin, Bandar Sri Permaisuri	Pembangunan Surau Ibnu Sina Hospital Putrajaya	
▼ RM323.00	▼ RM144.50	▼ RM299,648.07	▼ RM728,227.50	



ii. Pengagihan Dana Manfaat Wakaf MAIWP Pada Tahun 2024:

Menaik taraf infrastruktur peralatan Sek. Keb. Desa Tun Hussein Onn, Jalan Jelatek, Kuala Lumpur	Menaik taraf Ebraille Al-Quran (lama) kepada Ebraille Laptop (baharu) untuk Sek. Men. Keb. Pendidikan Khas Setapak, Kuala Lumpur	Sumbangan Smartboard kepada Sek. Men. Keb. Puteri Ampang
▼ RM20,250.00	▼ RM43,500.00	▼ RM17,500.00

iii. Pelaburan Dana Wakaf Tunai Am Dalam Simpanan Tetap Skim Perbankan Islam (SPI)



BARISAN PENGURUSAN



1. DATUK MOHD NIZAM BIN HAJI YAHYA

Pemangku Ketua
Pegawai Eksekutif

2. MOHD FAUZI BIN ABIDIN

Timbalan Ketua Pegawai
Eksekutif (Pengurusan)

Pengurus-Pengurus Bahagian

3. AHMAD TALMIZI BIN YAHAYA

Bahagian Agihan Zakat

4. IR ABD KARIM BIN MOHAMED @ ISMAIL

Bahagian Pembangunan
Dan Pengurusan Hartanah

5. WAN AZIRA BINTI WAN SALLEH

Bahagian Khidmat
Pengurusan

6. NOOR FADZILAH BINTI SHAFIE

Bahagian Kewangan
Dan Pelaburan

7. MOHD RODZI BIN OSMAN

Unit Integriti

8. AHMAD SAIFUDDIN BIN HJ MD TAHIR @ TWAHIR

Bahagian Pembangunan Asnaf

9. AHMAD YAHYA BIN MOHD HANIFF

Unit Audit Dalam

10. FARIZAH BINTI KAMARUDDIN

Bahagian Pembangunan
Sumber Manusia

11. AFFANDEY BIN YAAKUB

Bahagian Pembangunan Insan

12. NOR AZLINA BINTI MOHAMAD SALLEH

Bahagian Teknologi Maklumat

13. SUTERA MANIS BINTI ZAMZAM

Unit Komunikasi Korporat

14. MD FADZLI BIN MD SAAD

MAIWP Cawangan Labuan

15. MOHD HANIFF BIN SALIM

MAIWP Cawangan Putrajaya



LAPORAN
PENYATA
KEWANGAN



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2024 Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Kumpulan dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Dana Amanah serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 106.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Kumpulan pada 31 Disember 2024 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS), Piawaian Perakaunan Islam Bagi Baitulmal, Zakat dan Wakaf (PPIBZW) - Pembentangan Penyata Kewangan dan keperluan Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505].

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya diuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Anggota Majlis, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Anggota Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Anggota Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS), Piawaian Perakaunan Islam Bagi Baitulmal, Zakat dan Wakaf (PPIBZW) - Pembentangan Penyata Kewangan dan keperluan Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505]. Anggota Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Kumpulan, Anggota Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Kumpulan;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Anggota Majlis;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Anggota Majlis dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan atau Kumpulan tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan;
- e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Kumpulan, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama; dan

- f. mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Anggota Majlis telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505], saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 13 dalam penyata kewangan.

Hal-hal Lain

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan hendaklah memperkasakan pemantauan terhadap pengurusan projek antaranya projek Pembinaan Surau Presint 10C, Putrajaya dan Pembinaan Surau Ibnu Sina Hospital Putrajaya bagi memastikan projek-projek tersebut disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan. Penyiapan projek ini penting bagi memastikan manfaat dan objektif projek dapat dicapai terutamanya yang melibatkan penggunaan dana zakat dan wakaf.

Sijil ini dibuat untuk Anggota Majlis, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan berdasarkan keperluan Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505] dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(DATO' SERI WAN SURAYA WAN MOHD RADZI)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
17 OKTOBER 2025



**PENYATA Pengerusi dan Seorang Ahli
Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan**

Kami **SYED KAMARULZAMAN BIN SYED KABEER** dan **TAN SRI DATO' SRI SYED ZAINAL ABIDIN BIN SYED MOHAMED TAHIR** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli **Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan** dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Ahli-Ahli Majlis, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Dana Amanah dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya adalah disediakan menurut Piawaian Laporan Entiti Persendirian Malaysia untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan **Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan** dan Kumpulan pada **31 Disember 2024** dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.


Bagi Pihak Ahli Majlis,



SYED KAMARULZAMAN BIN SYED KABEER

Gelaran : Pengerusi
Tarikh : 30 April 2025
Menara MAIWP
No. 55, Lorong Haji Hussein 2
50300 Kuala Lumpur

Bagi Pihak Ahli Majlis,




TAN SRI DATO' SRI SYED ZAINAL ABIDIN BIN SYED MOHAMED TAHIR

Gelaran : Ahli Majlis
Tarikh : 30 April 2025
Menara MAIWP
No. 55, Lorong Haji Hussein 2
50300 Kuala Lumpur

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA
YANG BERTANGGUNGJAWAB
KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN
MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN**

Saya **HAJI HANIFUDDIN BIN ROSLAN**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan**, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Dana Amanah dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya
diakui oleh penama di atas
di Kuala Lumpur
pada 30 April 2025



-) (HAJI HANIFUDDIN BIN ROSLAN)
-) Setiausaha Majlis,
-) Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan

Di hadapan saya,



SAMSAH BINTI ALI (No W589)
PESURUHJAYA SUMPAH
No 142B, Tkt Bawah,
Bgn UMNO Selangor
Jalan Ipoh, 51200
Kuala Lumpur W.P.

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN DISATUKAN
SEPERTI PADA 31 DISEMBER 2024**

NOTA		KUMPULAN		MAIWP	
		2024 RM	2023 RM (Dinyatakan Semula)	2024 RM	2023 RM (Dinyatakan Semula)
ASET					
ASET SEMASA					
Tunai dan kesetaraan tunai	5	1,039,112,595	1,120,815,525	818,579,918	890,725,542
Cukai akan diterima semula		3,691,107	2,355,907	-	-
Pendahuluan agihan wakalah tertunda	6	106,648,366	131,692,301	106,648,366	131,692,301
Belum terima	7	50,874,522	37,666,480	1,807,510	3,180,636
Lain-lain belum terima	8	86,755,715	46,909,359	90,155,241	64,362,615
Amaun terhutang daripada entiti yang dikawal	9	-	-	116,870,257	107,081,769
Inventori	10	3,088,769	3,647,410	-	-
JUMLAH ASET SEMASA		1,290,171,074	1,343,086,982	1,134,061,292	1,197,042,863
ASET BUKAN SEMASA					
Belum terima	7	79,051	424,351	79,051	424,351
Lain-lain belum terima	8	3,051,571	2,856,279	3,051,571	2,856,279
Amaun terhutang daripada entiti yang dikawal	9	-	-	6,216,132	12,348,788
Aset kewangan	11	95,000,000	35,000,000	95,000,000	35,000,000
Pelaburan dalam saham	12	6,739,743	5,812,363	6,739,742	5,812,362
Pelaburan dalam entiti yang dikawal	13	-	-	67,946,868	43,366,750
Aset tidak ketara	14	4,030,378	1,326,265	3,472,835	955,129
Aset dalam pembinaan	15	23,412,668	41,158,576	19,522,675	36,676,417
Hartanah pelaburan	16	932,500,010	912,434,420	915,080,010	895,560,420
Hartanah, loji dan peralatan	17	1,246,332,196	1,252,156,322	1,188,928,396	1,199,608,703
JUMLAH ASET BUKAN SEMASA		2,311,145,617	2,251,168,576	2,306,037,280	2,232,609,199
JUMLAH ASET		3,601,316,691	3,594,255,558	3,440,098,572	3,429,652,062

Nota-nota yang dibentangkan menjadi sebahagian asasi Penyata Kewangan ini.

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN DISATUKAN (SAMBUNGAN)
SEPERTI PADA 31 DISEMBER 2024

NOTA		KUMPULAN		MAIWP	
		2024 RM	2023 RM (Dinyatakan Semula)	2024 RM	2023 RM (Dinyatakan Semula)
LIABILITI					
LIABILITI SEMASA					
Belum bayar	18	41,300,849	40,501,384	21,600,611	24,945,301
Lain-lain belum bayar	19	75,367,702	64,807,782	19,429,870	17,776,786
Amaun terhutang kepada entiti yang dikawal	20	-	-	33,434,806	26,916,401
Manfaat pekerja	21	1,250,208	1,153,053	1,250,208	1,153,053
Sewa beli	22	1,753,325	1,857,420	-	-
Pajakan	23	202,811	-	-	-
Peruntukan kes litigasi	24	-	79,503	-	-
Peruntukan cukai		4,741	142,260	-	-
Wang khas	25	627,048	17,181,725	627,048	17,181,725
Wang wakaf am	26	10,827,224	8,415,949	10,827,224	8,415,949
Wang wakaf khas	27	14,469,329	11,849,745	14,469,329	11,849,745
Istibdal wakaf	28	3,070,404	3,086,404	3,070,404	3,086,404
Geran Pembangunan	29	6,511,106	7,287,860	6,511,106	7,287,860
JUMLAH LIABILITI SEMASA		155,384,747	156,363,085	111,220,606	118,613,224
LIABILITI BUKAN SEMASA					
Manfaat pekerja	21	28,001,576	33,771,834	1,400,124	1,381,744
Sewa beli	22	7,857,835	9,543,136	-	-
Pajakan	23	487,049	-	-	-
Cukai tertunda	30	258,018	262,508	-	-
Peruntukan kes litigasi	24	332,891	265,625	-	-
JUMLAH LIABILITI BUKAN SEMASA		36,937,369	43,843,103	1,400,124	1,381,744
JUMLAH LIABILITI		192,322,116	200,206,188	112,620,730	119,994,968
ASET BERSIH		3,408,994,575	3,394,049,370	3,327,477,842	3,309,657,094

Nota-nota yang dibentangkan menjadi sebahagian asasi Penyata Kewangan ini.

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN DISATUKAN (SAMBUNGAN)
SEPERTI PADA 31 DISEMBER 2024

NOTA		KUMPULAN		MAIWP	
		2024 RM	2023 RM (Dinyatakan Semula)	2024 RM	2023 RM (Dinyatakan Semula)
DANA AMANAH					
DANA TERHAD					
Modal wakaf am (ain)	31	162,750,414	161,598,865	162,750,414	161,598,865
Rizab tukaran wang asing	32	(231,761)	(246,934)	(231,761)	(246,934)
Lebihan/(Kurangan) terkumpul zakat	33	2,675,851,084	2,611,487,884	2,412,354,558	2,391,775,716
Lebihan/(Kurangan) terkumpul wakaf	33	165,239,877	163,736,077	162,581,886	162,334,031
		3,003,609,614	2,936,575,892	2,737,455,097	2,715,461,678
DANA TIDAK TERHAD					
Rizab tabung pinjaman	34	5,000,000	5,000,000	5,000,000	5,000,000
Rizab tukaran wang asing	32	(1,195,634)	(794,971)	(1,195,634)	(794,971)
Lebihan/(Kurangan) terkumpul sumber am	33	952,786,423	865,457,302	586,218,379	589,990,387
Lebihan/(Kurangan) terkumpul entiti yang dikawal	33	(551,205,828)	(412,188,853)	-	-
		405,384,961	457,473,478	590,022,745	594,195,416
JUMLAH DANA AMANAH		3,408,994,575	3,394,049,370	3,327,477,842	3,309,657,094

Nota-nota yang dibentangkan menjadi sebahagian asasi Penyata Kewangan ini.

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN MENGIKUT KUMPULAN WANG
SEPERTI PADA 31 DISEMBER 2024

NOTA	KUMPULAN WANG WAKAF		KUMPULAN WANG ZAKAT		KUMPULAN WANG SUMBER AM		MAIWP	
	2024 RM	2023 RM (Dinyatakan Semula)	2024 RM	2023 RM (Dinyatakan Semula)	2024 RM	2023 RM (Dinyatakan Semula)	2024 RM	2023 RM (Dinyatakan Semula)
ASET								
ASET SEMASA								
5 Tunai dan kesetaraan tunai	34,808,234	28,081,967	699,092,008	740,971,208	84,679,676	121,672,367	818,579,918	890,725,542
6 Pendahuluan agihan wakalah tertunda	-	-	106,648,366	131,692,301	-	-	106,648,366	131,692,301
7 Belum terima	10,388	23,680	1,700,857	3,078,153	96,265	78,803	1,807,510	3,180,636
8 Lain-lain belum terima	2,829,396	146,836	85,481,792	58,622,109	5,544,053	5,593,670	90,155,241	64,362,615
9 Amaun terhutang daripada entiti yang dikawal	188,545	105,171	115,307,923	106,477,583	1,373,789	499,015	116,870,257	107,081,769
10 Inventori	-	-	-	-	-	-	-	-
JUMLAH ASET SEMASA	37,836,563	28,357,654	1,008,230,946	1,040,841,354	91,693,783	127,843,855	1,134,061,292	1,197,042,863
ASET BUKAN SEMASA								
7 Belum terima	-	-	16,657	315,057	62,394	109,294	79,051	424,351
8 Lain-lain belum terima	-	-	-	-	3,051,571	2,856,279	3,051,571	2,856,279
9 Amaun terhutang daripada entiti yang dikawal	-	-	6,216,132	12,348,788	-	-	6,216,132	12,348,788
11 Aset kewangan	-	-	80,000,000	30,000,000	15,000,000	5,000,000	95,000,000	35,000,000
12 Pelaburan dalam saham	-	-	6,739,742	5,812,362	-	-	6,739,742	5,812,362
13 Pelaburan dalam entiti yang dikawal	-	-	66,946,868	43,366,749	1,000,000	1	67,946,868	43,366,750
14 Aset tidak ketara	-	-	1,436,853	219,358	2,035,982	735,771	3,472,835	955,129
15 Aset dalam pembinaan	59,794	7,139	5,961,763	29,117,262	13,501,118	7,552,016	19,522,675	36,676,417
16 Hartanah pelaburan	193,342,000	192,972,000	629,798,636	610,632,845	91,939,374	91,955,575	915,080,010	895,560,420
17 Hartanah, loji dan peralatan	126,852,402	126,509,734	649,883,856	654,520,259	412,192,138	418,578,710	1,188,928,396	1,199,608,703
JUMLAH ASET BUKAN SEMASA	320,254,196	319,488,873	1,447,000,507	1,386,332,680	538,782,577	526,787,646	2,306,037,280	2,232,609,199
JUMLAH ASET	358,090,759	347,846,527	2,455,231,453	2,427,174,034	630,476,360	654,631,501	3,440,098,572	3,429,652,062

Nota-nota yang dibentangkan menjadi sebahagian asasi Penyata Kewangan ini.

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN (SAMBUNGAN)
MENGIKUT KUMPULAN WANG SEPERTI PADA 31 DISEMBER 2024**

NOTA	KUMPULAN WANG WAKAF		KUMPULAN WANG ZAKAT		KUMPULAN WANG SUMBER AM		MAWP	
	2024 RM	2023 RM (Dinyatakan Semula)	2024 RM	2023 RM (Dinyatakan Semula)	2024 RM	2023 RM (Dinyatakan Semula)	2024 RM	2023 RM (Dinyatakan Semula)
LIABILITI								
LIABILITI SEMASA								
Belum bayar	38,897	154,509	15,473,259	13,628,204	6,088,455	11,162,588	21,600,611	24,945,301
Lain-lain belum bayar	4,144,033	328,089	15,895,681	14,959,420	3,090,156	2,489,277	19,429,870	17,776,786
Amaun terhutang kepada entiti yang dikawal	208,572	78,935	11,739,716	7,057,628	21,486,518	19,779,838	33,434,806	26,916,401
Manfaat pekerja	-	-	-	-	1,250,208	1,153,053	1,250,208	1,153,053
Wang khas	-	-	-	-	627,048	17,181,725	627,048	17,181,725
Wang wakaf am	10,827,224	8,415,949	-	-	-	-	10,827,224	8,415,949
Wang wakaf khas	14,469,329	11,849,745	-	-	-	-	14,469,329	11,849,745
Istibdal wakaf	3,070,404	3,086,404	-	-	-	-	3,070,404	3,086,404
Geran Pembangunan	-	-	-	-	6,511,106	7,287,860	6,511,106	7,287,860
JUMLAH LIABILITI SEMASA	32,758,459	23,913,631	43,108,656	35,645,252	39,053,491	59,054,341	111,220,606	118,613,224
LIABILITI BUKAN SEMASA								
Manfaat pekerja	-	-	-	-	1,400,124	1,381,744	1,400,124	1,381,744
JUMLAH LIABILITI BUKAN SEMASA					1,400,124	1,381,744	1,400,124	1,381,744
JUMLAH LIABILITI	32,758,459	23,913,631	43,108,656	35,645,252	40,453,615	60,436,085	112,620,730	119,994,968
ASET BERSIH	325,332,300	323,932,896	2,412,122,797	2,391,528,782	590,022,745	594,195,416	3,327,477,842	3,309,657,094

Nota-nota yang dibentangkan menjadi sebahagian asasi Penyata Kewangan ini.

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN (SAMBUNGAN)
 MENGIKUT KUMPULAN WANG SEPERTI PADA 31 DISEMBER 2024

NOTA		KUMPULAN WANG WAKAF		KUMPULAN WANG ZAKAT		KUMPULAN WANG SUMBER AM		MAIWP	
		2024 RM	2023 RM (Dinyatakan Semula)	2024 RM	2023 RM (Dinyatakan Semula)	2024 RM	2023 RM (Dinyatakan Semula)	2024 RM	2023 RM (Dinyatakan Semula)
DANA AMANAH									
DANA TERHAD									
	31	162,750,414	161,598,865	-	-	-	-	162,750,414	161,598,865
	32	-	-	(231,761)	(246,934)	-	-	(231,761)	(246,934)
	33	-	-	2,412,354,558	2,391,775,716	-	-	2,412,354,558	2,391,775,716
	33	162,581,886	162,334,031	-	-	-	-	162,581,886	162,334,031
		325,332,300	323,932,896	2,412,122,797	2,391,528,782	-	-	2,737,455,097	2,715,461,678
DANA TIDAK TERHAD									
	34	-	-	-	-	5,000,000	5,000,000	5,000,000	5,000,000
	32	-	-	-	-	(1,195,634)	(794,971)	(1,195,634)	(794,971)
	33	-	-	-	-	586,218,379	589,990,387	586,218,379	589,990,387
		-	-	-	-	590,022,745	594,195,416	590,022,745	594,195,416
JUMLAH DANA AMANAH		325,332,300	323,932,896	2,412,122,797	2,391,528,782	590,022,745	594,195,416	3,327,477,842	3,309,657,094

Nota-nota yang dibentangkan menjadi sebahagian asasi Penyata Kewangan ini.

**PENYATA PRESTASI KEWANGAN DISATUKAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

NOTA		KUMPULAN		MAIWP	
		2024 RM	2023 RM (Dinyatakan Semula)	2024 RM	2023 RM (Dinyatakan Semula)
HASIL					
Kutipan zakat	35	1,131,566,833	1,030,448,182	1,133,684,126	1,031,293,790
Zakat bahagian amil	36	154,477,142	157,243,526	154,477,142	157,243,526
Wakaf am	37	1,255,945	997,430	1,255,945	997,430
Geran	38	43,585,755	44,954,537	43,585,755	44,954,537
Sewaan	39	9,235,387	8,842,166	18,214,602	17,624,698
Keuntungan pelaburan	40	31,398,959	25,899,875	50,282,296	29,164,461
Yuran pengajian		35,461,139	17,778,579	4,533,684	4,538,830
Klinik, farmasi, wad dan makmal		154,595,059	157,326,971	-	-
Upah amil		186,413	183,818	-	-
Hasil jualan		2,486,628	6,609,154	-	-
Lain-lain Hasil	41	23,141,707	31,959,045	17,017,190	24,407,142
JUMLAH HASIL		1,587,390,967	1,482,243,283	1,423,050,740	1,310,224,414
AGIHAN					
Agihan zakat	42	(1,132,892,739)	(954,956,250)	(1,172,560,505)	(1,004,171,684)
JUMLAH AGIHAN		(1,132,892,739)	(954,956,250)	(1,172,560,505)	(1,004,171,684)
PERBELANJAAN					
Perbelanjaan pengurusan	43	(408,583,683)	(398,439,290)	(211,787,771)	(197,510,159)
Lain-lain perbelanjaan	44	(30,612,584)	(40,235,693)	(21,407,965)	(28,943,318)
Kos pembiayaan	45	(830,381)	(469,370)	(239,810)	(251,701)
JUMLAH PERBELANJAAN		(440,026,648)	(439,144,353)	(233,435,546)	(226,705,178)
LEBIHAN / (KURANGAN) SEBELUM CUKAI		14,471,580	88,142,680	17,054,689	79,347,552
CUKAI	46	(292,434)	(956,453)	-	-
LEBIHAN / (KURANGAN) BERSIH	47	14,179,146	87,186,227	17,054,689	79,347,552
LEBIHAN / (KURANGAN) KOMPREHENSIF LAIN:					
Item yang tidak akan diklasifikasikan kepada lebihan atau kekurangan					
Perbezaan terjemahan mata wang bagi cawangan asing		(385,490)	(109,067)	(385,490)	(109,067)
Keuntungan / (Kerugian) aktuarial pelan manfaat ditetapkan		-	(137,395)	-	-
		(385,490)	(246,462)	(385,490)	(109,067)
JUMLAH LEBIHAN / (KURANGAN) KOMPREHENSIF TAHUN SEMASA		13,793,656	86,939,765	16,669,199	79,238,485
LEBIHAN TAHUN SEMASA DIAGIHKAN KEPADA :					
Pemilik		14,179,146	87,186,227	17,054,689	79,347,552
JUMLAH LEBIHAN KOMPREHENSIF TAHUN SEMASA DIAGIHKAN KEPADA :					
Pemilik		13,793,656	86,939,765	16,669,199	79,238,485

Nota-nota yang dibentangkan menjadi sebahagian asasi Penyata Kewangan ini.

**PENYATA PRESTASI KEWANGAN KUMPULAN WANG WAKAF
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

	NOTA	2024 RM	2023 RM (Dinyatakan Semula)
HASIL			
Wakaf am	37	1,255,945	997,430
Sewaan	39	445,530	414,204
Keuntungan pelaburan	40	250,108	167,086
Yuran pengajian		162,934	118,000
Lain-lain Hasil	41	197,962	215,868
JUMLAH HASIL		2,312,479	1,912,588
PERBELANJAAN			
Perbelanjaan pengurusan	43	(1,625,533)	(1,385,323)
Lain-lain perbelanjaan	44	(438,881)	(536,175)
Kos pembiayaan	45	(210)	(375)
JUMLAH PERBELANJAAN		(2,064,624)	(1,921,873)
LEBIHAN / (KURANGAN) BERSIH	47	247,855	(9,285)
LEBIHAN / (KURANGAN) KOMPREHENSIF LAIN :			
Item yang tidak akan diklasifikasikan kepada lebihan atau kekurangan			
Perbezaan terjemahan mata wang bagi cawangan asing		-	-
JUMLAH LEBIHAN / (KURANGAN) KOMPREHENSIF TAHUN SEMASA		247,855	(9,285)
LEBIHAN TAHUN SEMASA DIAGIHKAN KEPADA :			
Pemilik		247,855	(9,285)
JUMLAH LEBIHAN KOMPREHENSIF TAHUN SEMASA DIAGIHKAN KEPADA :			
Pemilik		247,855	(9,285)

Nota-nota yang dibentangkan menjadi sebahagian asasi Penyata Kewangan ini.

**PENYATA PRESTASI KEWANGAN KUMPULAN WANG ZAKAT
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

	NOTA	2024 RM	2023 RM (Dinyatakan Semula)
HASIL			
Kutipan zakat	35	1,133,684,126	1,031,293,790
Sewaan	39	14,818,599	14,264,997
Keuntungan pelaburan	40	48,226,553	26,272,364
Yuran pengajian		4,370,750	4,420,830
Lain-lain Hasil	41	13,023,243	9,252,168
JUMLAH HASIL		1,214,123,271	1,085,504,149
AGIHAN			
Agihan zakat	42	(1,172,560,505)	(1,004,171,684)
JUMLAH AGIHAN		(1,172,560,505)	(1,004,171,684)
PERBELANJAAN			
Perbelanjaan pengurusan	43	(8,831,208)	(6,448,671)
Lain-lain perbelanjaan	44	(12,079,414)	(22,817,252)
Kos pembiayaan	45	(73,302)	(93,197)
JUMLAH PERBELANJAAN		(20,983,924)	(29,359,120)
LEBIHAN / (KURANGAN) BERSIH	47	20,578,842	51,973,345
LEBIHAN / (KURANGAN) KOMPREHENSIF LAIN :			
Item yang tidak akan diklasifikasikan kepada lebihan atau kurangan			
Perbezaan terjemahan mata wang bagi cawangan asing		15,173	193,195
JUMLAH LEBIHAN / (KURANGAN) KOMPREHENSIF TAHUN SEMASA		20,594,015	52,166,540
LEBIHAN TAHUN SEMASA DIAGIHKAN KEPADA :			
Pemilik		20,578,842	51,973,345
JUMLAH LEBIHAN KOMPREHENSIF TAHUN SEMASA DIAGIHKAN KEPADA :			
Pemilik		20,594,015	52,166,540

Nota-nota yang dibentangkan menjadi sebahagian asasi Penyata Kewangan ini.

**PENYATA PRESTASI KEWANGAN KUMPULAN WANG SUMBER AM
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

	NOTA	2024 RM	2023 RM (Dinyatakan Semula)
HASIL			
Zakat bahagian amil	36	154,477,142	157,243,526
Geran	38	43,585,755	44,954,537
Sewaan	39	2,950,473	2,945,497
Keuntungan pelaburan	40	1,805,635	2,725,011
Lain-lain Hasil	41	3,795,985	14,939,106
JUMLAH HASIL		206,614,990	222,807,677
PERBELANJAAN			
Perbelanjaan pengurusan	43	(201,331,030)	(189,676,165)
Lain-lain perbelanjaan	44	(8,889,670)	(5,589,891)
Kos pembiayaan	45	(166,298)	(158,129)
JUMLAH PERBELANJAAN		(210,386,998)	(195,424,185)
LEBIHAN / (KURANGAN) BERSIH	47	(3,772,008)	27,383,492
LEBIHAN / (KURANGAN) KOMPREHENSIF LAIN :			
Item yang tidak akan diklasifikasikan kepada lebihan atau kurangan			
Perbezaan terjemahan mata wang bagi cawangan asing		(400,663)	(302,262)
JUMLAH LEBIHAN / (KURANGAN) KOMPREHENSIF TAHUN SEMASA		(4,172,671)	27,081,230
LEBIHAN TAHUN SEMASA DIAGIHKAN KEPADA :			
Pemilik		(3,772,008)	27,383,492
JUMLAH LEBIHAN KOMPREHENSIF TAHUN SEMASA DIAGIHKAN KEPADA :			
Pemilik		(4,172,671)	27,081,230

Nota-nota yang dibentangkan menjadi sebahagian asasi Penyata Kewangan ini.

PENYATA PERUBAHAN DANA AMANAH DISATUKAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

KUMPULAN

Disebabkan oleh Pemilik Entiti yang Mengawal										
	Nota	Lebihan / (Kurangan) Terkumpul Wakaf RM	Lebihan / (Kurangan) Terkumpul Wang Zakat RM	Lebihan / (Kurangan) Terkumpul Wang Sumber Am RM	Lebihan / (Kurangan) Terkumpul Entiti Yang Dikawal RM	Jumlah Lebihan / (Kurangan) Terkumpul atau Dana Disatukan RM	Rizab Tabung Pinjaman RM	Rizab Tukaran Mata Wang RM	Modal Wakaf RM	Jumlah Aset Bersih / Ekuiti RM
Baki pada 1 Januari 2023										
- Seperti yang dilaporkan sebelum ini		8,758,627	2,488,920,064	756,863,730	(265,809,032)	2,988,733,389	5,000,000	(932,838)	37,051,813	3,029,852,364
- Pelarasan tahun-tahun lalu	48	153,990,273	(1,472,195)	-	192,111	152,710,189	-	-	-	152,710,189
- Seperti dinyatakan semula		162,748,900	2,487,447,869	756,863,730	(265,616,921)	3,141,443,578	5,000,000	(932,838)	37,051,813	3,182,562,553
Perubahan Aset Bersih / Ekuiti bagi 2023:										
Peningkatan / (Pengurangan)		-	-	-	-	-	-	-	124,547,052	124,547,052
Lebihan / (Kurangan) bagi Tahun Semasa		987,177	124,040,015	108,593,572	(146,434,537)	87,186,227	-	-	-	87,186,227
Lebihan / (Kurangan) komprehensif lain bagi Tahun Semasa		-	-	-	(137,395)	(137,395)	-	(109,067)	-	(246,462)
Jumlah Perubahan Aset Bersih / Ekuiti bagi 2023		987,177	124,040,015	108,593,572	(146,571,932)	87,048,832	-	(109,067)	124,547,052	211,486,817
Baki seperti pada 31 Disember 2023										
		163,736,077	2,611,487,884	865,457,302	(412,188,853)	3,228,492,410	5,000,000	(1,041,905)	161,598,865	3,394,049,370
Perubahan Aset Bersih / Ekuiti bagi 2024:										
Peningkatan / (Pengurangan)		-	-	-	-	-	-	-	1,151,549	1,151,549
Liabiliti kewangan adalah dikelaskan sebagai nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan apabila liabiliti kewangan adalah dalam skop Seksyen 12, MPERS atau jika liabiliti kewangan diniagakan secara awam atau nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti.

Liabiliti Kewangan Diukur pada Kos Dilunaskan

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan selain daripada liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah keuntungan efektif. Keuntungan atau kerugian diiktiraf pada lebihan atau kurangan apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau dirosot nilai.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

3. POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

o. Liabiliti Kewangan (samb.)

Kaedah keuntungan efektif adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan liabiliti kewangan dan untuk memperuntukkan perbelanjaan keuntungan ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar keuntungan efektif adalah kadar diskaun anggaran pembayaran tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat liabiliti kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan amaun bawaan liabiliti kewangan.

Komitmen Pinjaman Diukur pada Kos Ditolak Rosot Nilai

Komitmen untuk menerima pinjaman yang memenuhi syarat-syarat Seksyen 11 MPERS diukur pada kos ditolak rosot nilai.

Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat.

Sebarang perbezaan di antara amaun bawaan liabiliti kewangan dinyahiktiraf dan pertimbangan dibayar diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.

p. Manfaat Pekerja

i. Jangka Pendek

Upah, gaji, bonus dan caruman keselamatan sosial telah diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh kakitangan. Ketidakhadiran diberi pampasan terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan oleh kakitangan yang meningkatkan hak mereka kepada ketidakhadiran masa hadapan diberi pampasan, dan ketidakhadiran tidak diberi pampasan terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit diiktiraf apabila ketidakhadiran berlaku.

ii. Pelan Caruman Wajib

Pelan caruman wajib adalah pelan persaraan yang mana Kumpulan dan MAIWP menyumbang secara tetap ke dalam entiti berasingan dan Kumpulan tiada kewajipan dari segi undang-undang atau kewajipan konstruktif untuk menyumbang lagi sekiranya tabung tidak mempunyai aset yang cukup untuk membayar semua manfaat pekerja yang berkaitan dengan perkhidmatan semasa dan sebelumnya. Sumbangan Kumpulan dan MAIWP kepada pelan caruman wajib, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) iaitu pelan sumbangan yang ditubuhkan oleh Kerajaan, adalah diambil kira di dalam lebihan atau kurangan pada tempoh berkenaan. Apabila sumbangan telah dibayar Kumpulan dan MAIWP tidak mempunyai sebarang tanggungan lagi.

iii. Gantian Cuti Rehat

Gantian Cuti Rehat (GCR) adalah pemberian wang tunai yang diberikan kepada kakitangan MAIWP yang tidak berpeluang menghabiskan cuti rehat disebabkan kepentingan perkhidmatan. Pengiraan GCR bagi kakitangan tetap MAIWP dikira untuk pekerja yang telah mencapai umur 40 tahun dan telah berkhidmat selama 10 tahun atau lebih dengan andaian bahawa pada umur tersebut mempunyai hak untuk bersara pilihan berbanding umur bersara wajib dengan andaian bilangan 180 hari akan dikumpul semasa persaraan, manakala bagi kakitangan kontrak pula ia dikira bagi tempoh 2 tahun dengan andaian bilangan 10 hari yang akan dikumpul semasa tamat perkhidmatan kontrak. GCR ini ditentukan menggunakan Kaedah Unjuran Kredit Unit.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

3. POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

p. Manfaat Pekerja (samb.)

iv. Pelan Manfaat Persaraan

Kumpulan mengendalikan Pelan Manfaat Persaraan ('Pelan') kepada pekerja yang layak. Caruman kepada Pelan dibuat setiap suku tahun dan dicaj kepada lebih atau kurang bagi menyebarkan kos Pelan ke atas jangka hayat kerja pekerja dalam Kumpulan.

Obligasi Kumpulan di bawah Pelan adalah ditentukan berdasarkan penilaian aktuari setiap tiga tahun di mana jumlah manfaat yang diperolehi pekerja sebagai balasan bagi perkhidmatan mereka dalam tempoh semasa dan sebelumnya adalah dianggarkan. Nilai semasa obligasi Pelan dan kos perkhidmatan semasa dan sebarang kos perkhidmatan lalu yang berkaitan adalah ditentukan menggunakan Kaedah Unjuran Kredit Unit.

Keuntungan atau kerugian aktuari adalah diiktiraf sebagai lebih atau kurang pada tempoh ianya berlaku.

Pelan yang diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan adalah amaun bersih nilai semasa Pelan yang diselaraskan untuk kos perkhidmatan lalu yang tidak diiktiraf, ditolak nilai saksama aset Pelan pada tarikh pelaporan. Sebarang aset hasil daripada pengiraan adalah dinyatakan pada yang lebih rendah antara amaun yang ditentukan atau sebarang jumlah kos perkhidmatan lepas terkumpul, dan nilai semasa bagi bayaran balik tersedia dan pengurangan dalam caruman masa depan kepada Pelan tersebut.

iv. Pelan Manfaat Persaraan (samb.)

Keuntungan atau kerugian daripada pengurangan atau penyelesaian Pelan diiktiraf dalam lebih dan kurang dalam tempoh apabila pengurangan atau penyelesaian berlaku.

v. Ganjaran Penamatan Kontrak

Ganjaran penamatan kontrak adalah salah satu ganjaran tamat perkhidmatan yang diberikan kepada pegawai kontrak yang telah menamatkan perkhidmatan dengan memuaskan. Pegawai yang meletakkan jawatan atas sebab sekalipun tidak layak dibayar ganjaran kecuali peletakan jawatan kerana mendapat tawaran pelantikan daripada sektor awam. Ganjaran penamatan kontrak diiktiraf sebagai liabiliti apabila tawaran kontrak bermula.

q. Pajakan

i. Pajakan operasi

Pajakan harta di mana bahagian yang signifikan daripada risiko dan ganjaran pemilikan masih kekal di atas pemilik aset dikelaskan sebagai pajakan operasi. Bayaran yang dibuat bagi perbelanjaan ini dicajkan ke lebih atau kurang mengikut kaedah garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

ii. Pajakan kewangan

Pajakan yang mana Kumpulan dan MAIWP menanggung risiko dan menerima ganjaran atas pemilikan aset dikelaskan sebagai pajakan kewangan.

Hartanah, loji dan peralatan yang dimiliki melalui pajakan kewangan akan dipermodalkan, dinyatakan pada nilai terendah di antara nilai saksama dan nilai kini pembayaran pajakan minima pada permulaan pajakan, ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai. Obligasi sepadan berkaitan dengan bayaran prinsipal diakaunkan sebagai liabiliti dan caj pembiayaan dikenakan ke atas lebih atau kurang sepanjang tempoh pelan pajakan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

3. POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

r. Kos Pinjaman

Kos pinjaman Kumpulan dan MAIWP terdiri daripada keuntungan pinjaman, sewa beli dan lain-lain kos pinjaman yang dikira menggunakan kaedah keuntungan berkesan. Semua kos pinjaman diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan.

s. Modal Wakaf

Modal wakaf terdiri daripada harta termasuk hartanah dan pelaburan yang diwakafkan kepada MAIWP.

t. Pengiktirafan Hasil

i. Zakat

Pendapatan zakat adalah hasil daripada kutipan zakat.

ii. Zakat bahagian amil

Hasil zakat bahagian amil diiktiraf berdasarkan perbelanjaan daripada agihan zakat bagi asnaf amil.

iii. Wakaf

Hasil wakaf diiktiraf berdasarkan perbelanjaan upah kutipan wakaf yang dilaksanakan oleh pengutip wakaf yang dibayar menggunakan kutipan wakaf selaras dengan kelulusan hukum syarak.

iv. Hasil sewaan

Hasil sewaan diiktiraf berdasarkan garis lurus mengikut tempoh perjanjian.

v. Pengiktirafan keuntungan simpanan, dividen pelaburan dan hibah

Keuntungan dari simpanan jangka pendek, dividen pelaburan dan hibah diiktiraf secara akrual jika dapat ditentukan dengan pasti. Sekiranya keuntungan tidak dapat ditentukan dengan pasti, maka keuntungan dari simpanan jangka pendek, dividen pelaburan dan hibah diiktiraf berdasarkan penerimaan tunai. Ia diambil kira dalam lebihan atau kurangan apabila diterima.

vi. Pendapatan dividen saham

Dividen diiktiraf apabila hak penerimaannya telah dapat ditentukan.

vii. Yuran pengajian

Hasil diiktiraf berdasarkan yuran pendaftaran, yuran pengajian, yuran program dan yuran peperiksaan yang diterima dari pelajar mengikut tempoh kursus yang ditetapkan. Pendapatan yuran diiktiraf sepanjang jangka masa kursus. Yuran bagi jangka masa yang meliputi tahun kewangan akan datang dibawa ke hadapan dan dinyatakan sebagai prabayar di bawah liabiliti semasa.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

3. POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

t. Pengiktirafan Hasil (Samb.)

viii. Perkhidmatan hospital

Hasil diiktiraf berdasarkan pelaksanaan perkhidmatan hospital, perubatan dan pembedahan.

ix. Hasil jualan

Hasil diiktiraf apabila risiko dan ganjaran berkaitan pemilikan barang telah dipindahkan kepada pembeli.

x. Lain-lain hasil

Lain-lain hasil diiktiraf apabila risiko dan ganjaran berkaitan pemilikan barang telah dipindahkan kepada pembeli.

u. Geran Kerajaan

Geran Kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu diukur pada nilai saksama aset yang diterima atau akan diterima dan diiktiraf dalam lebihan atau kekurangan apabila perolehan geran akan diterima.

Geran Kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu diiktiraf pada nilai saksama dalam lebihan atau kekurangan hanya apabila syarat-syarat prestasi telah dipenuhi.

Geran Kerajaan diterima sebelum kriteria pengiktirafan hasil dipenuhi diiktiraf sebagai liabiliti.

v. Pendapatan Wakaf Am Dan Nazr 'Am

Mengikut Seksyen 61, Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505), MAIWP hendaklah menjadi pemegang amanah yang tunggal bagi semua wakaf, sama ada wakaf am atau wakaf khas, semua nazr 'am dan semua amanah daripada segala perihal yang mewujudkan apa-apa amanah khairat bagi menyokong dan memajukan agama Islam atau faedah orang-orang Islam mengikut Hukum Syarak.

w. Peruntukan

Sesuatu peruntukan diiktiraf apabila Kumpulan dan MAIWP mempunyai obligasi pada tarikh pelaporan akibat daripada peristiwa yang lalu, ia terdapat kemungkinan bahawa pemindahan manfaat ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi dan anggaran yang munasabah boleh dibuat daripada amaun obligasi tersebut.

Risiko dan ketidaktentuan yang diambil kira dalam pengiraan dalam mencapai anggaran peruntukan yang terbaik. Apabila kesan nilai masa wang adalah ketara, amaun yang diiktiraf dalam peruntukan adalah nilai semasa perbelanjaan yang dijangka akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut.

x. Cukai Pendapatan

Cukai pendapatan untuk lebihan atau kekurangan bagi tempoh semasa terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa ialah jumlah anggaran cukai pendapatan yang perlu dibayar ke atas lebihan boleh cukai bagi tempoh semasa dan dikira menggunakan kadar cukai yang dikuatkuasakan pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

3. POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

x. Cukai Pendapatan (Samb.)

Liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh dicukai yang dijangka meningkatkan lebihan boleh dicukai pada masa depan. Aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara yang boleh ditolak yang dijangka akan mengurangkan lebihan boleh cukai pada masa depan dan kerugian cukai tidak digunakan yang dibawa ke hadapan dan kredit cukai yang tidak digunakan.

Liabiliti dan aset cukai tertunda tidak diiktiraf bagi perbezaan sementara berkaitan dengan pengiktirafan awal sesuatu aset atau liabiliti dalam urus niaga yang bukan penggabungan perniagaan dan pada masa urus niaga, tidak menjejaskan lebihan perakaunan mahupun lebihan boleh dicukai. Liabiliti cukai tertunda juga tidak diiktiraf bagi perbezaan sementara berkaitan dengan pengiktirafan awal muhibah.

Liabiliti dan aset cukai tertunda menggambarkan akibat cukai yang akan dijangka bagi mendapatkan semula atau menyelesaikan amaun bawaan aset dan liabiliti dan diukur pada kadar cukai dan undang-undang yang dijangka akan digunakan untuk tempoh apabila aset tersebut direalisasi atau liabiliti diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah digubal atau sebahagian besarnya digubal menjelang tarikh pelaporan.

y. Mata Wang Asing

i. Urus niaga mata wang asing

Urus niaga dalam mata wang asing diterjemahkan ke Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran pada tarikh urus niaga tersebut. Aset dan liabiliti kewangan dalam mata wang asing pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan diterjemahkan ke Ringgit Malaysia pada kadar tukaran asing pada tarikh tersebut. Perbezaan tukaran wang asing yang timbul akibat terjemahan diiktiraf dalam lebihan atau kurangan. Aset dan liabiliti bukan kewangan pada nilai mata wang asing yang dinyatakan pada kos jumlah sejarah diterjemahkan ke Ringgit Malaysia pada kadar tukaran asing pada tarikh urus niaga tersebut.

Bagi pinjaman atau pendahuluan yang membentuk sebahagian daripada pelaburan bersih dalam operasi asing, perbezaan pertukaran diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dalam penyata kewangan berasingan pemilik dan/atau penyata kewangan individu operasi asing. Perbezaan pertukaran ini kemudiannya akan ditukar semula di dalam lebihan atau kurangan disatukan dan diiktiraf di dalam rizab.

ii. Penyata kewangan operasi asing

Aset dan liabiliti operasi asing, termasuk muhibah dan nilai saksama yang telah diselaraskan dalam penyatuan, diterjemahkan ke Ringgit Malaysia pada kadar tukaran pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan. Pendapatan dan perbelanjaan operasi asing diterjemah ke Ringgit Malaysia pada kadar purata tukaran untuk sepanjang tahun. Perbezaan operasi asing yang timbul dari terjemahan operasi asing diiktiraf terus ke dalam rizab.

z. Penggabungan Perniagaan

Penggabungan perniagaan diambil kira dengan menggunakan kaedah pembelian. Kos penggabungan perniagaan adalah diukur pada agregat nilai saksama, pada tarikh pertukaran, aset diberikan, liabiliti yang ditanggung atau diandaikan, dan ekuiti diterbitkan oleh Kumpulan,

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

3. POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

z. Penggabungan Perniagaan (samb.)

sebagai pertukaran kawalan syarikat yang diambil alih, menambah sebarang kos boleh diagihkan secara langsung kepada penggabungan perniagaan.

Pada tarikh pengambilalihan, Kumpulan memperuntukkan kos penggabungan perniagaan dengan mengiktiraf aset boleh dikenal pasti, liabiliti dan liabiliti luar jangka pada nilai saksama. Sebarang lebihan daripada kos penggabungan perniagaan di atas kepentingan pemeroleh dalam nilai saksama bersih aset boleh dikenal pasti, liabiliti, liabiliti luar jangka adalah direkodkan sebagai muhibah.

Jika selepas penilaian semula, kepentingan Kumpulan dalam nilai saksama bersih aset boleh dikenal pasti, liabiliti dan liabiliti luar jangka yang diiktiraf melebihi kos penggabungan perniagaan, lebihan itu diiktiraf serta-merta dalam lebihan atau kurangan.

Dalam penyata kewangan yang disatukan, kepentingan bukan kawalan dalam aset bersih entiti yang dikawal adalah dimasukkan dalam ekuiti. Kumpulan menganggap perubahan dalam kepentingan kawalan pemilik induk dalam entiti yang dikawal yang tidak menyebabkan kehilangan kawalan sebagai urus niaga dengan pemegang ekuiti dalam kedudukan mereka sebagai pemegang ekuiti. Justeru, amaun bawaan kepentingan bukan kawalan diselaraskan untuk menggambarkan perubahan dalam kepentingan pemilik induk dalam aset bersih entiti yang dikawal tersebut. Sebarang perbezaan di antara amaun yang mana kepentingan bukan kawalan diselaraskan demikian dan nilai saksama pertimbangan dibayar atau diterima, jika ada, diiktiraf secara langsung dalam ekuiti dan diagihkan kepada pemegang ekuiti pemilik induk. Keuntungan atau kerugian daripada perubahan ini dan perubahan dalam amaun bawaan aset (termasuk muhibah) atau liabiliti akibat daripada urus niaga tersebut tidak diiktiraf.

aa. Penyata Kutipan dan Agihan Zakat

Penyata kutipan dan agihan zakat disediakan bagi mendedahkan cara pengurusan zakat oleh MAIWP dalam membuat kutipan dan agihan zakat serta kutipan zakat yang belum diagihkan atau yang telah terlebih agih.

Kutipan zakat yang diterima oleh MAIWP adalah terdiri daripada zakat fitrah, zakat harta, zakat pendapatan, zakat simpanan, zakat emas dan perak, qadha zakat, zakat tanaman, zakat binatang ternakan, zakat perniagaan dan sedekah wajib. Zakat-zakat yang dibayar oleh pembayar zakat ini adalah berdasarkan kepada kadar yang telah ditetapkan oleh fatwa. Kutipan zakat akan ditunjukkan pada jumlah kutipan kasar iaitu sebelum ditolak dengan bahagian amil sekiranya amil merupakan entiti berasingan daripada MAIWP.

Agihan kutipan zakat pula adalah agihan yang dibuat kepada lapan asnaf iaitu fakir, miskin, muallaf, al-riqab, al-gharimin, ibnu sabil, amil dan fisabilillah. Agihan kutipan zakat ini akan diasingkan samada ia bersifat konsumtif atau produktif. Agihan zakat produktif ialah perolehan aset yang diserahkan kepada asnaf untuk kegunaan asnaf atau pemberian modal kepada asnaf dan kemudian dikembangkan. Agihan zakat konsumtif pula ialah agihan secara langsung sepenuhnya kepada asnaf.

Agihan kutipan zakat ini pada asasnya akan diagihkan secara sama rata terlebih dahulu mengikut kepada setiap asnaf dan kemudiannya dipinda jika perlu mengikut kepada fatwa.

Penyata kutipan dan agihan zakat hanya disediakan untuk Kumpulan Wang Zakat sahaja.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

3. POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

ab. Penyata Perbandingan Bajet dan Amaun Sebenar

Bajet tahunan disediakan pada asas tunai. Memandangkan Penyata Kewangan disediakan menggunakan asas akrual, maka suatu penyata perbandingan bajet dan amaun sebenar didedahkan secara berasingan. Penyata ini disediakan menggunakan asas penyediaan bajet tahunan.

4. PERTIMBANGAN PERAKAUNAN KRITIKAL DAN SUMBER UTAMA KETIDAKPASTIAN ANGGARAN

Ahli Majlis berpendapat bahawa tiada pertimbangan perakaunan kritikal dan sumber utama ketidakpastian anggaran yang digunakan ketika menyediakan penyata kewangan Kumpulan dan MAIWP selain yang dinyatakan di bawah:

Penentuan Hartanah Pelaburan

Sebahagian daripada hartanah Kumpulan dan MAIWP adalah dipegang untuk mendapatkan pendapatan sewa atau untuk tujuan peningkatan nilai atau untuk kedua-duanya sebahagian yang lain pula dipegang untuk kegunaan sendiri. Jika bahagian sesuatu hartanah itu yang dipegang untuk tujuan mendapatkan pendapatan sewa atau untuk peningkatan nilai boleh dijual secara berasingan atau dipajak secara berasingan sebagai pajakan kewangan, maka Kumpulan dan MAIWP akan mengkategorikan bahagian tersebut sebagai hartanah pelaburan. Manakala jika sesuatu bahagian hartanah itu tidak boleh dijual atau dipajak secara berasingan, maka ia akan diklasifikasikan sebagai hartanah pelaburan jika bahagian ruang untuk disewa tersebut mewakili sekurang-kurangnya 70% daripada jumlah keseluruhan ruang.

Pengukuran Peruntukan

Kumpulan dan MAIWP sentiasa menggunakan anggaran terbaik sebagai asas untuk mengukur sesuatu peruntukan itu. Anggaran itu dibuat berdasarkan kepada pengalaman lalu, lain-lain petunjuk atau andaian, perkembangan terkini dan peristiwa masa hadapan yang munasabah dalam menentukan sesuatu peruntukan.

Penentuan Kerugian Rosot Nilai Aset Kewangan

Kumpulan dan MAIWP mengiktiraf kerugian rosot nilai bagi aset-aset kewangannya dengan menggunakan model kerugian yang telah berlaku (*incurred loss model*). Mana-mana siberhutang yang signifikan akan disemak secara berasingan bagi melihat keperluan untuk membuat rosot nilai dengan cara menganggarkan aliran tunai yang dijangka boleh diperolehi semula. Manakala siberhutang yang lain pula akan disemak secara berkumpulan mengikut risiko kredit dengan menggunakan pengalaman yang lepas, hutang yang telah melangkaui tempoh dan keadaan ekonomi semasa.

Susut Nilai Hartanah, Loji dan Peralatan serta Aset Tak Ketara

Sesuatu kos hartanah, loji dan peralatan serta aset tak ketara akan disusut nilaikan mengikut kaedah garis lurus. Anggaran akan digunakan dalam pemilihan kaedah susut nilai, hayat berguna dan nilai sisa. Penggunaan sebenar manfaat ekonomi sesuatu hartanah, loji dan peralatan serta aset tak ketara itu mungkin berbeza daripada anggaran yang digunakan dan ini boleh memberi kesan kepada keuntungan atau kerugian apabila aset-aset tersebut dijual atau dilupus.

Pengukuran Pelan Manfaat Persaraan

Pengukuran nilai semasa sesuatu obligasi manfaat adalah berdasarkan kepada beberapa andaian dan faktor yang ditentukan secara aktuari. Sebarang perubahan ke atas andaian-andaian tersebut akan memberi kesan ke atas nilai bawaan obligasi manfaat itu.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

5. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

	KUMPULAN		MAIWP	
	2024 RM	2023 RM (Dinyatakan Semula)	2024 RM	2023 RM (Dinyatakan Semula)
Tunai di tangan	280,196	363,057	242,495	245,605
Tunai di bank	341,501,408	469,604,781	193,161,623	291,556,274
Deposit dengan bank berlesen	697,330,991	650,847,687	625,175,800	598,923,663
	1,039,112,595	1,120,815,525	818,579,918	890,725,542

Tunai dan kesetaraan tunai MAIWP diwakili oleh kumpulan-kumpulan wang seperti berikut:

	KUMPULAN WANG WAKAF		KUMPULAN WANG ZAKAT		KUMPULAN WANG SUMBER AM	
	2024 RM	2023 RM (Dinyatakan Semula)	2024 RM	2023 RM	2024 RM	2023 RM
Tunai di tangan	-	-	226,349	227,021	16,146	18,584
Tunai di bank	24,112,236	23,585,854	113,557,121	179,082,399	55,492,266	88,888,021
Deposit dengan bank berlesen	10,695,998	4,496,113	585,308,538	561,661,788	29,171,264	32,765,762
	34,808,234	28,081,967	699,092,008	740,971,208	84,679,676	121,672,367

Termasuk tunai dan kesetaraan tunai MAIWP adalah tunai dan kesetaraan tunai yang hanya digunakan untuk tujuan khusus berjumlah RM745,648,363 (2023: RM801,136,638).

6. PENDAHULUAN AGIHAN WAKALAH TERTUNDA

	KUMPULAN		MAIWP	
	2024 RM	2023 RM (Dinyatakan Semula)	2024 RM	2023 RM (Dinyatakan Semula)
Pada awal tahun	131,692,301	125,225,887	131,692,301	125,225,887
Tambahan dalam tahun semasa	106,648,366	131,692,301	106,648,366	131,692,301
Penyelesaian wakalah dalam tahun semasa	(131,692,301)	(125,225,887)	(131,692,301)	(125,225,887)
Pada akhir tahun	106,648,366	131,692,301	106,648,366	131,692,301

Pendahuluan agihan wakalah tertunda MAIWP diwakili oleh Kumpulan Wang Zakat sahaja.

Pendahuluan agihan wakalah tertunda adalah pendahuluan wang zakat kepada pembayar zakat untuk diagihkan sendiri kepada asnaf dengan menggunakan konsep Al-Wakalah tertakluk pada syarat-syarat yang ditetapkan.

7. BELUM TERIMA

	KUMPULAN		MAIWP	
	2024 RM	2023 RM (Dinyatakan Semula)	2024 RM	2023 RM (Dinyatakan Semula)
Belum terima	62,191,769	54,661,481	3,231,769	4,822,176
Tambah: Pelunasan diskaun	25,116	60,284	25,116	60,284
Tolak: Peruntukan hutang ragu	(11,263,312)	(16,630,934)	(1,370,324)	(1,277,473)
	50,953,573	38,090,831	1,886,561	3,604,987

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

7. BELUM TERIMA (SAMB.)

Belum terima MAIWP diwakili oleh kumpulan-kumpulan wang seperti berikut:

	KUMPULAN WANG WAKAF		KUMPULAN WANG ZAKAT		KUMPULAN WANG SUMBER AM	
	2024 RM	2023 RM (Dinyatakan Semula)	2024 RM	2023 RM	2024 RM	2023 RM
Belum terima	122,710	136,002	2,634,206	4,175,780	474,853	510,394
Tambah: Pelunasan diskaun	-	-	12,542	43,067	12,574	17,217
Tolak: Peruntukan hutang ragu	(112,322)	(112,322)	(929,234)	(825,637)	(328,768)	(339,514)
	10,388	23,680	1,717,514	3,393,210	158,659	188,097

Belum terima dianalisa seperti berikut:

	KUMPULAN		MAIWP	
	2024 RM	2023 RM (Dinyatakan Semula)	2024 RM	2023 RM (Dinyatakan Semula)
Tidak melebihi 12 bulan	50,874,522	37,666,480	1,807,510	3,180,636
Melebihi 12 bulan	79,051	424,351	79,051	424,351
	50,953,573	38,090,831	1,886,561	3,604,987

Belum terima MAIWP dianalisis mengikut kumpulan-kumpulan wang seperti berikut:

	KUMPULAN WANG WAKAF		KUMPULAN WANG ZAKAT		KUMPULAN WANG SUMBER AM	
	2024 RM	2023 RM (Dinyatakan Semula)	2024 RM	2023 RM	2024 RM	2023 RM
Tidak melebihi 12 bulan	10,388	23,680	1,700,857	3,078,153	96,265	78,803
Melebihi 12 bulan	-	-	16,657	315,057	62,394	109,294
	10,388	23,680	1,717,514	3,393,210	158,659	188,097

8. LAIN-LAIN BELUM TERIMA

	KUMPULAN		MAIWP	
	2024 RM	2023 RM (Dinyatakan Semula)	2024 RM	2023 RM (Dinyatakan Semula)
Pelbagai belum terima	18,119,318	20,152,963	14,386,484	15,022,236
Tambah: Pelunasan diskaun	427,398	386,031	427,398	385,572
Tolak: Peruntukan hutang ragu	(70,821)	(82,369)	(70,821)	(82,369)
	18,475,895	20,456,625	14,743,061	15,325,439
Deposit dibayar	39,622,056	9,922,264	29,734,259	4,210,204
Pendahuluan	31,709,335	19,386,749	48,729,492	47,683,251
	89,807,286	49,765,638	93,206,812	67,218,894

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

8. LAIN-LAIN BELUM TERIMA (SAMB.)

Lain-lain belum terima MAIWP diwakili oleh kumpulan-kumpulan wang seperti berikut:

	KUMPULAN WANG WAKAF		KUMPULAN WANG ZAKAT		KUMPULAN WANG SUMBER AM	
	2024 RM	2023 RM (Dinyatakan Semula)	2024 RM	2023 RM	2024 RM	2023 RM
Pelbagai belum terima	194,659	143,936	10,006,034	10,655,671	4,185,791	4,222,629
Tambah: Pelunasan diskaun	-	-	318	318	427,080	385,254
Tolak: Peruntukan hutang ragu	-	-	(70,821)	(82,369)	-	-
	194,659	143,936	9,935,531	10,573,620	4,612,871	4,607,883
Deposit dibayar	2,900	2,900	29,721,670	4,176,235	9,689	31,069
Pendahuluan	2,631,837	-	45,824,591	43,872,254	3,973,064	3,810,997
	2,829,396	146,836	85,481,792	58,622,109	8,595,624	8,449,949

Termasuk di dalam pelbagai belum terima adalah pinjaman kakitangan menggunakan prinsip Qardhul Hasan berjumlah RM3,332,315 (2023: RM3,156,627) di mana pinjaman ini tidak dikenakan sebarang keuntungan dan diiktiraf pada nilai semasa kini.

Lain-lain belum terima dianalisa seperti berikut:

	KUMPULAN		MAIWP	
	2024 RM	2023 RM (Dinyatakan Semula)	2024 RM	2023 RM (Dinyatakan Semula)
Tidak melebihi 12 bulan	86,755,715	46,909,359	90,155,241	64,362,615
Melebihi 12 bulan	3,051,571	2,856,279	3,051,571	2,856,279
	89,807,286	49,765,638	93,206,812	67,218,894

Lain-lain belum terima MAIWP dianalisis mengikut kumpulan-kumpulan wang seperti berikut:

	KUMPULAN WANG WAKAF		KUMPULAN WANG ZAKAT		KUMPULAN WANG SUMBER AM	
	2024 RM	2023 RM (Dinyatakan Semula)	2024 RM	2023 RM	2024 RM	2023 RM
Tidak melebihi 12 bulan	2,829,396	146,836	85,481,792	58,622,109	5,544,053	5,593,670
Melebihi 12 bulan	-	-	-	-	3,051,571	2,856,279
	2,829,396	146,836	85,481,792	58,622,109	8,595,624	8,449,949

9. AMAUN TERHUTANG DARIPADA ENTITI YANG DIKAWAL

Amaun terhutang daripada entiti yang dikawal dianalisa seperti berikut:

	KUMPULAN		MAIWP	
	2024 RM	2023 RM (Dinyatakan Semula)	2024 RM	2023 RM (Dinyatakan Semula)
Tidak melebihi 12 bulan	-	-	116,870,257	107,081,769
Melebihi 12 bulan	-	-	6,216,132	12,348,788
	-	-	123,086,389	119,430,557

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

9. AMAUN TERHUTANG DARIPADA ENTITI YANG DIKAWAL (SAMB.)

Amaun terhutang daripada entiti yang dikawal MAIWP dianalisa mengikut kumpulan-kumpulan wang seperti berikut:

	KUMPULAN WANG WAKAF		KUMPULAN WANG ZAKAT		KUMPULAN WANG SUMBER AM	
	2024 RM	2023 RM (Dinyatakan Semula)	2024 RM	2023 RM	2024 RM	2023 RM
Tidak melebihi 12 bulan	188,545	105,171	115,307,923	106,477,583	1,373,789	499,015
Melebihi 12 bulan	-	-	6,216,132	12,348,788	-	-
	188,545	105,171	121,524,055	118,826,371	1,373,789	499,015

- MAIWP telah memberi pinjaman kepada sebuah entiti yang dikawal berjumlah RM19,800,000 (mengikut prinsip Qardh) dan bayaran perkhidmatan dikenakan oleh MAIWP sebanyak RM4,255,845 (prinsip Ujrah). Penyaluran adalah secara berperingkat. Penyaluran pertama sebanyak RM10,000,000 pada Disember 2022 dan bayaran balik secara skim ansuran sebanyak RM101,245 sebulan selama 10 tahun (120 bulan) bermula Januari 2023 sehingga Disember 2032. Penyaluran kedua sebanyak RM5,000,000 pada Januari 2023 dan bayaran balik secara skim ansuran sebanyak RM50,622.57 sebulan selama 10 tahun (120 bulan) bermula Februari 2023 sehingga Januari 2033. Penyaluran terakhir sebanyak RM4,800,000 pada Januari 2024 dan bayaran balik secara skim ansuran sebanyak RM48,597.66 sebulan selama 10 tahun (120 bulan) bermula Februari 2024 sehingga Januari 2034. Walaubagaimanapun, sebahagian pinjaman telah diselesaikan lebih awal dan jadual bayaran balik pinjaman dijadualkan semula. semula. Pada September 2024, baki pinjaman adalah sebanyak RM7,111,531 (mengikut prinsip Qardh) dan bayaran perkhidmatan dikenakan oleh MAIWP sebanyak RM1,378,076.33 (prinsip Ujrah). Bayaran balik penyaluran pertama telah selesai. Manakala bayaran balik bagi penyaluran kedua secara skim ansuran sebanyak RM29,684 sebulan selama 8 tahun 5 bulan (101 bulan) bermula September 2024 sehingga Januari 2033 dan bayaran balik bagi penyaluran ketiga secara skim ansuran sebanyak RM48,597.66 sebulan selama baki 9 tahun 4 bulan (112 bulan) bermula September 2024 sehingga Januari 2034.
- MAIWP telah memberi pinjaman kepada sebuah entiti yang dikawal bagi pelaksanaan rasionalisasi syarikat berjumlah RM500,000 (mengikut prinsip Qardh) dan tiada bayaran perkhidmatan (prinsip Ujrah) dikenakan oleh MAIWP.
- Termasuk di dalam jumlah terhutang oleh entiti-entiti yang dikawal adalah jumlah kutipan zakat yang masih belum dipindahkan ke MAIWP.
- Selain daripada yang disebut di atas, lain-lain pinjaman tidak dikenakan keuntungan, tidak bercagar dan tidak ada sebarang syarat pembayaran balik yang tetap.

10. INVENTORI

	KUMPULAN		MAIWP	
	2024 RM	2023 RM	2024 RM	2023 RM
<i>Pada kos:</i>				
Bekalan perubatan	2,568,751	1,966,473	-	-
Barangan pakai buang	-	1,011,766	-	-
Barangan runcit	520,018	669,171	-	-
	3,088,769	3,647,410	-	-

11. ASET KEWANGAN

	KUMPULAN		MAIWP	
	2024 RM	2023 RM	2024 RM	2023 RM
<i>Pada kos:</i>				
Amanah Hartanah Bumiputera	95,000,000	35,000,000	95,000,000	35,000,000
	95,000,000	35,000,000	95,000,000	35,000,000

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

11. ASET KEWANGAN (SAMB.)

Aset kewangan MAIWP diwakili oleh kumpulan-kumpulan wang seperti berikut:

	KUMPULAN WANG WAKAF		KUMPULAN WANG ZAKAT		KUMPULAN WANG SUMBER AM	
	2024 RM	2023 RM	2024 RM	2023 RM	2024 RM	2023 RM
<i>Pada kos:</i>						
Amanah Hartanah Bumiputera	-	-	80,000,000	30,000,000	15,000,000	5,000,000
	-	-	80,000,000	30,000,000	15,000,000	5,000,000

Aset kewangan dianalisis seperti berikut:

	KUMPULAN		MAIWP	
	2024 RM	2023 RM	2024 RM	2023 RM
Tidak melebihi 12 bulan	-	-	-	-
Melebihi 12 bulan	95,000,000	35,000,000	95,000,000	35,000,000
	95,000,000	35,000,000	95,000,000	35,000,000

Aset kewangan MAIWP dianalisis mengikut kumpulan-kumpulan wang seperti berikut:

	KUMPULAN WANG WAKAF		KUMPULAN WANG ZAKAT		KUMPULAN WANG SUMBER AM	
	2024 RM	2023 RM	2024 RM	2023 RM	2024 RM	2023 RM
Tidak melebihi 12 bulan	-	-	-	-	-	-
Melebihi 12 bulan	-	-	80,000,000	30,000,000	15,000,000	5,000,000
	-	-	80,000,000	30,000,000	15,000,000	5,000,000

12. PELABURAN DALAM SAHAM

	KUMPULAN		MAIWP	
	2024 RM	2023 RM	2024 RM	2023 RM
<i>Pada nilai saksama:</i>				
Bank Islam Malaysia Berhad	3,720,339	3,325,455	3,720,339	3,325,455
TH Plantations Berhad	1,632,000	1,260,000	1,632,000	1,260,000
Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad	1,387,403	1,226,907	1,387,403	1,226,907
Pelaburan oleh syarikat subsidiari	1	1	-	-
	6,739,743	5,812,363	6,739,742	5,812,362

Pelaburan dalam saham MAIWP diwakili oleh Kumpulan Wang Zakat sahaja. Nilai pasaran pelaburan dalam saham tersiar harga ditentukan berdasarkan kepada harga pasaran yang tersenarai di dalam pasaran aktif.

13. PELABURAN DALAM ENTITI YANG DIKAWAL

	KUMPULAN		MAIWP	
	2024 RM	2023 RM	2024 RM	2023 RM
Saham tidak tersiar harga pada kos	-	-	86,800,308	65,220,000
Tolak: Rosot nilai	-	-	(18,853,440)	(21,853,250)
	-	-	67,946,868	43,366,750

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

13. PELABURAN DALAM ENTITI YANG DIKAWAL (SAMB.)

Pelaburan dalam entiti yang dikawal MAIWP adalah diwakili oleh kumpulan-kumpulan wang seperti berikut:

	KUMPULAN WANG WAKAF		KUMPULAN WANG ZAKAT		KUMPULAN WANG SUMBER AM	
	2024 RM	2023 RM	2024 RM	2023 RM	2024 RM	2023 RM
Saham tidak tersiar harga pada kos	-	-	85,800,308	61,720,000	1,000,000	3,500,000
Tolak: Rosot nilai	-	-	(18,853,440)	(18,353,251)	-	(3,499,999)
	-	-	66,946,868	43,366,749	1,000,000	1

Butir-butir bagi syarikat subsidiari yang ditubuhkan di Malaysia ialah:

Nama	Tempat Perniagaan	Kegiatan Utama	Kepentingan Efektif	
			2024 %	2023 %
Hospital Pusrawi Sdn. Bhd. (*)	Malaysia	Menawarkan kemudahan dan perkhidmatan hospital, perubatan serta pembedahan.	-	100
Harta Suci Sdn. Bhd.	Malaysia	Menguruskan pungutan zakat bagi pihak MAIWP.	100	100
Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan (**)	Malaysia	Menguruskan dana peruntukan dari Badan Induk untuk agihan dan sumbangan.	-	-
Institut Profesional Baitulmal Sdn. Bhd.	Malaysia	Mengendalikan kursus profesional yang diluluskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.	100	100
Kolej Sains Perubatan Antarabangsa PUSRAWI Sdn. Bhd.	Malaysia	Menguruskan dan beroperasi sebagai sebuah Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) yang menjurus kepada bidang sains kesihatan bersekutu dan penyediaan rawatan dialisis serta peniagaan semua jenis produk perubatan.	100	100
MAIWP Dagang Sdn. Bhd.	Malaysia	Menjalankan perniagaan am.	100	100
Pusat Wakaf MAIWP Sdn. Bhd. (***)	Malaysia	Menguruskan kutipan wakaf bagi pihak MAIWP.	-	100
MAIWP Healthcare Sdn. Bhd. (*)	Malaysia	Menguruskan perkhidmatan perubatan klinik.	-	100
PUSRAWI Heritage Sdn. Bhd. (*)	Malaysia	Menguruskan perkhidmatan pengurusan bagi hospital dan klinik.		100

- a. Penyata Kewangan bagi semua entiti yang dikawal MAIWP diaudit oleh juruaudit swasta yang telah dilantik.
- b. (*) MAIWP telah melaksanakan penstrukturan semula organisasi berkuatkuasa 10 Oktober 2024. Sehubungan daripada penstrukturan semula tersebut, pemindahan saham Pusrawi Heritage Sdn. Bhd. dimiliki sepenuhnya oleh MAIWP dan pemindahan saham Hospital Pusrawi Sdn. Bhd dan MAIWP Healthcare Sdn. Bhd. dimiliki sepenuhnya oleh Pusrawi Heritage Sdn. Bhd. Kesan daripada penstrukturan semula organisasi tersebut, MAIWP telah menjadi Badan Induk Utama kepada Pusrawi Heritage Sdn. Bhd. dan Pusrawi Heritage Sdn. Bhd. menjadi Syarikat Induk kepada Hospital Pusrawi Sdn. Bhd. dan MAIWP Healthcare Sdn. Bhd.
- c. (**) Penyata Kewangan Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan digabungkan sebagai entiti yang dikawal kerana Yayasan ini mewakili kepentingan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (Syarikat Berhad Dengan Jaminan) seperti yang dinyatakan dalam para 4(a) Memorandum dan Artikel penubuhannya.
- d. (***) Pusat Wakaf MAIWP Sdn. Bhd. telah digulungan oleh pelikuidasi pada Julai 2024.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

14. ASET TAK KETARA (SAMB.)

	Kos				Pelunasan Terkumpul							
	Pada awal tahun	Tambahan dalam tahun	Jualan / Luputan	Pelarasan bagi tahun semasa	Pada akhir tahun	Pada awal tahun	Pelunasan dalam tahun	Jualan / Luputan	Pelarasan bagi tahun semasa	Pada akhir tahun	Nilai buku bersih 2024	Nilai buku bersih 2023
KUMPULAN WANG WAKAF												
Perisian dan sistem komputer	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
KUMPULAN WANG ZAKAT												
Perisian dan sistem komputer	1,569,672	1,512,136	-	-	3,081,808	1,350,314	294,641	-	-	1,644,955	1,436,853	219,358
	1,569,672	1,512,136	-	-	3,081,808	1,350,314	294,641	-	-	1,644,955	1,436,853	219,358
KUMPULAN WANG SUMBER AM												
Perisian dan sistem komputer	800,275	1,626,069	-	-	2,426,344	64,504	325,858	-	-	390,362	2,035,982	735,771
	800,275	1,626,069	-	-	2,426,344	64,504	325,858	-	-	390,362	2,035,982	735,771

*Lesen dinyatakan adalah surat kelulusan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia bagi menjalankan Pusat Hemodialisis.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

15. ASET DALAM PEMBINAAN

	KUMPULAN		MAIWP	
	2024 RM	2023 RM (Dinyatakan Semula)	2024 RM	2023 RM (Dinyatakan Semula)
Pada awal tahun	41,158,576	302,915,553	36,676,417	301,137,620
- Seperti yang dinyatakan semula				
Pelarasan baki awal	-	(2,726,952)	-	(2,726,952)
Pada awal tahun	41,158,576	300,188,601	36,676,417	298,410,668
- Seperti yang dinyatakan semula				
Pertambahan di dalam tahun semasa	14,275,038	22,311,276	14,058,133	19,607,050
Pindahan ke hartanah, loji dan peralatan serta aset tak ketara	(6,870,497)	(281,046,810)	(6,061,426)	(281,046,810)
Pindahan ke hartanah pelaburan (Nota 16)	(19,165,791)	(294,491)	(19,165,791)	(294,491)
Pindahan ke lebihan atau kekurangan	(5,984,658)	-	(5,984,658)	-
Pada akhir tahun	23,412,668	41,158,576	19,522,675	36,676,417

Aset dalam pembinaan MAIWP diwakili oleh kumpulan-kumpulan wang seperti berikut:

	KUMPULAN WANG WAKAF		KUMPULAN WANG ZAKAT		KUMPULAN WANG SUMBER AM	
	2024 RM	2023 RM	2024 RM	2023 RM (Dinyatakan Semula)	2024 RM	2023 RM
Pada awal tahun	7,139	-	29,117,262	27,655,732	7,552,016	273,481,888
- Seperti yang dinyatakan sebelumnya						
Pelarasan baki awal	-	-	-	(2,726,952)	-	-
Pada awal tahun	7,139	-	29,117,262	24,928,780	7,552,016	273,481,888
- Seperti yang dinyatakan semula						
Pertambahan di dalam tahun semasa	52,655	7,139	6,876,915	5,181,008	7,128,563	14,418,903
Pindahan ke hartanah, loji dan peralatan serta aset tak ketara	-	-	(4,881,965)	(698,035)	(1,179,461)	(280,348,775)
Pindahan ke hartanah pelaburan (Nota 16)	-	-	(19,165,791)	(294,491)	-	-
Pindahan ke lebihan atau kekurangan	-	-	(5,984,658)	-	-	-
Pada akhir tahun	59,794	7,139	5,961,763	29,117,262	13,501,118	7,552,016

Pindahan ke lebihan atau kekurangan adalah merujuk kepada hapuskira harta dalam kemajuan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

15. ASET DALAM PEMBINAAN (SAMB.)

Aset dalam pembinaan dikelaskan adalah seperti berikut:

	KUMPULAN		MAIWP	
	2024 RM	2023 RM (Dinyatakan Semula)	2024 RM	2023 RM (Dinyatakan Semula)
Bangunan	20,646,995	35,434,343	16,757,002	30,952,184
Ubahsuai	501,644	2,246,694	501,644	2,246,694
Projek kecil	2,264,029	3,477,539	2,264,029	3,477,539
	23,412,668	41,158,576	19,522,675	36,676,417

Aset dalam pembinaan MAIWP dikelaskan mengikut kumpulan-kumpulan wang seperti berikut:

	KUMPULAN WANG WAKAF		KUMPULAN WANG ZAKAT		KUMPULAN WANG SUMBER AM	
	2024 RM	2023 RM	2024 RM	2023 RM (Dinyatakan Semula)	2024 RM	2023 RM
Bangunan	59,794	7,139	5,460,119	25,533,677	11,237,089	5,411,368
Ubahsuai	-	-	501,644	2,246,694	-	-
Projek kecil	-	-	-	1,336,891	2,264,029	2,140,648
	59,794	7,139	5,961,763	29,117,262	13,501,118	7,552,016

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

16. HARTANAH PELABURAN

	Pada awal tahun RM	Pelaburan baki awal RM	Pada awal tahun selepas pelaburan RM	Keuntungan dari perubahan nilai saksama RM	Kerugian dari perubahan nilai saksama RM	Tambahan tahun semasa RM	Pelaburan tahun semasa RM	Pindahan dari / (ke) Hartanah, Loji & Peralatan RM	Pindahan dari Aset Dalam Pembinaan (Nota 15) RM	Pada akhir tahun 2024 RM	Pada akhir tahun 2023 RM
KUMPULAN											
Tanah	380,177,709	189,854,000	570,031,709	-	(16,201)	287,000	-	-	-	570,302,508	570,031,709
Bangunan	341,548,521	854,000	342,402,521	2,238,000	-	83,000	-	(1,692,000)	19,165,791	362,197,312	342,402,521
Tanah kebajikan	190	-	190	-	-	-	-	-	-	190	190
	721,726,420	190,708,000	912,434,420	2,238,000	(16,201)	370,000	-	(1,692,000)	19,165,791	932,500,010	912,434,420
MAIWP											
Tanah	378,577,708	189,854,000	568,431,708	-	(16,201)	287,000	-	-	-	568,702,507	568,431,708
Bangunan	326,274,522	854,000	327,128,522	-	-	83,000	-	-	19,165,791	346,377,313	327,128,522
Tanah kebajikan	190	-	190	-	-	-	-	-	-	190	190
	704,852,420	190,708,000	895,560,420	-	(16,201)	370,000	-	-	19,165,791	915,080,010	895,560,420
Hartanah pelaburan MAIWP diwakili oleh kumpulan-kumpulan wang seperti berikut:											
KUMPULAN WANG WAKAF											
Tanah	1,424,000	189,854,000	191,278,000	-	-	287,000	-	-	-	191,565,000	191,278,000
Bangunan	840,000	854,000	1,694,000	-	-	83,000	-	-	-	1,777,000	1,694,000
	2,264,000	190,708,000	192,972,000	-	-	370,000	-	-	-	193,342,000	192,972,000
KUMPULAN WANG ZAKAT											
Tanah	325,410,518	-	325,410,518	-	-	-	-	-	-	325,410,518	325,410,518
Bangunan	285,222,327	-	285,222,327	-	-	-	-	-	19,165,791	304,388,118	285,222,327
	610,632,845	-	610,632,845	-	-	-	-	-	19,165,791	629,798,636	610,632,845
KUMPULAN WANG SUMBER AM											
Tanah	51,743,190	-	51,743,190	-	(16,201)	-	-	-	-	51,726,989	51,743,190
Bangunan	40,212,195	-	40,212,195	-	-	-	-	-	-	40,212,195	40,212,195
Tanah kebajikan	190	-	190	-	-	-	-	-	-	190	190
	91,955,575	-	91,955,575	-	(16,201)	-	-	-	-	91,939,374	91,955,575

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

16. HARTANAH PELABURAN (SAMB.)

Tanah kebajikan ialah tanah yang dibangunkan untuk perkhidmatan sosial seperti masjid, sekolah, surau, pusat komuniti Islam dan lain-lain berdasarkan syarat nyata di geran tanah atau seperti yang diwartakan ke atas tanah tersebut dimana direkodkan pada nilai nominal.

Nilai saksama hartanah pelaburan bagi tanah kebajikan tidak dapat diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha atau usaha tidak wajar kerana tiada keupayaan penilaian dalaman untuk menentukan nilai saksama disebabkan sifat hartanah, tiada harga pasaran yang boleh dibandingkan dan tiada kepastian pemboleh ubah yang penting yang boleh digunakan untuk menilai hartanah tersebut.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

17. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

Kumpulan

	Kos / Nilai										Susutnilai terkumpul			
	Pada awal tahun		Peralasan baki awal		Pada akhir tahun		Peralasan bagi tahun semasa		Tambahan dalam tahun		Pada awal tahun		Peralasan baki awal	
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Tanah pajakan	90,588,601	-	90,588,601	-	90,588,601	-	-	-	-	-	17,758,259	963,190	-	18,721,449
Tanah pegangan bebas	445,379,546	-	445,379,546	389,010	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Tanah wakaf am pajakan	1,846,344	-	1,846,344	60,549	1,906,893	70,087	469	-	-	-	70,556	23,258	-	93,814
Tanah wakaf am pegangan bebas	29,324,813	-	29,324,813	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Tanah wakaf khas pajakan	-	1,784,969	1,784,969	-	-	-	-	-	-	-	143,170	34,623	-	177,793
Tanah wakaf khas pegangan bebas	-	75,728,163	75,728,163	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
	567,139,304	77,513,132	644,652,436	449,559	-	-	-	-	645,101,995	17,828,346	143,639	1,021,071	-	18,993,056
Bangunan pajakan	42,421,051	-	42,421,051	836,740	-	-	-	-	43,257,791	9,899,354	-	1,005,311	-	10,904,665
Bangunan pegangan bebas	586,349,359	-	586,349,359	4,527,606	(88,500)	1,692,000	592,480,465	68,432,838	-	-	68,432,838	11,822,940	(16,600)	80,243,530
Bangunan wakaf am pajakan	6,564,316	-	6,564,316	200,000	-	-	-	-	6,764,316	285,300	-	134,953	-	420,253
Bangunan wakaf am pegangan bebas	297,700	2,780,000	3,077,700	-	-	-	-	3,947	4,633	8,580	61,554	-	-	70,134
Bangunan wakaf khas pajakan	-	1,482,720	1,482,720	156,000	-	-	-	-	60,018	60,018	-	30,435	-	90,453
Bangunan wakaf khas pegangan bebas	-	7,490,000	7,490,000	365,000	-	-	-	-	221,667	221,667	-	154,058	-	375,725
	635,632,426	11,752,720	647,385,146	6,085,346	(88,500)	1,692,000	655,073,992	78,621,439	286,318	78,907,757	13,209,251	(16,600)	4,352	92,104,760
Ubahsuai	20,912,767	-	20,912,767	218,831	(121,499)	(494,674)	20,515,425	20,233,083	-	20,233,083	106,146	(38,114)	(250,517)	20,050,598
Kenderaan	15,611,022	9,758	15,620,780	613,713	(253,883)	254	15,980,864	12,796,888	283	12,797,171	1,018,603	(253,869)	256	13,562,161
Komputer	25,790,033	-	25,790,033	5,186,117	(1,697,481)	10,986,150	40,264,819	16,564,244	-	16,564,244	4,938,464	(1,680,365)	7,767,777	27,590,120
Peralatan pejabat, perabot dan sukan	41,942,713	-	41,942,713	1,188,682	(762,478)	(11,058,382)	31,310,535	26,902,933	-	26,902,933	1,658,792	(712,240)	(7,535,516)	20,313,969
Peralatan kelengkapan penyiaran dan perhubungan	2,327,109	194,600	2,521,709	22,993	(18,860)	(787)	2,525,055	1,497,775	1,621	1,499,396	220,493	(18,857)	(784)	1,700,248
Alat kelengkapan fotografi, perubatan dan muzik	68,723,411	-	68,723,411	5,604,394	-	-	74,327,805	44,302,807	-	44,302,807	3,646,720	-	-	47,949,527
Alat kelengkapan keselamatan, kebersihan dan kesihatan	861,835	-	861,835	81,430	-	-	943,265	37,135	-	37,135	95,088	-	-	132,223
